

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

PERAK

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



ISSN 2811-4086



9 7 7 2 8 1 1 4 0 8 0 0 9

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>

Emel: jbaudit@audit.gov.my

Tel: 603-8091 1000

Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2021

Laman web: www.printnasiona.com.my

Emel: cservice@printnasiona.com.my

Tel: 603-9236 6895

Faks: 603-9222 4773



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

PERAK

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

vii

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN

NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Ringkasan Eksekutif	3
Pendahuluan	5
Objektif dan Metodologi Pengauditan	6
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	7

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Ringkasan Eksekutif	11
Latar Belakang	13
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	13
Penyata Prestasi Kewangan	13
Kumpulan Wang Disatukan	14
Wang Awam	16
Akaun Hasil Disatukan	18
Akaun Pinjaman Disatukan	37
Akaun Amanah Disatukan	37
Penyata Akaun Memorandum	59
Nota Kepada Penyata Kewangan	71
Rumusan Audit	74
Syor Audit	75

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA

KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Ringkasan Eksekutif	79
Pendahuluan	81
Pengauditan Penyata Kewangan	81
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	82
Pemakaian Piawaian Perakaunan	84
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	84
Pembentangan Penyata Kewangan	94
Analisis Prestasi Kewangan	96
Rumusan Audit	96
Syor Audit	97

BAHAGIAN IV

PEMGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Ringkasan Eksekutif	101
Pengenalan	103
Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hilir Perak	107
1. Perolehan Sebut Harga	
Yayasan Perak	117
2. Penggunaan Dana Program Sayangi Rumahku	
Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak	131
3. Agihan Zakat Kepada Asnaf	

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara	147
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri	147

PENUTUP	151
----------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran I	- Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak	155
Lampiran II	- Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	159
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	160
Lampiran IV	- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	161
Lampiran V	- Penyata Prestasi Kewangan	162
Lampiran VI	- Penyata Akaun Memorandum	163
Lampiran VII	- Nota Kepada Penyata Kewangan	164

AKRONIM	183
----------------	-----



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Perak, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Perak.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perak Tahun 2020 serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:

- i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
- ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
- iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
- iv. Pengauditan Pematuhan; dan
- v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2020. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2020, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpanduan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksanakan berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini di sebalik kekangan yang timbul akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 sehingga 2021.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya

22 November 2021



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak tahun 2020 mengandungi Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Hal-Hal Lain

Kerajaan Negeri Perak hendaklah menyediakan Arahan Amanah bagi Akaun Amanah Kerajaan Kira-Kira Perjalanan Woksyop yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Arahan Amanah ini bertujuan sebagai garis panduan dalam mengendalikan dan menguruskan sesuatu akaun amanah.

Penyediaan Arahana Amanah hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

FAKTA UTAMA

1 Januari 2020 – 31 Disember 2020 Tahun kewangan Kerajaan negeri	31 Julai 2021 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	15 Februari 2021 Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	• Penyata Kedudukan Kewangan • Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai • Penyata Prestasi Kewangan • Penyata Akaun Memorandum • Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-Hal Lain	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 kepada Jabatan Audit Negara pada **15 Februari 2021**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2020 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit

Dalam Negeri Jangka Panjang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2020. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain seperti bayaran amanah.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan. Maklumat tambahan juga dinyatakan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama. Rekod perakaunan yang berkaitan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2020. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Perak dan jabatan-jabatan negeri melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan dan disalinkan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri untuk makluman.

2.3. Mesyuarat Penutup bersama Pegawai Kewangan Negeri dan ketua-ketua jabatan negeri telah diadakan pada **13 Ogos 2021**.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan piawaian pengauditan yang diluluskan serta The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan, salah nyata dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2020 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Bagaimanapun, perkara berikut dibangkitkan dalam perenggan Hal-Hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara:

3.3.1. Kerajaan Negeri Perak hendaklah menyediakan Arahan Amanah bagi Akaun Amanah Kerajaan Kira-Kira Perjalanan Woksyop yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Arahan Amanah ini bertujuan sebagai garis panduan dalam mengendalikan dan menguruskan sesuatu akaun amanah. Penyediaan Arahan Amanah hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3.4. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti dalam **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

**BAHAGIAN II
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Perkara Utama**Apa yang diaudit?**

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Perak secara keseluruhannya pada akhir tahun 2020, di samping dapat membantu Kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM1.260 bilion, iaitu menurun sebanyak RM20.79 juta berbanding RM1.280 bilion pada akhir tahun 2019.
- Pelaburan Am kekal pada RM916.37 juta seperti tahun 2019.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan penurunan sebanyak RM78.01 juta menjadi RM539.58 juta berbanding RM617.59 juta pada tahun 2019.
- Kutipan hasil menurun sebanyak RM111.36 juta atau 10.2% menjadi RM0.984 bilion berbanding RM1.095 bilion pada tahun 2019.
- Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada keseluruhannya menurun sebanyak RM28.21 juta atau 2.6%, iaitu daripada RM1.090 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.062 bilion pada tahun 2020.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri di bawah RMKe-11 bagi tahun 2016 hingga tahun 2020 adalah baik, iaitu sejumlah RM1.832 bilion atau 87.3% telah dibelanjakan berbanding RM2.100 bilion peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 3,034 projek telah dirancang yang mana 3,007 projek atau

99.1% telah disiapkan sepenuhnya, 15 projek atau 0.5% sedang dilaksanakan dan 12 projek atau 0.4% masih belum dimulakan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM80.09 juta atau 29.3% daripada RM273.03 juta pada tahun 2019 kepada RM192.94 juta pada tahun 2020. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM6.24 juta atau 49% daripada RM12.74 juta pada tahun 2019 kepada RM18.98 juta pada tahun 2020.
- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM80.45 juta atau 31.4% menjadi RM175.35 juta berbanding RM255.80 juta pada tahun 2019. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM5.22 juta atau 22.4% menjadi RM28.51 juta berbanding RM23.28 juta (selepas ditolak hapus kira berjumlah RM3.76 juta) pada tahun 2019.
- Tunggakan hasil meningkat sebanyak RM25.22 juta atau 24.6% kepada RM127.55 juta daripada RM102.33 juta pada tahun 2019.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA		
PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↓ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2020 – RM0.984 Bilion	2020 – RM539.58 Juta	2020 – RM192.94 Juta
2019 - RM1.095 Bilion	2019 - RM617.59 Juta	2019 - RM273.03 Juta
↑ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↑ PELABURAN
2020 - RM1.097 Bilion	2020 - RM0	2020 – RM91.79 Juta
2019 - RM1.095 Bilion	2019 - RM0	2019 - RM80.79 Juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2020 – RM719.97 Juta	2020 – RM175.35 Juta
	2019 - RM662.75 Juta	2019 - RM255.80 Juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2020, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2020, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM983.53 juta, terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM1.097 bilion. Keadaan ini menyebabkan **Kerajaan negeri mengalami**

kurangan sebanyak RM113.55 juta bagi membiayai perbelanjaannya.

Bagaimanapun kekurangan tersebut ditampung dengan Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah. Butiran Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil:				
Hasil Cukai	432.88	472.11	(39.23)	(8.3)
Hasil Bukan Cukai	343.22	412.67	(69.45)	(16.8)
Terimaan Bukan Hasil	207.43	210.11	(2.68)	(1.3)
JUMLAH HASIL	983.53	1,094.89	(111.36)	(10.2)
(-) Perbelanjaan:				
Perbelanjaan Mengurus (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	707.54	737.75	(30.21)	(4.1)
Perbelanjaan Pembangunan	389.54	357.35	32.19	9.0
JUMLAH PERBELANJAAN	1,097.08	1,095.10	1.98	0.2
Lebihan/Defisit	(113.55)	(0.21)	(113.34)	(53,971.4)
LEBIHAN BAGI MEMBIAYAI:				
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	36.18	52.54	(16.36)	(31.1)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	77.37	(52.33)	129.70	(247.9)
JUMLAH PEMBIAYAAN	113.55	0.21	113.34	53,971.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah RM1.260 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM343.18 juta dan pelaburan sejumlah RM916.37 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Perak pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	539.58	617.59	(78.01)	(12.6)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	719.97	662.75	57.22	8.6
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	358.38	319.77	38.61	12.1
	ii) Kumpulan Wang Pembangunan	(48.56)	(49.20)	0.64	(1.3)
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	264.25	236.25	28.00	11.9
	iv) Deposit	145.90	155.93	(10.03)	(6.4)
	JUMLAH	1,259.55	1,280.34	(20.79)	(1.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019


4.2. Analisis Audit mendapati **Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri telah menurun sebanyak RM20.79 juta** (1.6%), iaitu daripada RM1.280 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.260 bilion pada tahun 2020. Faktor yang menyumbang kepada penurunan Kumpulan Wang Disatukan adalah penurunan baki dalam Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM78.01 juta yang lebih besar berbanding peningkatan baki dalam Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM57.22 juta. Trend kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**. Kedudukan baki bagi tahun 2019 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	598.86	602.53	612.45	617.59	539.58
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	352.27	442.13	464.16	662.75	719.97
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	257.03	274.28	279.54	319.77	358.38
	ii) Kumpulan Wang Pembangunan	(138.55)	(136.58)	(96.39)	(49.20)	(48.56)
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	95.78	186.06	144.27	236.25	264.25
	iv) Deposit	138.01	118.37	136.74	155.93	145.90
	JUMLAH	951.13	1,044.66	1,076.61	1,280.34	1,259.55

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Wang Awam. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa dan Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Manakala Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada 103 Panjar Wang Runcit dan 13 Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan baki Wang Tunai menunjukkan penurunan sebanyak RM20.79 juta atau 5.7% menjadi RM343.18 juta pada akhir tahun 2020 berbanding RM363.97 juta pada tahun 2019. Penurunan baki wang tunai adalah disebabkan jumlah terimaan Wang Tunai Dalam Bank telah menurun. Baki Wang Tunai Dalam Tangan sejumlah RM0.72 juta pada tahun 2020 tidak berubah berbanding tahun 2019. Analisis perbandingan baki wang tunai bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	342.46	363.25	(20.79)	(5.7)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.72	0.72	0.00	0.0
JUMLAH		343.18	363.97	(20.79)	(5.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan untuk melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pada tahun 2020, Pelaburan Kerajaan negeri terdiri daripada pegangan Saham dan Deposit Dalam Negeri yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

5.2.2. Kedudukan Pelaburan pada akhir tahun 2020 adalah sama seperti tahun 2019 iaitu RM916.37 juta seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham	34.77	34.77	0.00	0.0
2.	Deposit Dalam Negeri	881.60	881.60	0.00	0.0
JUMLAH		916.37	916.37	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

5.2.3. Pada tahun 2020, keseluruhan pulangan daripada pelaburan Saham dan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM40.63 juta. Dividen yang diterima daripada pelaburan Saham berjumlah RM3.52 juta, iaitu meningkat sebanyak RM1.05 juta atau 42.5% berbanding RM2.47 juta pada tahun 2019. Faedah dan hibah yang diterima daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri adalah RM37.11 juta, iaitu meningkat sebanyak RM4.84 juta atau 15% berbanding RM32.27 juta pada tahun 2019. Analisis pulangan pelaburan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PULANGAN PELABURAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham	3.52	2.47	1.05	42.5
2.	Deposit Dalam Negeri	37.11	32.27	4.84	15.0
JUMLAH		40.63	34.74	5.89	17.0
1.	Keuntungan Jualan Saham	0.00	4.56	(4.56)	(100.0)
JUMLAH KESELURUHAN		40.63	39.30	1.33	3.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

- a. Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.
- b. **Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2020 dengan kurangan berjumlah RM78.01 juta berbanding lebih RM5.14 juta yang diperoleh pada tahun 2019.** Kurangan ini berpunca daripada kutipan hasil berjumlah RM983.53 juta berbanding perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri yang berjumlah RM1.062 bilion. Oleh itu, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah menurun menjadi RM539.58 juta pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	617.59	612.45	5.14	0.8
Hasil	983.53	1,094.89	(111.36)	(10.2)
Perbelanjaan Mengurus	1,061.54	1,089.75	(28.21)	(2.6)
Lebihan/(Kurangan)	(78.01)	5.14	(83.15)	(1,617.7)
BAKI PADA 31 DISEMBER	539.58	617.59	(78.01)	(12.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- c. Analisis perbandingan bagi tahun 2016 hingga 2020 mendapati baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend meningkat mulai dari tahun 2016 hingga 2019 tetapi menurun pada tahun 2020. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM617.59 juta pada tahun 2019 merupakan baki tertinggi bagi tempoh lima tahun.


Kedudukan baki Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 2**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	596.06	598.86	602.53	612.45	617.59
Hasil	1,011.50	1,070.33	1,069.16	1,094.89	983.53
Perbelanjaan Mengurus	1,008.70	1,066.66	1,059.24	1,089.75	1,061.54
Lebihan/(Kurangan)	2.80	3.67	9.92	5.14	(78.01)
BAKI PADA 31 DISEMBER	598.86	602.53	612.45	617.59	539.58

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

CARTA 2
KEDUDUKAN BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

6.1. Hasil

6.1.1. Kerajaan negeri memungut tiga jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2020, kutipan hasil sebenar RM983.53 juta, berkurangan sebanyak RM76.07 juta (7.2%) berbanding anggaran hasil RM1.060 bilion. Pencapaian kutipan bagi Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2020 adalah cekap, iaitu kutipan sebenar melebihi anggaran hasil masing-masing pada kadar 14% dan 3.8%. Bagaimanapun pencapaian kutipan sebenar bagi Hasil Cukai adalah kurang 22.5% daripada anggaran hasil yang ditetapkan. Maklumat lanjut mengenai kutipan hasil negeri adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2020
BERBANDING ANGGARAN HASIL YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN HASIL	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	LEBIHAN/ (PENGURANGAN)	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	558.57	432.88	(125.69)	(22.5)
2.	Hasil Bukan Cukai	301.13	343.22	42.09	14.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	199.90	207.43	7.53	3.8
JUMLAH		1,059.60	983.53	(76.07)	7.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

6.1.2. Secara keseluruhannya, **hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2020 adalah berjumlah RM983.53 juta, iaitu menurun sebanyak RM111.36 juta** atau 10.2% berbanding RM1.095 bilion pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan Hasil Bukan Cukai menurun sebanyak RM69.45 juta yang berpunca daripada penurunan Premium Bagi Geran sebanyak RM48.35 juta (26.1%) kepada RM136.56 juta (2020) berbanding RM184.91 juta (2019). Jumlah kutipan hasil mengikut kategori pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	432.88	472.11	(39.23)	(8.3)
2.	Hasil Bukan Cukai	343.22	412.67	(69.45)	(16.8)
3.	Terimaan Bukan Hasil	207.43	210.11	(2.68)	(1.3)
JUMLAH		983.53	1,094.89	(111.36)	(10.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019


6.1.3. Prestasi kutipan hasil Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 menunjukkan peningkatan kecuali pada tahun 2018 dan 2020. Tahun 2019 mencatatkan kutipan hasil tertinggi bagi tempoh lima tahun seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 3**.

JADUAL 11
PRESTASI KUTIPAN HASIL
KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	452.40	479.56	434.66	472.11	432.88
2.	Hasil Bukan Cukai	357.26	405.63	420.84	412.67	343.22
3.	Terimaan Bukan Hasil	201.84	185.14	213.66	210.11	207.43
JUMLAH		1,011.50	1,070.33	1,069.16	1,094.89	983.53

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

CARTA 3
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

6.1.4. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri ialah Cukai Tanah, Perolehan daripada Jualan Barang-Barang, Terimaan daripada Agensi-Agensi Kerajaan yang Lain, Royalti serta Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan. Semua hasil ini menyumbang sejumlah RM818.10 juta atau 83.2% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2020 berjumlah RM983.53 juta. Secara perbandingan, lima hasil tersebut turut menyumbang sejumlah RM886.78 juta atau 81% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2019 berjumlah RM1.095 bilion.

6.1.5. Pada tahun 2020, hasil Cukai Tanah menyumbang sebanyak RM317.38 juta (32.3%) daripada keseluruhan hasil Kerajaan negeri. Manakala penyumbang kedua dan ketiga terbesar adalah Perolehan daripada Jualan Barang-Barang dan Terimaan daripada Agensi Kerajaan yang Lain dengan masing-masing sebanyak RM180.32 juta (18.3%) dan RM164.76 juta (16.7%). Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 12**. Trend penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun dari tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 12
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN
NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2020 DAN 2019

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020		2019	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	317.38	32.3	323.00	29.5
2.	Perolehan daripada Jualan Barang-Barang	180.32	18.3	232.19	21.2
3.	Terimaan daripada Agensi Kerajaan yang Lain	164.76	16.7	163.61	14.9
4.	Royalti	94.01	9.6	103.74	9.5
5.	Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan	61.63	6.3	64.24	5.9
JUMLAH		818.10	83.2	886.78	81.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

JADUAL 13
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	285.43	305.73	298.28	323.00	317.38
2.	Perolehan daripada Jualan Barang-Barang	175.32	203.25	243.09	232.19	180.32
3.	Terimaan daripada Agensi Kerajaan yang Lain	152.98	145.34	195.46	163.61	164.76
4.	Royalti	133.40	138.89	99.75	103.74	94.01
5.	Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan	51.18	59.64	58.66	64.24	61.63
JUMLAH		798.31	852.85	895.24	886.78	818.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

6.1.6. Analisis Audit mendapati 62 butiran hasil mengalami peningkatan sebanyak RM48.62 juta dan 132 butiran hasil mengalami penurunan sebanyak RM159.98 juta. Justifikasi bagi lima butiran hasil yang mencatat peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 14** dan **Jadual 15**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL
YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil & Faedah dari Pelaburan dalam Bank Islam Berhad	18.43	4.38	14.05	320.8	Peningkatan disebabkan tambahan pelaburan dalam Bank Islam Berhad setiap bulan mulai bulan Februari sehingga Disember 2019 berjumlah RM433 juta dengan tawaran kadar keuntungan lebih kompetitif berbanding institusi kewangan yang lain. Faedah RM18.43 juta daripada pelaburan tersebut telah diterima dalam tahun 2020 menyebabkan peningkatan berlaku pada tahun 2020.
2.	Hasil & Faedah dari Pelaburan dalam Amanah Raya Berhad	14.71	5.17	9.54	184.5	Peningkatan disebabkan tambahan pelaburan dalam Amanah Raya Berhad mulai bulan November sehingga Disember 2019 berjumlah RM194.5 juta dengan tawaran kadar keuntungan lebih kompetitif berbanding institusi kewangan yang lain. Faedah RM14.71 juta daripada pelaburan tersebut telah diterima dalam tahun 2020 menyebabkan peningkatan berlaku pada tahun 2020.
3.	Terimaan Balik Bayaran Tahun-tahun Lalu	8.35	0.59	7.76	1,315.3	Peningkatan disebabkan terimaan balik bayaran tahun lalu untuk Kutipan Penyewaan Kompleks Rumah Sembelihan Ipoh berjumlah RM7.88 juta. Peningkatan disebabkan kutipan bayaran balik pencen ADUN yang telah meninggal dunia dari tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM71,597.42. Peningkatan juga disebabkan pelarasan semula gaji kakitangan dan kutipan pencen ADUN berjumlah RM14,284.79.
4.	Royalti Air	25.41	19.84	5.57	28.1	Peningkatan disebabkan peningkatan meter padu pengeluaran air terawat dan kadar caj royalti air oleh Lembaga Air Perak turut meningkat dari RM0.04 sen per m ³ kepada RM0.05 sen per m ³ .

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
5.	Pemberian Membiayai Belanja Mengurus JPS, Haiwan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat	81.81	79.27	2.54	3.2	Peningkatan disebabkan perbelanjaan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan MSN telah meningkat. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan telah memperakukan tuntutan sejumlah RM81.81 juta, iaitu 50% daripada RM163.62 juta perbelanjaan mengurus yang dibenarkan dalam tahun 2020.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

JADUAL 15
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL
YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Premium Bagi Geran	136.56	184.91	(48.35)	(26.1)	Penurunan disebabkan jumlah pemberimilikan tanah kerajaan (Notis 5A) hanya berjumlah RM1.11 juta pada tahun 2020 berbanding RM38.52 juta pada tahun 2019 yang diterima daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.
2.	Royalti Perlombongan	59.79	73.49	(13.70)	(18.6)	Penurunan disebabkan hanya 62 Lesen Permindahan Bahan Mineral (batu kapur) yang diluluskan dengan jumlah pengeluaran sebanyak 18.74 juta metrik tan pada tahun 2020 berbanding 65 Lesen Permindahan Bahan Mineral (batu kapur) yang diluluskan dengan jumlah pengeluaran sebanyak 25.46 juta metrik tan bagi tahun 2019.
						Penurunan juga disebabkan arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Negara akibat pandemik Covid-19. Selaras dengan arahan itu, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli turut mengarahkan semua pemegang permit/lesen memberhentikan aktiviti/ operasi pemindahan dan pengeluaran bahan mineral dan bahan batuan termasuk kilang-kilang memproses mineral.
						Permintaan pasaran eksport dan tempatan batu kapur juga menurun sehingga memberi kesan kepada kutipan royalti perlombongan tahun 2020.
3.	Cukai Tiket Wayang	3.17	14.11	(10.94)	(77.5)	Penurunan disebabkan oleh penutupan panggung wayang berikutan pelaksanaan PKP.
4.	Terimaan dari Jabatan/Agensi Kerajaan	30.00	40.00	(10.00)	(25.0)	Penurunan disebabkan sumbangan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) hanya berjumlah RM3 juta seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PPPNP Bilangan 4 Tahun 2019 pada 26 November 2019 berbanding sasaran RM8 juta.
						Penurunan juga disebabkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak hanya menyumbangkan RM1 juta berbanding anggaran sumbangan RM5 juta.
5.	Levi Pindah Milik Warga Asing	1.44	7.55	(6.11)	(80.9)	Penurunan disebabkan hanya 11 permohonan levi pindah milik warga asing telah diluluskan dalam tahun 2020 berbanding 20 permohonan levi pindah milik warga asing dalam tahun 2019.
						Selain itu, permohonan kebenaran pindah milik dan pemerolehan hartanah warganegara asing ditangguhkan sementara kerana kajian penambahbaikan dasar sedia ada mengenai pemilikan hartanah oleh warga negara asing di Negeri Perak masih belum dimuktamadkan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.1.7. Bayaran Penggunaan Air Laut Mengikut Kadar Lama

- a. Berdasarkan Warta Kerajaan bertarikh 15 Disember 2018, kenaikan kadar adalah RM0.015 setiap m³ bagi penggunaan air laut ke atas tiga syarikat jana kuasa elektrik. Penggunaan air laut adalah untuk keperluan penyejukan mesin di stesen jana kuasa tenaga elektrik.
- b. Pihak Audit mendapati jumlah bagi penggunaan air laut yang dibayar oleh tiga syarikat janakuasa tersebut adalah RM18.56 juta bagi tahun 2020 dan RM18.98 juta bagi tahun 2019 adalah mengikut kadar lama iaitu RM0.01 per m³. Jumlah mengikut kadar baru iaitu RM0.015 per m³ yang sepatutnya dibayar oleh syarikat-syarikat tersebut pada tahun 2020 adalah RM27.84 juta (2020) dan RM28.47 juta (2019). **Syarikat telah berkurang bayar RM9.28 juta (2020) dan RM9.49 juta (2019).** Kurangan ini telah diambil kira dalam Akaun Belum Terima pada tahun 2020 oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Manjung. Sehingga 31 Disember 2020, tunggakan hasil jualan air laut berjumlah RM18.77 juta. Maklumat terperinci berkaitan kadar penggunaan air laut yang berkurang bayar adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
BAYARAN PENGGUNAAN AIR LAUT

BIL	NAMA SYARIKAT	ANGGARAN PENGGUNAAN AIR (M ³)	KADAR YANG DIKUTIP (RM)	JUMLAH KUTIPAN (RM Juta)	KADAR YANG DILULUSKAN (RM)	JUMLAH KUTIPAN YANG SEPATUTNYA (RM Juta)	KURANGAN HASIL (RM Juta)
2020							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	81,362,880	0.01	0.81	0.015	1.22	0.41
3.	1056130-H	274,996,118	0.01	2.75	0.015	4.12	1.37
JUMLAH				18.56		27.84	9.28
2019							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	89,499,168	0.01	0.89	0.015	1.34	0.45
3.	1056130-H	308,859,600	0.01	3.09	0.015	4.63	1.54
JUMLAH				18.98		28.47	9.49
JUMLAH KESELURUHAN TUNGGAKAN HASIL LAUT TAHUN 2020 DAN 2019							18.77

Sumber: Surat Maklum Balas daripada PDT Manjung

- c. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Meningkatkan Hasil Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2019 bertarikh 9 September 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perak dan turut dihadiri oleh tiga syarikat janakuasa elektrik terlibat mendapati mesyuarat telah bersetuju kadar

RM0.015 per m³ dikekalkan pada tahun 2019 dan 2020 berdasarkan keputusan MMK Bil. 1956 bertarikh 21 November 2018.

- d. Pihak Audit telah menyemak Minit Mesyuarat Berhubung Penggunaan Air Laut oleh Syarikat Janakuasa Elektrik di dalam Daerah Manjung pada 30 Oktober 2019 yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Manjung dan turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Kewangan Negeri dan wakil dari tiga syarikat yang terlibat. Mesyuarat ini turut memutuskan bahawa kadar RM0.015 per m³ dikekalkan. Bagaimanapun, mesyuarat juga telah memutuskan bahawa tiga syarikat terlibat perlu membuat bayaran pada kadar RM0.01 per m³ dan baki bayaran pada kadar RM0.005 per m³ akan direkodkan sebagai tunggakan yang perlu dijelaskan.
- e. Berdasarkan maklum balas daripada pihak Pegawai Kewangan Negeri semasa Mesyuarat Penutup Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 pada 9 Jun 2020, keadaan ini berlaku disebabkan kekangan kewangan yang dihadapi oleh tiga syarikat janakuasa berkenaan. Ini kerana tiga syarikat tersebut hanya memperuntukkan perbelanjaan penggunaan air laut dengan kadar RM0.01 per m³ berdasarkan *Power Purchase Agreement* (PPA) yang dibuat ketika permulaan projek janakuasa tersebut. Pihak Audit telah mengeluarkan dua surat permohonan PPA kepada Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-Undang Negeri, masing-masing pada 29 September 2020 dan 23 Disember 2020. Pegawai Kewangan Negeri telah memanjangkan permohonan tersebut kepada tiga syarikat janakuasa elektrik terlibat dan syarikat telah memaklumkan bahawa PPA merupakan perjanjian komersial sulit di antara pihak syarikat dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).
- f. Pihak Audit masih belum menerima sebarang ulasan dan pandangan daripada Penasihat Undang-Undang Negeri berkaitan PPA tersebut. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan syarat-syarat perjanjian yang terkandung dalam PPA tersebut kerana PPA tersebut tidak dikemukakan oleh pihak syarikat atas dasar kerahsiaan.
- g. Selain itu, berdasarkan maklum balas daripada PDT Manjung yang diterima pada 15 Mac 2021, pihak Audit mendapati pihak PDT Manjung telah mengeluarkan surat peringatan kepada ketiga-tiga syarikat untuk membuat pembayaran pada kadar RM0.015 per m³. Bagaimanapun, **tiga syarikat berkenaan masih membuat pembayaran dengan menggunakan kadar lama kerana masih menunggu maklum balas mengenai**

pembayaran semula caj daripada pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA).

- h. Semakan Audit turut mendapati, pihak PDT Manjung telah memohon pihak syarikat untuk mengemukakan maklum balas hasil perbincangan syarikat bersama ST dan KETSA melalui surat rujukan Bil.(67)PT.MJG.400/18-1 bertarikh 12 Ogos 2020. Pihak syarikat memaklumkan PDT Manjung bahawa isu berkaitan caj air telah dibincangkan di Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 18 Februari 2020. Berdasarkan mesyuarat tersebut, KETSA dan ST akan mengetuai rundingan dengan Kerajaan negeri berkaitan isu ini setelah mendapat mandat daripada Jemaah Menteri dan Majlis Tanah Negara. Pihak PDT Manjung turut dimaklumkan bahawa isu ini akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan kerana melibatkan pelbagai pihak dan turut melibatkan kenaikan kos operasi pihak syarikat, dan seterusnya akan mengakibatkan kenaikan tarif elektrik kepada pengguna.
- i. Pihak PDT Manjung turut memaklumkan perkara ini kepada YAB Menteri Besar Perak melalui surat rujukan Bil.(65)PT.MJG.800/807/SJ.1/JILID 2 bertarikh 25 September 2020 bagi memanjangkan hal ini kepada Menteri Tenaga dan Sumber Asli. Pihak Audit turut mendapati Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Menteri Besar telah memanjangkan surat daripada PDT Manjung tersebut kepada Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Tenaga dan Sumber Asli melalui surat rujukan (10)dlm.PMB.Pk35Jld.17 bertarikh 30 September 2020. Bagaimanapun sehingga tarikh akhir pengauditan pada 30 Mac 2021, tiada sebarang maklum balas diterima berkenaan isu ini.

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 28 April 2021

Berdasarkan maklum balas yang diterima, pentadbiran ini melalui Mesyuarat Hasil Negeri Bilangan 1 Tahun 2021 pada 9 Februari 2021 yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan telah membangkitkan perkara ini dan mesyuarat memutuskan Kerajaan Negeri Perak perlu membuat susulan berkaitan perkara ini dengan KETSA dan ST terlebih dahulu. Selain itu satu sesi libat urus KETSA, ST dan TNB bersama semua Kerajaan negeri mengenai pengenaan fi dan caj oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas tarif elektrik telah diadakan pada 12 April 2021 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KETSA. Tujuan sesi tersebut diadakan adalah seperti berikut:

- memberi penerangan mengenai fi dan caj oleh Kerajaan negeri sebagai salah satu kos operasi dalam menyediakan bekalan elektrik;
- menyatakan implikasi pengenaan fi dan caj tersebut sekiranya ia dikenakan melebihi kadar yang munasabah ke atas tarif elektrik;
- memberi penerangan bahawa kadar elektrik di Semenanjung Malaysia adalah dikawal selia dengan ketat melalui Mekanisme Kawal Selia Penetapan Tarif Elektrik; dan
- mendapatkan maklum balas daripada Kerajaan negeri mengenai cadangan penambahbaikan.

Susulan daripada sesi libat urus tersebut, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melalui surat kepada Ketua Setiausaha KETSA bertarikh 16 April 2021 telah mencadangkan kepada KETSA agar sesi libat urus lebih lanjut dan juga secara terperinci diadakan dalam masa yang terdekat.

6.1.8. Baki Akaun Urusniaga Bagi Akaun Amanah Kerajaan Kira-kira Perjalanan Woksyop Yang Melebihi Had Peruntukan Dikreditkan Ke Kod Hasil

- Pada tahun 1970, Akaun Amanah Kerajaan Kira-kira Perjalanan Woksyop telah diwujudkan dengan had peruntukan RM0.50 juta. Pada tahun 1975 dan 1979, had peruntukan ini telah ditambah masing-masing menjadi RM1.10 juta dan RM1.50 juta. Sehingga 31 Disember 2020, had peruntukan masih kekal sebanyak RM1.50 juta.
- Perenggan bilangan 35 No.9 (4), Kertas Mesyuarat Bilangan 752/70 – Perjumpaan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 694 bertarikh 30 September 1970, telah menetapkan bahawa semua pendapatan daripada perkhidmatan woksyop dan tuntutan yang dikutip kerana urusan woksyop hendaklah disimpan dalam Kira-kira Amanah ini dan tidaklah dijadikan hasil.
- Semakan Audit mendapati **tiada Arahan Amanah disediakan** bagi Akaun Amanah Kerajaan Kira-kira Perjalanan Woksyop. Pengurusan Akaun Amanah ini hanya berdasarkan Kertas Minit Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bilangan 752/70. Pihak Audit telah menyemak Penyata Penerimaan dan Pembayaran Akaun Amanah Kerajaan Kira-kira Perjalanan Woksyop pada 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2017 serta tiga Laporan Buku Akaun Amanah pada 31 Disember 2018 hingga 31 Disember 2020. Hasil semakan tersebut

mendapati **lebihan urusaniaga bagi tahun 2016 hingga 2020 yang berjumlah RM6.63 juta telah dikreditkan ke kod hasil Bayaran Balik Belanja Buruh Jabatan Kerja Raya (JKR)**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
LEBIHAN URUSNIAGA AKAUN AMANAH KERAJAAN
KIRA-KIRA PERJALANAN WOKSYOP YANG MELEBIHI HAD PERUNTUKAN
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020 DIKREDITKAN KE KOD HASIL

BIL.	PENYATA TERIMAAN DAN BAYARAN SERTA LAPORAN BUKU AKAUN AMANAH PADA	LEBIHAN URUSNIAGA YANG MELEBIHI HAD PERUNTUKAN DAN TELAH DIKREDITKAN KE KOD HASIL (RM)
1.	31 Disember 2016	6,128,350.09
2.	31 Disember 2017	96,265.31
3.	31 Disember 2018	91,556.57
4.	31 Disember 2019	107,909.44
5.	31 Disember 2020	209,516.33
JUMLAH		6,633,597.74

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Tahun 2016, Tahun 2017 serta Laporan Buku Amanah Pada 31 Disember 2018 hingga 31 Disember 2020

- d. Semakan Audit turut mendapati Pegawai Kewangan Negeri telah mengeluarkan arahan untuk mengkreditkan keseluruhan baki ke kod hasil melalui surat rujukan Bil.(70)d/m.PKN.PK,400-5/8(AK)Jld.1 bertarikh 6 Disember 2016. Bagaimanapun, surat tersebut hanya menyatakan arahan untuk mengkreditkan keseluruhan baki yang ada di Akaun Urusniaga Kira-kira Perjalanan Woksyop tersebut ke kod Bayaran Balik Belanja Buruh JKR selewat-lewatnya pada 28 Disember 2016 dan memastikan akaun urusaniaga tersebut berbaki sifar pada 31 Disember 2016. Pihak Audit mendapati surat tersebut telah diguna pakai setiap tahun sehingga 31 Disember 2020.

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 30 Jun 2021 dan 27 Ogos 2021

Berdasarkan maklum balas yang diterima, Pejabat Kewangan Negeri memaklumkan bahawa Kerajaan negeri berhak menghadkan peruntukan simpanan bagi Kumpulan Kira-kira ini dan meminta menyerahkan wang berlebihan itu bagi dijadikan hasil. Ini adalah berdasarkan rujukan Seksyen 10(2) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) yang memperuntukan kuasa Pegawai Kewangan Negeri, tertakluk kepada apa-apa undang-undang bertulis yang dikhususkan oleh Badan Perundangan boleh menggunakan wang untuk tujuan umum penubuhan akaun tersebut. Pejabat

Kewangan Negeri turut memaklumkan penetapan Arahan Perbendaharaan 23(b)(i) bahawa pihak Kerajaan berhak mendapat faedah daripada akaun-akaun amanah termasuk Kumpulan Amanah melibatkan Kumpulan Wang Pusingan yang digunakan bagi mengendalikan akaun barang-barang stor belum diuntuk atau akaun woksyp atau sesuatu akaun perniagaan. Oleh itu, arahan Pegawai Kewangan Negeri kepada mana-mana Akaun Amanah di bawah Seksyen 10 di negeri adalah setaraf dengan arahan Menteri Kewangan di peringkat Persekutuan.

Pejabat Kewangan Negeri (PKN) turut memaklumkan telah mengeluarkan surat bernombor rujukan PKN.PK.80/1/36 Jld.9(37) bertarikh 25 Jun 2021 kepada pihak JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Negeri Perak untuk menyediakan Arahan Amanah bagi Akaun Amanah Kerajaan Kira-kira Perjalanan Woksyp. Pihak PKN telah menerima draf pindaan Arahan Amanah bagi Akaun Amanah Kerajaan Kira-kira Perjalanan Woksyp pada 24 Ogos 2021. Arahan Amanah ini dijangka akan dimuktamadkan dan digunakan secara rasmi berkuat kuasa pada 1 Oktober 2021.

6.2. Perbelanjaan Mengurus

6.2.1. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Emolumen; Perkhidmatan dan Bekalan; Aset; Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap; serta Perbelanjaan Lain. **Peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bagi perbelanjaan mengurus tahun 2020 berjumlah RM1.163 bilion. Jumlah ini tidak menunjukkan perubahan ketara berbanding tahun 2019 yang diluluskan sebanyak RM1.140 bilion.** Kedudukan peruntukan mengurus yang diluluskan pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 mengikut butiran perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERUNTUKAN MENGURUS YANG
DILULUSKAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	380.87	372.25	8.62	2.3
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	259.10	264.67	(5.57)	(2.1)
3.	Aset	12.18	17.47	(5.29)	(30.3)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	503.60	476.82	26.78	5.6
5.	Perbelanjaan Lain	7.10	9.30	(2.20)	(23.7)
JUMLAH		1,162.85	1,140.51	22.34	2.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.2.2. Analisis Audit mendapati dua peruntukan mengurus pada tahun 2020 mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2019. Peningkatan peruntukan mengurus ini terdiri daripada Emolumen; dan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap masing-masing sebanyak RM8.62 juta dan RM26.78 juta. Peruntukan bagi Perkhidmatan dan Bekalan; Aset; dan Perbelanjaan Lain pula mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak RM5.57 juta, RM5.29 juta dan RM2.20 juta berbanding tahun 2019. Justifikasi bagi peningkatan dan penurunan peruntukan mengurus pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
JUSTIFIKASI PENINGKATAN DAN PENURUNAN
PERUNTUKAN MENGURUS PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	380.87	372.25	8.62	2.3	Peningkatan yang dicatatkan berikutan pindahan peruntukan dari Kod Objek Am lain bagi menampung bayaran tuntutan tunggakan PERKESO, peningkatan kadar tuntutan perjalanan dan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) dengan kadar sebulan gaji.
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	259.10	264.67	(5.57)	(2.1)	Pengurangan yang dicatatkan berikutan sekatan ke atas Kod Objek Sebagai 29000 bagi semua jabatan iaitu kebenaran berbelanja sehingga siling 50% daripada peruntukan yang diberikan.
3.	Aset	12.18	17.47	(5.29)	(30.3)	Peruntukan yang lebih tinggi pada tahun 2019 berikutan perolehan pelbagai kenderaan rasmi utama Kerajaan negeri. Tiada perolehan khas yang sama dilaksanakan pada tahun 2020.
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	503.60	476.82	26.78	5.6	Peningkatan peruntukan tahun 2020 lebih tinggi kerana terdapat inisiatif-inisiatif baharu Kerajaan negeri.
5.	Perbelanjaan Lain	7.10	9.30	(2.20)	(23.7)	Peruntukan yang lebih tinggi pada tahun 2019 berikutan keperluan pembayaran balik kepada Lembaga Air Perak (LAP), Akaun Amanah MARRIS dan syarikat. Peruntukan pada tahun 2020 hanya untuk pembayaran balik kepada LAP.
JUMLAH		1,162.85	1,140.51	22.34	2.0	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.2.3. Analisis Audit juga mendapati RM1.062 bilion atau 91.3% telah dibelanjakan daripada RM1.163 bilion peruntukan yang diluluskan pada tahun 2020. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERUBAHAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)
1.	Emolumen	380.87	359.63	21.24	94.4
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	259.10	224.00	35.10	86.5
3.	Aset	12.18	11.61	0.57	95.3
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	503.60	462.22	41.38	91.8
5.	Perbelanjaan Lain	7.10	4.08	3.02	57.5
JUMLAH		1,162.85	1,061.54	101.31	91.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

6.2.4. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada keseluruhannya menurun sebanyak RM28.21 juta atau 2.6% iaitu daripada RM1.090 bilion pada tahun 2019 menjadi RM1.062 bilion pada tahun 2020. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 mengikut butiran perbelanjaan mengurus adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	359.63	359.52	0.11	0.0
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	224.00	251.41	(27.41)	(10.9)
3.	Aset	11.61	16.65	(5.04)	(30.3)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	462.22	453.14	9.08	2.0
5.	Perbelanjaan Lain	4.08	9.03	(4.95)	(54.8)
JUMLAH		1,061.54	1,089.75	(28.21)	(2.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.2.5. Analisis Audit mendapati beberapa butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan dan penurunan pada tahun 2020 berbanding perbelanjaan tahun 2019. Justifikasi bagi perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 22** dan **Jadual 23**.

JADUAL 22
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dalam Negeri	440.87	430.16	10.71	2.5	- Peningkatan Bantuan Mengurus Pihak Berkuasa Tempatan RM6.06 juta. - Peruntukan <i>one-off</i> SUKMA 2020 RM3 juta. - Peruntukan Perbadanan Pulau Pangkor RM1.50 juta. - Hadiah Latihan Negeri RM1 juta.
2.	Aset Tidak Ketara	1.53	-	1.53	100.0	Mulai tahun 2020, penggunaan Kod Objek Sebagai 39000 untuk perolehan perisian komputer dan lesen. Perbelanjaan pada tahun 2020 melibatkan perolehan perisian Windows bagi kegunaan pejabat.
3.	Ganjaran	2.30	0.95	1.35	142.1	Peningkatan disebabkan oleh bayaran ganjaran kepada mantan YAB Menteri Besar, Yang Dipertua Dewan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan berjumlah RM1.20 juta berikutan pertukaran pucuk pimpinan Negeri Perak.
4.	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	55.80	54.71	1.09	2.0	Peningkatan disebabkan oleh semakan semula penggunaan Kod Objek Sebagai 33000. Terdapat kerja-kerja yang sebelum ini menggunakan Kod Objek Sebagai 33000 telah berubah menggunakan Kod Objek Sebagai 28000.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
5.	Kelengkapan dan Peralatan	4.63	4.07	0.56	13.8	• Perolehan Global Navigation Satellite System (GNSS) untuk penggunaan Pejabat Tanah dan Galian. • Perolehan kelengkapan dan perabot di Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Jabatan. • Perolehan keperluan <i>video conferencing</i>.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

JADUAL 23
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	107.93	127.36	(19.43)	(15.3)	Kerajaan negeri telah melaksanakan sekatan perbelanjaan bagi penggunaan peruntukan di bawah Kod Objek Sebagai 29000 berikutan penguatkuasaan PKP yang menghadkan pelaksanaan majlis/ program/ latihan. Sekatan dilaksanakan bagi mengelakkan jabatan/agensi melaksanakan pindah peruntukan dan berbelanja sedangkan prestasi kutipan hasil berada dalam keadaan kritikal.
2.	Pulangan Balik dan Hapus Kira	3.65	8.53	(4.88)	(57.2)	Penurunan disebabkan perbelanjaan pada tahun 2020 adalah pembayaran balik kepada LAP sahaja berbanding pembayaran balik kepada LAP, Akaun Amanah MARRIS dan kepada syarikat pada tahun 2019.
3.	Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	0.37	4.42	(4.05)	(91.6)	Penggunaan Kod Objek Sebagai 33000 disemak semula dan didapati terdapat penggunaan di dalam Kod Objek Sebagai ini lebih tepat menggunakan Kod Objek Sebagai 28000.
4.	Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	28.47	31.81	(3.34)	(10.5)	Kerajaan negeri mengumumkan Bayaran Imbuhan Tahunan 2020 tanpa meletakkan jumlah minimum RM2,000 bagi pegawai-pegawai penerima gaji pokok di bawah RM2,000 seperti diumumkan pada tahun 2019.
5.	Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Negara	5.20	8.00	(2.80)	(35.0)	Penurunan disebabkan oleh pembayaran balik anuiti pinjaman Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan seperti butiran berikut: • Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) sejumlah RM2.1 juta. • Projek Bekalan Air sejumlah RM3.1 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.2.6. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) menetapkan bahawa kebenaran khas daripada Pejabat Kewangan Negeri adalah diperlukan bagi membayar arahan pembayaran perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun semasa berkaitan dengan pertanggungan yang kena bayar pada tahun sebelumnya. Permohonan itu hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat jabatan/pejabat mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun bekalan/perkhidmatan tersebut diterima tanpa sebarang keraguan sebab berlakunya kelewatan.

- b. Semakan Audit mendapati pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2020 berjumlah RM0.90 juta melibatkan 751 arahan pembayaran di 50 Jabatan. Pembayaran pada tahun 2020 menurun sebanyak RM0.06 juta atau 6.1% berbanding RM0.96 juta pada tahun 2019 yang melibatkan 603 arahan pembayaran di 57 Jabatan. Pembayaran ini melibatkan bil yang diterima bagi tempoh bulan November 2019 hingga Disember 2019. Daripada 50 jabatan yang terlibat, 18 jabatan menunjukkan peningkatan bayaran, sembilan jabatan membuat pembayaran di bawah AP 58(a) mulai tahun 2020 dan 23 jabatan menunjukkan penurunan bayaran. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2020		2019		PERUBAHAN	
		BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	(RM)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Kangsar	2	14,335	1	93	14,242	15,314.0
2.	Pejabat Pertanian Daerah Kuala Kangsar	3	32,409	1	1,331	31,078	2,334.9
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Perak	3	1,839	2	191	1,648	862.8
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	65	49,978	2	6,197	43,781	706.5
5.	Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak	4	4,176	2	631	3,545	561.8
6.	Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	96	289,699	115	59,331	230,368	388.3
7.	Jabatan Mufti Negeri Perak	4	3,372	2	1,065	2,307	216.6
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Perak Tengah	13	11,435	1	5,000	6,435	128.7
9.	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perak	118	61,432	99	34,780	26,652	76.6
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kampar	9	1,120	4	715	405	56.6
11.	Pejabat DYMM Sultan Perak	161	140,831	43	103,686	37,145	35.8
12.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Manjung	1	2,268	2	1,695	573	33.8
13.	Pejabat Pertanian Manjung	1	2,503	1	1,987	516	26.0
14.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta	23	7,344	13	6,093	1,251	20.5
15.	Jabatan Kerja Raya Daerah Hilir Perak	2	7,231	2	6,197	1,034	16.7
16.	Pejabat Pertanian Hulu Perak	1	1,216	1	1,061	155	14.6
17.	Jabatan Veterinar Perak	13	26,352	10	23,119	3,233	14.0
18.	Jabatan Kehakiman Syariah	1	2,045	1	1,943	102	5.2
19.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kerian	5	5,764	-	-	5,764	100.0
20.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Larut, Matang Dan Selama, Taiping	1	466	-	-	466	100.0
21.	Pejabat Agama Islam Manjung	2	12,000	-	-	12,000	100.0
22.	Pejabat Menteri Besar Perak	14	29,009	-	-	29,009	100.0
23.	Pejabat Daerah Dan Tanah Lenggong	10	3,192	-	-	3,192	100.0

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2020		2019		PERUBAHAN	
		BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	(RM)	(%)
24.	Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung	1	1,905	-	-	1,905	100.0
25.	Pejabat Daerah Dan Tanah Selama	2	2,375	-	-	2,375	100.0
26.	Pejabat Hutan Tapah	2	4,000	-	-	4,000	100.0
27.	Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	1	115	-	-	115	100.0
JUMLAH		558	718,411	302	255,115	463,296	181.6
Tambah: Lain-lain • (23 jabatan)		193	183,663	301	705,639	(521,976)	(74.0)
JUMLAH KESELURUHAN		751	902,074	603	960,754	(58,680)	(6.1)

Sumber: Arahan Pembayaran AP 58(a)

- c. Lima jabatan yang menunjukkan peningkatan ketara adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Kangsar, Pejabat Pertanian Daerah Kuala Kangsar, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Perak, JKR Negeri Perak dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN). Pembayaran AP 58(a) dibuat disebabkan bil dan tuntutan lewat diterima dan antara tujuan pembayaran adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
TUJUAN PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a)

BIL.	JABATAN/PEJABAT	TUJUAN BAYARAN
1.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Kangsar	Bayaran bil minyak kenderaan dan sewaan mesin fotostat bulan Disember 2019.
2.	Pejabat Pertanian Daerah Kuala Kangsar	Bayaran perkhidmatan pembersihan kawasan di Pusat Latihan Manong bulan September 2019, perkhidmatan kawalan keselamatan di Pusat Latihan Manong bulan Disember 2018 dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Pusat Padi Talang bulan Disember 2018.
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak	Bayaran bil menyediakan makan dan minum majlis bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bulan Disember 2019.
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	Bayaran tuntutan perjalanan, elaun lebih masa dan bil minyak kenderaan bulan Disember 2019.
5.	Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak	Bayaran tuntutan perjalanan, bayaran balik bil telefon dan bil minyak kenderaan bulan Disember 2019.

Sumber: Arahan Pembayaran AP58(a)

- d. Analisis Audit mendapati pada tahun 2020, sebanyak 211 daripada 751 arahan pembayaran AP 58(a) berjumlah RM271,376.32 dibayar menggunakan peruntukan tahun 2020. Pembayaran di bawah AP 58(a) bagi keseluruhan 211 arahan pembayaran tersebut adalah disebabkan peruntukan jabatan tidak mencukupi pada tahun perolehan dibuat. Pembayaran bil tanpa peruntukan sepatutnya dikenakan di bawah AP 59 disebabkan bekalan, perkhidmatan dan tuntutan telah diterima oleh pihak Kerajaan negeri secara suci hati pada tahun 2019 dan tidak sepatutnya dikenakan di bawah AP 58(a). Jabatan-jabatan yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a) – PERUNTUKAN TIDAK MENCUKUPI

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	TUJUAN BAYARAN
1.	Pejabat DYMM Sultan Perak	161	140,830.71	Bayaran elaun lebih masa, tuntutan perjalanan, bayaran balik bil telefon dan bayaran pakaian upacara rasmi.
2.	Pejabat Menteri Besar Perak	12	27,863.50	Elaun lebih masa bulan Disember 2019 dan pakej penginapan YAB MB.
3.	Pejabat Pertanian Kuala Kangsar	1	24,900.00	Bayaran perkhidmatan pembersihan kawasan di Pusat Latihan Manong bulan September 2019.
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	10	21,951.95	Bayaran sewaan mesin fotostat bulan Disember 2019.
5.	Pejabat Agama Islam Manjung	2	12,000.00	Bayaran elaun bilal dan siak masjid daerah Manjung bulan Ogos 2019.
6.	Jabatan Kerja Raya Kuala Kangsar	1	8,881.45	Bayaran bil minyak kenderaan dan sewaan mesin fotostat bulan Disember 2019.
7.	Pejabat Hutan Daerah Larut, Matang dan Selama	1	8,207.05	Bayaran bil minyak kenderaan bulan Disember 2019.
8.	Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak	1	5,293.52	Bayaran bil minyak kenderaan bulan Disember 2019.
9.	Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar	1	5,085.81	Bayaran bil minyak kenderaan bulan Disember 2019.
10.	Pejabat Hutan Daerah Tapah	2	4,000.00	Tunggakkan gaji dan COLA 2019.
11.	Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak	1	3,218.90	Bayaran tuntutan perjalanan bulan Disember 2019.
12.	Jabatan Pengairan dan Saliran Manjung	1	2,267.81	Bayaran bil minyak kenderaan bulan Disember 2019.
13.	Pejabat Daerah dan Tanah Selama	1	2,219.55	Bayaran bil minyak kenderaan dan tuntutan perjalanan bulan Disember 2019.
14.	Pejabat Daerah dan Tanah Gerik	3	1,839.05	Bayaran bil menyediakan makan dan minum majlis bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bulan Disember 2019.
15.	Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong	4	936.00	Bayaran bil minyak kenderaan bulan Disember 2019 dan bayaran Percetakan Nasional.
16.	Pejabat Kewangan Negeri	2	797.22	Bayaran Warta Kerajaan-PNB dan bayaran balik bil telefon.
17.	Jabatan Kerja Raya Gerik	5	506.50	Tunggakkan PERKESO bulan Mac-Julai 2018.
18.	Jabatan Pengairan dan Saliran Larut Matang dan Selama	1	466.00	Bayaran bil rawatan bulan Disember 2019.
19.	Pejabat Daerah dan Tanah Kampar	1	111.30	Bayaran Percetakan Nasional.
JUMLAH		211	271,376.32	

Sumber: Arahan Pembayaran AP 58(a)

- e. Analisis Audit mendapati sehingga bulan Mei 2021, sebanyak 522 arahan pembayaran berjumlah RM1.08 juta telah dibelanjakan di bawah AP 58(a) untuk pembayaran semua bil dan tuntutan bagi tahun 2020 yang lewat diterima oleh jabatan/PTJ selepas 20 November 2020 (tarikh akhir penyediaan arahan pembayaran mengikut Surat Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2020).
- f. Pejabat Kewangan Negeri melalui Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil.1 Tahun 2020 menetapkan supaya semua jabatan/pejabat mengemukakan permohonan bayaran AP 58(a) sebelum atau pada 31 Mac 2020

untuk kelulusan. Tarikh akhir pembayaran AP 58(a) yang diluluskan adalah pada 29 Mei 2020. Berdasarkan analisis Audit, sejumlah RM55,514 melibatkan 23 arahan pembayaran AP 58(a) telah diluluskan dan diselesaikan selepas 29 Mei 2020. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) SELEPAS TARIKH YANG DIBENARKAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	ARAHAN PEMBAYARAN		TARIKH		AMAUN (RM)
		BILANGAN	TARIKH	PERMOHONAN AP58(a)	KELULUSAN AP58(a)	
1.	Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Perak	5	23.06.2020	04.05.2020	02.06.2020	506
2.	Pejabat Agama Islam Daerah Manjung	2	28.07.2020	24.02.2020	27.02.2020	12,000
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	1	27.08.2020	05.08.2020	14.08.2020	15,908
4.	Pejabat Pertanian Daerah Kuala Kangsar	2	22.10.2020	07.09.2020	11.09.2020	7,509
5.	Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Negeri	1	26.09.2020	09.09.2020	17.09.2020	4,500
6.	Jabatan Pertanian Negeri Perak	2	07.10.2020	22.09.2020	05.10.2020	8,943
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah Lenggong	6	18.11.2020	20.10.2020	03.11.2020	2,256
8.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kerian	2	19.11.2020	26.10.2020	03.11.2020	418
9.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	2	17.12.2020	04.11.2020	16.12.2020	3,474
JUMLAH		23	JUMLAH			55,514

Sumber: Arahan Pembayaran AP 58(a)

Maklum Balas dari Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 28 April 2021

Antara sebab kelewatan meluluskan permohonan serta pembayaran AP 58(a) selepas 29 Mei 2020 adalah:

- Arahan pembayaran tunggakan PERKESO dan KWSP diterima selepas tarikh akhir permohonan dibenarkan;
- Tuntutan bayaran bil Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. disedari oleh jabatan selepas tarikh akhir permohonan pembayaran AP 58 (a) dibenarkan;
- Terdapat kuiri bagi pembayaran perkhidmatan yang dilaksanakan dan kelulusan hanya diterima selepas tarikh akhir pembayaran AP 58(a) dibenarkan;
- Pegawai yang menguruskan pembayaran meninggal dunia dan pegawai yang menggantikan hanya menyedari berkenaan kelewatan pembayaran selepas tarikh akhir pembayaran AP 58(a) dibenarkan;

- Pegawai bertukar keluar dan pegawai baru yang menggantikan hanya mengetahui pembayaran bil belum dipukulkan dan perlu dibayar menggunakan baucar bayaran biasa selepas tarikh akhir permohonan pembayaran AP 58(a) dibenarkan; dan
- Berlaku kesilapan di mana resit pembayaran dikemukakan ke jabatan lain dan hal ini hanya diketahui selepas tarikh akhir permohonan pembayaran AP 58(a) dibenarkan.

6.2.7. Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59

Bayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurnanya oleh pembekal bagi barang atau perkhidmatan yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab apa-apa keraguan. Jika terdapat keraguan, pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 perlu dibuat dengan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dan dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu siasatan oleh Pegawai Pengawal atau jabatan. Pada tahun 2020, tiada pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 dilakukan oleh Kerajaan negeri.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Kerajaan negeri tidak menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2016.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

- a. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan terbahagi kepada tiga kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Pengurusan semua wang yang diterima tertakluk kepada arahan amanah mengikut terma-terma amanah tersebut. Pada akhir tahun 2020, **Akaun Amanah Disatukan berbaki RM719.98 juta berbanding RM662.75 juta pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak RM57.23 juta atau 8.6%.**

- b. Analisis Audit mendapati peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2020 disebabkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM39.25 juta dan Amanah Awam sebanyak RM28.01 juta. Deposit pula mencatatkan penurunan sebanyak RM10.03 juta, antaranya disumbangkan oleh penurunan baki Deposit Am dan Deposit Khusus masing-masing sebanyak RM3.95 juta dan RM6.03 juta. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	BIL. AKAUN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada:	11	309.82	270.57	39.25	14.5
1.	<i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>1</i>	<i>(48.56)</i>	<i>(49.20)</i>	<i>0.64</i>	<i>(1.3)</i>
	<i>ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah</i>	<i>10</i>	<i>358.38</i>	<i>319.77</i>	<i>38.61</i>	<i>12.1</i>
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	64	264.26	236.25	28.01	11.9
3.	Deposit	80	145.90	155.93	(10.03)	(6.4)
	JUMLAH	155	719.98	662.75	57.23	8.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan dan perbelanjaannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.
- b. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2020 adalah RM309.82 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM39.25 juta berbanding RM270.57 juta. Peningkatan ini antaranya disumbangkan oleh penurunan baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM0.64 juta dan peningkatan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM38.61 juta. Peningkatan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah disumbangkan oleh peningkatan baki dalam Akaun Peruntukan Khas (Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Perak) pada tahun 2020. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(48.56)	(49.20)	0.64	(1.3)
2.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada:	358.38	319.77	38.61	12.1
	i) Akaun Penyelesaian	0.00	0.00	0.00	0.0
	ii) Akaun Perniagaan	1.50	1.50	0.00	0.0
	iii) Akaun Pinjaman	25.45	18.36	7.09	38.6
	iv) Kumpulan Wang Luar Jangka	11.00	11.00	0.00	0.0
	v) Pelbagai Kumpulan Wang	320.43	288.91	31.52	10.9
BAKI PADA 31 DISEMBER		309.82	270.57	39.25	14.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, ansuran sewa beli dan jualan serta pelbagai terimaan yang lain. Kumpulan Wang Pembangunan ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.

a. Prestasi Kewangan

- i. Pada tahun 2020, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat lebih sejumlah RM0.64 juta berbanding lebih RM47.19 juta pada tahun 2019. Lebih ini disumbangkan oleh penerimaan yang berjumlah RM390.19 juta melebihi perbelanjaan berjumlah RM389.55 juta. Oleh itu, baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2020 menurun sebanyak RM0.64 juta (1.3%) menjadi RM48.56 juta berbanding RM49.20 juta pada tahun 2019. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(49.20)	(96.39)	47.19	(49.0)
Penerimaan	390.19	404.54	(14.35)	(3.5)
Perbelanjaan	389.55	357.35	32.20	9.0
Lebihan	0.64	47.19	(46.55)	(98.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	(48.56)	(49.20)	0.64	1.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- ii. Baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2020 sejumlah RM48.56 juta dan sejumlah RM49.20 juta bagi tahun 2019 telah dipertanggungjawabkan dengan baki Kumpulan Wang Amanah yang lain.
- iii. Pada tahun 2020, **Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM389.55 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM357.35 juta pada tahun 2019.** Pejabat Kewangan Negeri (PKN) mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM146.45 juta pada tahun 2020 atau 37.6% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020. Perbelanjaan ini adalah bagi membiayai perbelanjaan Pelbagai Kerja/Perolehan Pembangunan, Pelbagai Penggalakan Pelancongan, Program Pembangunan Pengkomputeran, Pengambilan Tanah serta Pelbagai Kajian dan Penyelidikan. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek)	146.45	127.06	19.39	15.3
2.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial)	130.10	97.54	32.56	33.4
3.	Jabatan Kerja Raya	72.60	75.39	(2.79)	(3.7)
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	14.98	19.17	(4.19)	(21.9)
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	7.18	7.25	(0.07)	(1.0)
6.	Jabatan Pertanian	5.00	6.43	(1.43)	(22.2)
7.	Jabatan Perhutanan	3.94	7.51	(3.57)	(47.5)
8.	Jabatan Agama Islam	3.67	5.44	(1.77)	(32.5)
9.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.00	5.65	(2.65)	(46.9)
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	1.99	4.52	(2.53)	(56.0)
11.	Jabatan Perikanan	0.64	1.39	(0.75)	(54.0)
JUMLAH		389.55	357.35	32.20	9.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- iv. Pada tahun 2020, sejumlah RM430 juta telah diperuntukkan dan RM389.54 juta atau 90.6% telah dibelanjakan. Analisis Audit mendapati:
- Tujuh jabatan telah membelanjakan peruntukan melebihi 80%; dan
 - Empat jabatan telah membelanjakan antara 19.7% hingga 73.4%. Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) telah membelanjakan sejumlah RM3.94 juta

(19.7%) daripada RM20 juta peruntukan yang diluluskan. Peratus perbelanjaan yang rendah disebabkan penangguhan projek pembangunan Kompleks Jabatan Agama Islam Perak yang melibatkan peruntukan sebanyak RM18 juta. Jabatan Perikanan membelanjakan RM0.64 juta (43%) daripada RM1.50 juta peruntukan berikutan pengeluaran *Stop Work Order* bagi tempoh PKP berikutan kerja-kerja berkenaan tidak tersenarai sebagai perkhidmatan perlu (essential services). Jabatan Perkhidmatan Veterinar pula telah membelanjakan RM3 juta (60%) daripada RM5 juta yang diperuntukkan. Peratus perbelanjaan yang rendah disebabkan penamatan kontrak asal bagi Projek Pembinaan Pejabat Veterinar Perak Tengah yang menyebabkan peruntukan sejumlah RM1.05 juta tidak dapat dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN PERUNTUKAN DAN
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek)*	150.00	146.45	97.6
2.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial)*	139.00	130.10	93.6
3.	Jabatan Kerja Raya	80.00	72.60	90.8
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	7.50	7.18	95.7
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	15.00	14.97	99.8
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5.00	3.00	60.0
7.	Jabatan Pertanian	5.00	5.00	100.0
8.	Jabatan Perhutanan	5.00	3.67	73.4
9.	Jabatan Agama Islam	20.00	3.94	19.7
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	2.00	1.99	99.5
11.	Jabatan Perikanan	1.50	0.64	42.7
JUMLAH		430.00	389.54	90.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

Nota: (*) - Peruntukan bagi jabatan/pejabat melibatkan projek bukan berbentuk fizikal

b. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11

i. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11

- Bagi menjayakan RMKe-11, siling peruntukan berjumlah RM2.100 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan negeri dan diagihkan kepada 11 jabatan negeri bagi pelaksanaan projek yang dirancang di bawah RMKe-11. Sejumlah RM1.832 bilion atau 87.3% telah dibelanjakan sepanjang tempoh RMKe-11. Tiga jabatan negeri diluluskan peruntukan tertinggi, iaitu PKN sejumlah RM864.72 juta (Pelbagai Projek), UPEN sejumlah

RM495.95 juta (Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial) dan JKR sejumlah RM400 juta.

- Analisis Audit menunjukkan enam jabatan telah membelanjakan peruntukan melebihi 80% manakala lima jabatan membelanjakan antara 61% hingga 76.6% seperti butiran dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-11

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN RMKe-11 (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek) *	864.72	778.28	90.0
2.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial) *	495.95	440.25	88.8
3.	Jabatan Kerja Raya	400.00	334.34	83.6
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	89.20	88.97	99.7
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	65.28	57.09	87.5
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	35.50	24.95	70.3
7.	Jabatan Pertanian	39.10	33.04	84.5
8.	Jabatan Agama Islam	43.10	27.68	64.2
9.	Jabatan Perhutanan	36.00	27.58	76.6
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	25.90	17.10	66.0
11.	Jabatan Perikanan	5.25	3.20	61.0
JUMLAH		2,100.00	1,832.48	87.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

Nota: (*) - Peruntukan bagi jabatan/pejabat adalah bukan untuk projek yang berbentuk fizikal

- Analisis Audit turut mendapati **perbelanjaan bagi tujuh Kod Projek di lima jabatan telah melebihi siling peruntukan yang diluluskan antara RM0.01 juta hingga RM9.39 juta**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
PERBELANJAAN MELEBIHI SILING PERUNTUKAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2020

PERBELANJAAN MELEBIHI SILING PERUNTUKAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2020					
BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN BAGI TAHUN 2016-2020 (RM Juta)	PERBELANJAAN SETAKAT 31.12.2020		PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN (RM Juta)
			(RM Juta)	(%)	
JABATAN KERJA RAYA (P01)					
1.	Memperelok, Melebar dan Menggantikan Jambatan Sedia Ada (01005)	15.08	22.04	146.2	6.96
2.	Kediaman Rasmi Negeri [Rumah Kediaman MN dan Ex-Officio] (01008)	3.16	3.29	104.1	0.13
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (P02)					
3.	Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Luar Bandar (02001)	300.80	310.19	103.1	9.39
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (P03)					
4.	Rancangan Pengurusan dan Pemuliharaan Sungai-Sungai (03002)	29.60	29.61	100.0	0.01

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN BAGI TAHUN 2016-2020 (RM Juta)	PERBELANJAAN SETAKAT 31.12.2020		PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN (RM Juta)
			(RM Juta)	(%)	
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (P05)					
5.	Perkhidmatan Bandar (05002)	3.52	4.21	119.6	0.69
6.	Pelbagai (05011)	4.81	4.90	101.9	0.09
JABATAN PERIKANAN (P11)					
7.	Pengurusan Sumber Perikanan Darat Negeri Perak (11002)	0.77	0.81	105.2	0.04
JUMLAH		357.74	375.04	104.8	17.31

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 10 Mei 2021 dan 27 Ogos 2021

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) memaklumkan bahawa perbelanjaan melebihi siling bagi tujuh kod projek terperinci lima digit adalah berikutan keperluan bagi melaksanakan pindaan peruntukan selain kelulusan peruntukan mengikut tahun yang diluluskan di DUN. Bagaimanapun, perbelanjaan dibawah kod projek dua digit tidak melebihi siling yang ditetapkan.

Pihak PKN juga memaklumkan, sebagai penambahbaikan pada tahun 2021 pihak UPEN telah diberi kebenaran untuk mengakses iSPEKS. Bendahari Negeri telah memohon Pengarah UPEN untuk menyatakan siling peruntukan yang akan dibuat pelarasan bagi memastikan tiada lagi butiran perbelanjaan melebihi siling RMK. Pihak PKN akan mengkaji semula dan berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat bagi menyelesaikan isu yang telah dibangkitkan.

ii. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan Untuk Tempoh RMKe-11


- Sepanjang tempoh RMKe-11, sebanyak 3,034 projek telah dirancang untuk dilaksanakan merangkumi projek utama dan kerja-kerja kecil yang dilaksanakan di bawah projek utama. Daripada jumlah tersebut, 3,007 projek atau 99.1% telah disiapkan sepenuhnya dan 15 projek atau 0.5% sedang dilaksanakan. Sebanyak 12 projek atau 0.4% masih belum dimulakan kerana terdapat projek tangguh, belum mula dan masih dalam perancangan. Status prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 35** dan **Carta 4**.

JADUAL 35
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11

BIL.	JABATAN/ PEJABAT PELAKSANA	STATUS PROJEK			JUMLAH
		SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA	
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	298	6	7	311
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak	680	7	0	687
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	416	0	0	416
4.	Jabatan Agama Islam Negeri Perak	272	0	3	275
5.	Jabatan Pertanian Negeri Perak	474	0	0	474
6.	Jabatan Perhutanan Negeri Perak	256	0	0	256
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak	603	0	1	604
8.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak	6	1	1	8
9.	Jabatan Perikanan Negeri Perak	2	1	0	3
JUMLAH		3,007	15	12	3,034

Sumber: Laporan Prestasi Kewangan dan Fizikal Jabatan/Pejabat Negeri

CARTA 4
STATUS PENCAPAIAN PROJEK RMK-11 PADA 31 DISEMBER 2020



Sumber: Laporan Prestasi Kewangan dan Fizikal Jabatan/Pejabat Negeri

- Analisis Audit terhadap 12 projek fizikal yang belum dimulakan pada tahun 2020 terdiri daripada tujuh projek di bawah JKR, satu projek di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, tiga projek di bawah JAIPK dan satu projek di bawah Jabatan Kehakiman Syariah. Berdasarkan sampel Audit, antara projek yang belum dimulakan pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
PROJEK YANG BELUM DIMULAKAN PADA TAHUN 2020

BIL.	JABATAN/ PEJABAT PELAKSANA	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Jabatan Kerja Raya	Membina Jalan Baru dari Perkampungan Hot Felda Sg. Kelah ke Kolam Air Panas	5.00	Proses pengambilan balik tanah masih di peringkat kelulusan oleh PDT Batang Padang.
		Membina Jalan Sg. Ipil – Sg. Dulang, Daerah Hilir Perak – Fasa 2	26.00	Proses pengambilan balik tanah masih di peringkat kelulusan oleh PDT Hilir Perak.
		Membina Jalan Baru dari Jalan Tg. Rambutan ke Laluan Persekutuan 1	24.00	Proses pengambilan balik tanah masih di peringkat kelulusan oleh PDT Ipoh.
		Membina Jalan Alternatif Pekan Ayer Tawar, Daerah Manjung (Jajaran Baharu)	35.00	Projek ditangguh kerana peruntukan tidak mencukupi bagi proses pengambilan balik tanah.
		Membina Jambatan Kg. Bahagia ke Bandar Teluk Intan	25.00	Proses pengambilan balik tanah masih di peringkat kelulusan oleh PDT Teluk Intan.
		Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Sg. Manik, Daerah Hilir Perak	29.00	Surat Setuju Terima bertarikh 8 Disember 2018 berkenaan projek pembinaan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan telah dibatalkan melalui Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 2007 bertarikh 11 November 2020.
		Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Tambun, Daerah Kinta	29.00	
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Perak Tengah	3.71	Projek Pembinaan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Perak Tengah masih di peringkat tender semula yang dikendalikan oleh pihak JKR.
3.	Jabatan Agama Islam	Kompleks Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak	27.40	Projek Pembinaan Kompleks Jabatan Agama Islam Perak masih di peringkat perancangan dan reka bentuk.
		Kerja-kerja Menaik Taraf dan Ubah Suai Tingkat 1, Surau At-Tarbiyyah, Taman Cempaka.	0.30	Pihak surau masih dalam proses perolehan dan pencarian kontraktor.
		Kerja-kerja Membina Pagar Keliling, Lampu Pagar, Jalan Masuk Baru dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Masjid Asy-Syakirin Kampung Tersusun Tasek.	0.11	Pihak masjid masih dalam proses perolehan dan pencarian kontraktor.
4.	Jabatan Kehakiman Syariah	Pembinaan Mahkamah Syariah Teluk Intan.	2.50	Mesyuarat bersama YB. Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pendidikan Islam, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan memutuskan untuk menangguhkan projek ini sehingga pembinaan Mahkamah Taiping selesai serta disebabkan masalah siling peruntukan P09.

Sumber: Rekod Jabatan Negeri

c. Projek Pembinaan Kompleks Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak

- i. Projek Pembinaan Kompleks Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak merupakan projek bagi membina dan menyiapkan sebuah Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Agama Islam Perak, Ipoh. Pada 19 Oktober 2016, JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek ini. Pada tahun 2018, pihak PKN dan JAIPk menetapkan kerja-kerja awalan akan dilaksanakan dalam RMKe-11 manakala pelaksanaan projek akan dibawa ke RMKe-12.

- ii. Pada tahun 2019, syarikat bernombor pendaftaran 197601000299 (25686-A) telah dilantik sebagai kontraktor bagi menguruskan projek ini dengan nilai kontrak berjumlah RM27.40 juta dan tempoh kontrak selama 124 minggu. Kaedah pelantikan adalah secara tender.
- iii. Sehingga bulan Mac 2021, **kerja-kerja tapak projek pembangunan Kompleks Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak masih belum dilaksanakan.**
- iv. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 2005 bertarikh 21 Oktober 2020 telah memutuskan agar tapak Projek Pembinaan Kompleks Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak ditukar dari Meru Raya ke Lot 10758 dan Lot 1553 milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK).
- v. Bagi tujuan penempatan semula tapak projek, tanah tapak Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JAIPK seluas 9.73 ekar di Meru Raya akan dipindahmilik kepada pihak MAIPK sebagai pertukaran terhadap tanah di Lot 10758 dan Lot 1553.
- vi. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 2005 bertarikh 21 Oktober 2020 turut memutuskan agar kerja kontraktor bagi Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JAIPK di Meru Raya ditamatkan kerana melibatkan pertukaran tapak projek serta perubahan kos yang tinggi. Sesi rundingan bersama pihak kontraktor bakal diadakan bagi menentukan jumlah tuntutan dan kos penamatan kontrak tersebut. Anggaran kos penamatan adalah sejumlah RM2.75 juta.
- vii. Berdasarkan MMK Bil. 2005 bertarikh 21 Oktober 2020, kos pembinaan baru bagi Projek Pembinaan Kompleks Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak dianggarkan bernilai RM54.22 juta.

d. Projek Pembangunan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan

- i. Pada 18 Februari 2015, perjanjian konsensi antara Kerajaan negeri dan sebuah syarikat bernombor pendaftaran 198801001513 (168870-H) telah ditandatangani untuk melaksanakan pembinaan enam Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) di enam daerah. Berdasarkan perjanjian konsensi, kos pembinaan keseluruhan bagi enam SMTDR adalah RM260 juta yang akan dibayar secara *deferred payment*. Daerah yang terlibat ialah Batang Padang; Hulu Perak; Larut, Matang dan Selama; Kuala Kangsar; Kerian; dan Bagan Datuk.

- ii. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 1868 pada 17 Ogos 2016 telah memutuskan agar pembinaan SMTDR bagi daerah Batang Padang dan Lenggong diteruskan manakala pembinaan SMTDR bagi empat daerah lain yang terlibat adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Kaedah pembayaran projek juga telah dipinda kepada bayaran berdasarkan kemajuan kerja (Progress Payment).
- iii. Pada 1 September 2016, satu perjanjian tambahan telah ditandatangani bagi pembinaan dua SMTDR iaitu SMTDR Batang Padang dan SMTDR Lenggong dengan kos pembinaan masing-masing sejumlah RM36.12 juta dan RM29.02 juta.
- iv. Tarikh milik tapak bagi SMTDR Lenggong adalah pada 26 November 2017. Tempoh projek bagi pembinaan SMTDR Lenggong adalah 24 bulan dengan tarikh siap pada 25 November 2019.
- v. Bagaimanapun pada 25 November 2019, projek SMTDR Lenggong tidak dapat disiapkan dan mula dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM5,334.09 sehari. LAD bagi projek ini telah dikenakan sejumlah RM0.71 juta dengan tempoh kelewatan selama 134 hari. Bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Julai 2020, pihak SMTDR Lenggong telah menyewa di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong bagi menampung penempatan pelajar dan operasi sekolah. Kos sewaan sejumlah RM81,775.20 telah ditanggung oleh pihak syarikat selaras dengan Klausula 13.2.3 Perjanjian Konsensi. Pada 30 Julai 2020, Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan dan surat kebenaran kepada pihak sekolah untuk memindahkan aset dan menggunakan bangunan sekolah telah dikeluarkan oleh pihak UPEN pada 31 Julai 2020.
- vi. Tarikh milik tapak bagi SMTDR Batang Padang adalah pada 15 Oktober 2017. Tempoh projek bagi pembinaan SMTDR Batang Padang adalah 27 bulan dengan tarikh siap pada 14 Januari 2020.
- vii. Bagaimanapun pada 14 Januari 2020, Projek SMTDR Batang Padang tidak dapat disiapkan dan mula dikenakan LAD sejumlah RM6,640.17 sehari. Pada 26 November 2020, YB Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Penguasa Projek telah mengeluarkan Notis Ingkar bagi Projek SMTDR Batang Padang atas sebab kegagalan pihak syarikat menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Pada 23 Disember 2020, CPC telah dikeluarkan dan surat kebenaran kepada pihak sekolah untuk memindahkan aset dan menggunakan bangunan sekolah telah dikeluarkan oleh pihak UPEN pada 7 Januari 2021.

Sehingga 23 Disember 2020 LAD bagi projek ini telah dikenakan sejumlah RM1.52 juta dengan tempoh kelewatan selama 229 hari.

- viii. Susulan isu berkaitan dua projek SMTDR tersebut, MMK Bil. 2007 pada 11 November 2020 telah memutuskan untuk membatalkan Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 4 Disember 2018 bagi projek pembinaan SMTDR Tambun dan SMTDR Sungai Manik berjumlah RM29 juta setiap satu. Surat pembatalan SST telah dikeluarkan pada 4 Disember 2020. Proses pelantikan kontraktor bagi dua projek pembinaan SMTDR di daerah Larut, Matang dan Selama; dan Kerian masih belum dimulakan.

8.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah

a. Akaun Peruntukan Khas

- i. Akaun Peruntukan Khas diwujudkan mengikut Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan telah dipinda penubuhannya daripada Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 kepada Seksyen 10 mulai 1 Julai 2013. Mulai bulan April 2019, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya (MARRIS) Negeri Perak telah digantikan dengan Akaun Peruntukan Khas.
- ii. Mulai 1 Januari 2020, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan Jalan Negeri 2.0 yang bertujuan untuk membantu dan memudahkan pengurusan penyelenggaraan jalan di peringkat Kerajaan negeri.
- iii. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah menerima Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya sejumlah RM541.83 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi menyenggara jalan sepanjang 28,607.434 km. Terimaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM13.95 juta (2.6%) berbanding RM527.88 juta pada tahun 2019. Sejumlah RM501.16 juta (92.5%) daripada terimaan tersebut telah dibelanjakan pada tahun 2020. Panjang jalan yang diselenggara mengikut kategori adalah seperti berikut:
 - jalan raya pertanian sepanjang 11,289.391 km atau 39.5%;
 - jalan kampung sepanjang 5,746.379 km atau 20.1%;
 - jalan raya bandaran sepanjang 6,326.107 km atau 22.1%;
 - jalan negeri sepanjang 2,337.813 km atau 8.2%;
 - perbatuan lorong belakang sepanjang 2,560.153 km atau 8.9%; dan
 - jalan kawasan perumahan rendah sepanjang 347.591 km atau 1.2%.

- iv. Perbelanjaan Akaun Peruntukan Khas pula adalah termasuk perbelanjaan mengurus pentadbiran sejumlah RM0.34 juta, iaitu 0.07% berbanding keseluruhan perbelanjaan. Baki Akaun Peruntukan Khas pada akhir tahun 2020 berjumlah RM295.09 juta. Kedudukan akaun Akaun Peruntukan Khas bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PERUNTUKAN KHAS
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA TAHUN 2020

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEMASA		BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)
			(RM Juta)	(%)	
2016	203.63	461.04	460.25	99.8	204.42
2017	204.42	473.33	510.71	107.9	167.04
2018	167.04	486.16	452.15	93.0	201.05
2019	201.05	527.88	474.51	89.9	254.42
2020	254.42	541.83	501.16	92.5	295.09

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 hingga 2020

v. Pemberian Perbelanjaan Mengurus Berkaitan Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)

- Perenggan 7.2, Garis Panduan Pengurusan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri 2.0 menjelaskan berkaitan perbelanjaan pengurusan yang dibenarkan dengan had tidak melebihi 5% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan jalan tahun sebelumnya atau RM5 juta (mana yang terendah).
- Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya (MARRIS) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2020, pihak PKN telah mengambil tindakan mengawal selia peruntukan perbelanjaan pengurusan MARRIS berjumlah RM5 juta. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah RM0.34 juta atau 6.8% telah dibelanjakan dan baki peruntukan pengurusan adalah berjumlah RM4.66 juta. Ini menunjukkan perbelanjaan pengurusan penyenggaraan jalan tidak melebihi had yang ditetapkan.

8.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957, iaitu terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan negeri, dan wang amanah yang diterima Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri, agensi, syarikat swasta dan individu bagi maksud tertentu.

Pengurusan akaun amanah ini perlu dibuat mengikut arahan amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pada tahun 2020, baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sebanyak RM28 juta (11.9%) kepada RM264.25 juta berbanding RM236.25 juta pada tahun 2019. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

PERKARA	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	236.25	144.27	91.98	63.8
Penerimaan	282.38	341.80	(59.42)	(17.4)
Pembayaran	254.38	249.82	4.56	1.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	264.25	236.25	28.00	11.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.2.2. Analisis Audit mendapati akaun amanah yang menunjukkan peningkatan ketara antaranya ialah Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Perak yang meningkat sebanyak RM35.49 juta, menjadikan baki pada tahun 2020 berjumlah RM38.99 juta. Manakala Akaun Amanah Hartanah Bumiputera Negeri Perak pula meningkat sebanyak RM13.55 juta, menjadikan baki pada tahun 2020 berjumlah RM55.39 juta. Akaun amanah yang menunjukkan penurunan ketara antaranya ialah Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan yang menurun sebanyak RM31.75 juta dan Akaun Amanah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) TNB Janamanjung Sdn. Bhd. yang menurun sebanyak RM8.66 juta.

8.2.3. Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Perak

- a. Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Perak telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 bagi tujuan memperakaunkan terimaan, sumbangan dan tajaan daripada pelbagai sumber kewangan serta memperakaunkan perbelanjaan yang berkaitan dengan program atau projek untuk kesejahteraan negeri Perak.
- b. Pada tahun 2020, akaun amanah ini menerima sumbangan daripada Kerajaan negeri, badan berkanun negeri, syarikat berkaitan kerajaan dan swasta serta terimaan lain yang diluluskan berjumlah RM36.59 juta. Jumlah perbelanjaan pula adalah RM1.10 juta. Perbelanjaan yang dibenarkan adalah seperti membiayai program atau projek untuk kesejahteraan negeri Perak dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang diluluskan oleh YAB Menteri Besar Perak.

- c. Baki akaun amanah ini pada 31 Disember 2020 adalah RM38.99 juta, iaitu meningkat sebanyak RM35.49 juta berbanding tahun 2019. Butiran baki Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
BAKI AKAUN AMANAH PERUNTUKAN KHAS KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	3.50	6.13	(2.63)	(42.9)
Penerimaan	36.59	5.25	31.34	596.9
Perbelanjaan	1.10	7.88	(6.78)	(86.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER	38.99	3.50	35.49	1,014.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- d. Pada tahun 2020, sejumlah RM26.89 juta telah diterima melalui penyaluran peruntukan daripada PKN. Selain itu, akaun amanah ini turut menerima sumbangan daripada UPEN dan Public Islamic Bank masing-masing berjumlah RM9.60 juta dan RM0.10 juta.
- e. Sehingga 31 Disember 2020, hanya RM1.10 juta telah dibelanjakan, iaitu bantuan RM100,000 kepada sekolah-sekolah tadika islam dan RM1 juta kepada Rumah Ngaji Laman Sri Ridzuan. Akaun amanah ini tidak dibelanjakan secara optimum kerana peruntukan khas PKN berjumlah RM26.89 juta lewat diterima iaitu pada 4 Disember 2020. Ini menjadikan baki akhir akaun ini berjumlah RM38.99 juta. Perincian jumlah terimaan dan pembayaran Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Perak adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
PERINCIAN TERIMAAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2020

BIL	JENIS TERIMAAN	AMAUN (RM Juta)	JENIS PERBELANJAAN	AMAUN (RM Juta)
	Baki Awal	3.50		
	Penyaluran Khas PKN:	26.89		
1.	i. Projek Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan	7.19	Pemberian dan Bantuan Kepada Sekolah-sekolah Tadika Islam	0.10
	ii. Kwarters Penjawat Awam	12.00		
	iii. Rehat dan Rawat Rider	0.50		
	iv. Tabung Usahawan Pinjaman	1.00		
	v. Pakej internet Calon SPM, STPM dan STAM 2021	5.00		
	vi. Bantuan Rumah Ngaji	1.00		
	vii. TVET Golongan OKU	0.20		
2.	Pengagihan Wang Tidak Patuh Syariah	0.10	Rumah Ngaji Laman Sri Ridzuan	1.00
3.	Penyaluran Khas UPEN, PSUK	9.60	Baki Akhir	38.99
JUMLAH		40.09		40.09

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Tahun 2020

8.2.4. Akaun Amanah Tabung Bencana dan Bantuan Sosial

- a. Akaun Amanah Tabung Bencana dan Bantuan Sosial Negeri Perak telah ditubuhkan bagi tujuan memperakaunkan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan/Kerajaan negeri, Badan Berkanun Persekutuan, badan berkanun negeri, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu perseorangan bagi membiayai perbelanjaan seperti:
- usaha mencari dan menyelamatkan;
 - bantuan wang ehsan kepada mangsa bencana alam di bawah kawalan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri;
 - perbelanjaan berkaitan bencana Monsun Timur Laut seperti ketetapan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA); dan
 - perbelanjaan sosial berbentuk pemberian sumbangan atau kerja yang diluluskan oleh Pegawai Daerah.
- b. Sehingga 31 Disember 2020, baki akaun amanah ini berjumlah RM8.42 juta. Terimaan dan perbelanjaan pada tahun 2020 masing-masing berjumlah RM33.52 juta dan RM25.38 juta. Ringkasan pecahan terimaan dan perbelanjaan akaun amanah ini adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
PECAHAN TERIMAAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2020

BIL	JENIS TERIMAAN	AMAUN (RM Juta)	(%)	JENIS PERBELANJAAN	AMAUN (RM Juta)	(%)
1.	Peruntukan Tabung Bencana	0.60	1.8	Perbelanjaan Covid-19	23.81	93.8
2.	Sumbangan Covid-19	31.99	95.5	Perbelanjaan Monsun Timur Laut	0.50	2.0
3.	Bantuan Sosial	0.24	0.7	Bantuan Sosial <i>One-Off</i>	0.24	0.9
4.	Monsun Timur Laut	0.55	1.6	Perbelanjaan Tabung Bencana	0.83	3.3
5.	Sumbangan Covid-19 dari Amanah Infaq Ramadhan	0.14	0.4			
JUMLAH		33.52	100.0		25.38	100.0

Sumber: Ringkasan Sumbangan dan Perbelanjaan Akaun Amanah Tabung Bencana dan Bantuan Sosial Tahun 2020

- c. Pada tahun 2020, akaun amanah ini telah menerima sumbangan sejumlah RM31.99 juta atau 95.5% bagi membantu Kerajaan negeri menangani krisis Covid-19. Sumbangan diterima daripada pelbagai pihak seperti Kerajaan Persekutuan (RM10 juta), NADMA (RM4.70 juta), badan berkanun negeri (RM2.66 juta) dan syarikat swasta serta orang awam berjumlah RM1.47 juta. Kerajaan negeri turut menyumbang sejumlah RM13.16 juta bagi tujuan sama.

- d. Daripada terimaan tersebut, sejumlah RM23.81 juta atau 93.8% telah dibelanjakan bagi tujuan Covid-19. Antara perbelanjaan bagi menangani krisis Covid-19 adalah seperti sumbangan kewangan untuk bayaran sewa gerai PBT; bayaran peruntukan bantuan pengecualian sewa gerai PBT; dan penyaluran peruntukan bagi perbelanjaan di pusat kuarantin. Perbelanjaan lain termasuklah bayaran sumbangan makan kepada petugas barisan hadapan/*frontliner*, dan sumbangan bantuan kotak Syawal serta barangan makanan bagi bulan Ramadhan dan Syawal.

8.2.5. Penyelarasan Akaun Amanah Melibatkan Badan Berkanun Negeri

- a. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah merekodkan akaun-akaun amanah yang berada di bawah kawalan badan berkanun negeri iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LHPH), Perbadanan Taman Negeri Perak, dan Lembaga Muzium Negeri Perak. Baki tujuh akaun amanah yang berada di bawah seliaan badan berkanun negeri sehingga 31 Disember 2020 adalah RM80.94 juta seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
BAKI AKAUN AMANAH BADAN BERKANUN NEGERI

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	AKAUN AMANAH	KOD AKAUN AMANAH	BAKI PADA 31.12.2020 (RM)
1.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Negeri Perak	Akaun Amanah Hartanah Bumiputera	60052	55,394,211.54
		Akaun Amanah Program Perumahan Negeri Perak	60030	20,828,343.08
		Akaun Amanah Program Perumahan Nelayan Pulau Pangkor	60026	878,869.23
2.	Perbadanan Taman Negeri	Kump. Wang Amanah Taman Negeri Perak	60006	1,636,647.32
		Kump. Wang Amanah Sumbangan Yayasan Sime Darby	60053	41,269.34
		Kump. Wang Amanah Program Royal Belum State Park to UNESCO World Heritage Site	60075	1,549,039.24
3.	Lembaga Muzium Negeri Perak	Akaun Amanah Kompleks Sejarah Pasir Salak	60010	611,531.55
JUMLAH				80,939,911.30

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

- b. Berdasarkan Perenggan 2 Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Perak 2016, Pihak Berkuasa Negeri menetapkan 1 Oktober 2016 sebagai tarikh perletakhakan bagi maksud Seksyen 4 Enakmen. Pada tarikh itu, semua harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak; dan Unit Perumahan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak; hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak kepada LHPH. Merujuk Jadual Bahagian 1 (Harta), pindahan melibatkan semua wang

dalam Kumpulan Wang Amanah di bawah kendalian Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan semua wang dalam Akaun Amanah Hartanah Bumiputera Negeri Perak di bawah kendalian Unit Perumahan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak.

- c. Setakat 31 Disember 2020, pihak Audit mendapati tiga akaun amanah di bawah seliaan LPHP masih belum dipindahkan ke LPHP. Butiran baki akaun amanah di bawah seliaan LPHP pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
BAKI AKAUN AMANAH DI BAWAH SELIAAN LPHP
PADA TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 31 Disember:				
i. Akaun Amanah Hartanah Bumiputera Negeri Perak	55.39	41.84	13.55	32.4
ii. Akaun Amanah Program Perumahan Negeri Perak	20.83	17.51	3.32	19.0
iii. Akaun Amanah Program Perumahan Nelayan Pulau Pangkor	0.88	1.47	-0.59	-40.1
BAKI PADA 31 DISEMBER	77.10	60.82	16.28	26.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- d. Selain itu pihak Audit mendapati sebanyak empat akaun amanah melibatkan dua badan berkanun negeri masih direkodkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan tidak diambil kira dalam Penyata Kewangan tahunan badan berkanun terbabit.
- e. Pemindahan akaun amanah adalah tertakluk kepada Seksyen 4 dan 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61). Pihak Kerajaan negeri perlu menetapkan kaedah dan amaun pindahan bagi akaun amanah yang terlibat agar proses penutupan akaun dan perekodan berjalan dengan lancar.

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 10 Mei 2021 dan 27 Ogos 2021

Akaun Amanah yang melibatkan BBN masih direkodkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri kerana BBN tersebut merupakan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) kepada Kerajaan negeri dan masih bertanggungjawab dalam menguruskan akaun-akaun amanah tersebut bagi pihak Kerajaan negeri.

Pihak PKN memaklumkan Akaun Amanah ini dikekalkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri kerana terdapat kepentingan dan obligasi bersama antara Kerajaan negeri dan Badan Berkanun Negeri berkenaan. Antara sebab lain adalah perbelanjaan penyelenggaraan, pembersihan dan utiliti projek-projek melalui Akaun Amanah masih lagi menggunakan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan negeri dan persekutuan. Selain itu, terdapat tanah Taman Negeri, Geopark dan tanah tapak Kompleks Sejarah Pasir Salak yang dimiliki oleh Kerajaan negeri dan tidak dipindah milik kepada Badan Berkanun Negeri.

Bagaimanapun, pihak PKN akan meneliti semula status Akaun Amanah BBN yang masih direkodkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Kerajaan negeri akan memindahkan semua Akaun Amanah kepada Badan Berkanun Negeri setelah semua tindakan diselesaikan sehingga Badan Berkanun Negeri mampu untuk menyelaras, menampung serta menanggung semua liabiliti sendiri.

8.2.6. Tiga akaun amanah awam telah ditutup pada tahun 2020 dan baki akaun sejumlah RM94.89 telah dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
AKAUN AMANAH AWAM YANG DITUTUP PADA TAHUN 2020

BIL.	AKAUN AMANAH AWAM	BAKI AKAUN AMANAH (RM)
1.	Akaun Amanah Projek Pembangunan Canopy Walk	0.00
2.	Akaun Amanah Projek Perumahan	94.89
3.	Akaun Amanah Tabung Infaq Ramadhan Covid-19 Negeri Perak (Ditubuhkan dan ditutup dalam tahun 2020)	0.00
JUMLAH		94.89

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

8.2.7. Sebanyak tiga akaun amanah baharu telah diwujudkan pada tahun 2020, iaitu Akaun Amanah Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Akaun Amanah Program Royal Belum State Park to Unesco World Heritage Site dan Akaun Amanah Tabung Projek Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2020 Bagi Negeri Perak Darul Ridzuan. Maklumat akaun amanah tersebut adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
AKAUN AMANAH YANG BAHARU DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2019

BIL.	AKAUN AMANAH	PEGAWAI PENGAWAL	PERUNTUKAN 2020 (RM Juta)	OBJEKTIF PENUBUHAN
1.	Akaun Amanah Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	Pegawai Kewangan Negeri	0.00	Memperakaunkan segala terimaan/sumbangan/tajaan daripada pelbagai sumber kewangan untuk membiayai program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di Negeri Perak dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan pendidikan dan latihan yang diluluskan oleh YAB Menteri Besar Perak.
2.	Akaun Amanah Program Royal Belum State Park to Unesco World Heritage Site	Pengarah Perbadanan Taman Negeri	1.71	Memperakaunkan terimaan serta perbelanjaan yang berkaitan dengan Program Royal Belum State Park to UNESCO World Heritage Site.
3.	Akaun Amanah Tabung Projek Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2020 Bagi Negeri Perak Darul Ridzuan	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pengurusan)	3.84	Memperakaunkan terimaan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan lain-lain sumber kewangan yang diterima dari semasa ke semasa. Akaun amanah ini bertujuan membiayai bayaran emolumen, tuntutan perjalanan, perkhidmatan, sewaan dan bekalan bagi segala urusan berkaitan Projek Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2020.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

8.2.8. Akaun Amanah Majlis Sukan Malaysia (SUKMA)

Pada tahun 2018, negeri Perak telah menjadi tuan rumah bagi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XIX. Bagi menjayakan program ini, tiga akaun amanah telah ditubuhkan bagi tujuan pembangunan kemudahan sukan, pengurusan dan pelaksanaan sukan tersebut. Satu akaun amanah iaitu Akaun Amanah Pengurusan Sukan Malaysia telah ditutup pada tahun 2019. Sehingga 31 Disember 2020, dua akaun amanah masih aktif seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
AKAUN AMANAH SUKAN MALAYSIA

BIL.	AKAUN AMANAH	PEGAWAI PENGAWAL	OBJEKTIF PENUBUHAN	BAKI AKAUN AMANAH (RM Juta)
1.	Akaun Amanah SUKMA XIX 2018	Pegawai Kewangan Negeri Perak	Memperakaunkan segala terimaan atau sumbangan daripada pihak swasta, Kerajaan Persekutuan dan lain-lain sumber kewangan serta perbelanjaan yang berkaitan dengan program dan pengurusan penganjuran Temasya Sukan Malaysia 2018 di negeri Perak ("Projek").	9.39
2.	Akaun Amanah Sukan Malaysia (SUKMA)	Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	Memperakaunkan segala terimaan dan perbelanjaan berkaitan pembangunan dan kemudahan sukan sempena penganjuran Temasya Sukan Malaysia di negeri Perak (Projek).	5.25
JUMLAH				14.64

Sumber: Arahan Amanah Sukan Malaysia dan Penyata Terimaan dan Bayaran

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 29 Mei 2021 dan 30 Jun 2021

Pada tahun 2020, Akaun Amanah SUKMA XIX Perak 2018 masih aktif bagi melunaskan perbelanjaan seperti bayaran elaun kepegawaian Temasya Sukan Malaysia 2018 sejumlah RM8,400 dan bayaran tunggakan penginapan bagi pegawai teknikal hoki sejumlah RM10,890. Bayaran turut dibuat bagi pelaksanaan program sempena pelancaran SUKMA XIX Perak 2018 sejumlah RM15,000. Selain itu, terdapat terimaan daripada pelarasan baki deposit WJP sejumlah RM90,000 ke dalam akaun amanah SUKMA XIX 2018 dan bayaran balik baki peruntukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) sejumlah RM34,457. Akaun Amanah ini juga masih belum ditutup memandangkan terdapat tuntutan pembayaran tunggakan bagi Perkhidmatan Pengurus Acara Pembukaan dan Penutup Sempena Penganjuran SUKMA XIX Perak 2018 oleh sebuah syarikat bernombor pendaftaran 1075178-T.

Bagi Akaun Amanah Sukan Malaysia (SUKMA) pula terdapat lima projek yang masih belum membuat tuntutan bayaran muktamad oleh agensi dan satu projek masih dalam tempoh kecacatan. Anggaran baki tuntutan adalah sejumlah RM3.42 juta.

8.3. Akaun Deposit

8.3.1. Deposit adalah wang yang diterima oleh jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Pada akhir tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai 80 akaun deposit berjumlah RM145.90 juta yang diselenggarakan oleh 34 jabatan.

8.3.2. Pada tahun 2020, sebanyak tujuh akaun deposit telah diwartakan dan sejumlah RM0.29 juta baki deposit telah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Baki deposit pada tahun 2020 berjumlah RM145.90 juta berbanding RM155.93 juta pada tahun 2019, iaitu penurunan sebanyak RM10.03 juta (6.4%). Baki deposit pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
BAKI DEPOSIT PADA TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	110.43	114.37	(3.94)	(3.4)
2.	Deposit Khusus	32.22	38.24	(6.02)	(15.7)
3.	Deposit Pelarasan	1.36	1.36	0.00	0.0
4.	Deposit Perumahan Awam Kos Rendah	1.89	1.96	(0.07)	(3.6)
JUMLAH		145.90	155.93	(10.03)	(6.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.3.3. Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) adalah sejumlah wang yang dipegang oleh kerajaan bagi memastikan kontraktor memenuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani. Deposit WJP merupakan salah satu penyumbang tertinggi bagi Deposit Am pada tahun 2020. Analisis Audit mendapati baki deposit WJP pada tahun 2020 berjumlah RM20.94 juta, iaitu penurunan sebanyak RM7.47 juta (26.3%) berbanding RM28.41 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh projek-projek telah dapat disiapkan mengikut masa yang ditetapkan dan pemulangan deposit telah dibuat pada tahun 2020. Analisis Audit juga mendapati satu jabatan/pejabat masih tidak mengembalikan WJP kepada pendeposit walaupun obligasi terhadap kontrak telah dilaksanakan. Jabatan/pejabat terlibat adalah JKR berjumlah RM84,988 melibatkan lapan pendeposit. Baki deposit WJP pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 48**.

JADUAL 48
KEDUDUKAN BAKI DEPOSIT WANG JAMINAN PELAKSANAAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak	7.66	8.83	(1.17)	(13.3)
2.	Lembaga Perumahan Hartanah Perak	3.65	3.32	0.33	9.9
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	3.21	3.34	(0.13)	(3.9)
4.	Jabatan Kerja Raya Kuala Kangsar	1.41	1.13	0.28	24.8
5.	Pejabat Kewangan Negeri (MARRIS)	1.39	7.53	(6.14)	(81.5)
6.	Pelbagai Jabatan (24)	3.62	4.26	(0.64)	(15.0)
JUMLAH		20.94	28.41	(7.47)	(26.3)

Sumber: Senarai Baki Pendeposit Tahun 2020 dan 2019

8.3.4. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Arahan Perbendaharaan 118(b) menjelaskan jika sesuatu cek atau pindahan dana elektronik itu dibatalkan dan bayaran ganti akan dikeluarkan, maka bayaran tersebut hendaklah didebitkan ke Akaun Tunai dan dikreditkan ke Akaun Deposit Pelarasan. Arahan Perbendaharaan 118(c) menyatakan mana-mana cek yang terbatal yang tidak dituntut selepas enam tahun dari tarikh cek hendaklah dikreditkan kepada Akaun Hasil.

8.3.5. Pada tahun 2020, sejumlah RM89,581.95 Deposit Pelarasan Cek Terbatal dan RM90,295.96 Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal telah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan kerana deposit tersebut tidak dituntut walaupun telah melebihi tempoh enam tahun. Baki Deposit Pelarasan pada akhir tahun 2020 adalah RM1.36 juta melibatkan dua kod deposit, iaitu Deposit Pelarasan Cek Terbatal dan Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal seperti dalam **Jadual 49**.

JADUAL 49
BAKI DEPOSIT PELARASAN PADA TAHUN 2020

BIL.	KOD DEPOSIT	BUTIRAN	TEMPOH (Tahun)	BAKI (RM Juta)
1.	70301	Deposit Pelarasan Cek Terbatal	1 hingga 5	0.41
2.	70302	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	1 hingga 5	0.95
JUMLAH				1.36

Sumber: Senarai Baki Pendeposit Tahun 2020

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan kerajaan yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti pula menunjukkan Hutang Awam Kerajaan negeri.

9.1. Penyata Akaun Memorandum Aset - Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai sebanyak 33 Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM192.94 juta, terdiri daripada 14 pinjaman kepada sembilan PBT, dua pinjaman kepada badan berkanun negeri, tiga pinjaman pelbagai dan 14 pinjaman Projek Bekalan Air kepada LAP.

9.1.2. Analisis Audit mendapati baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2020 berjumlah RM192.94 juta, menurun sebanyak RM80.09 juta (29.3%) berbanding RM273.03 juta pada tahun 2019. Kedudukan pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 50**.

JADUAL 50
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pinjaman Kepada Pihak Berkuasa Tempatan	47.47	49.67	(2.20)	(4.4)
2.	Pinjaman Kepada Badan Berkanun Negeri	14.19	17.33	(3.14)	(18.1)
3.	Pinjaman Pelbagai	33.97	35.01	(1.04)	(3.0)
4.	Pinjaman Kepada Lembaga Air Perak	97.31	171.02	(73.71)	(43.1)
JUMLAH		192.94	273.03	(80.09)	(29.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.1.3. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2020 menurun sebanyak RM80.09 juta berbanding tahun 2019. Hal ini disebabkan oleh bayaran balik pinjaman daripada PBT sejumlah RM4.25 juta, Yayasan Perak (RM3.14 juta) dan Majlis Agama Islam Negeri Perak (RM1.04 juta). Selain itu, baki pinjaman bagi empat Projek Bekalan Air berjumlah RM75.25 juta oleh LAP telah dipindahkan kepada PAAB. Ini menjadikan keseluruhan penyelesaian pinjaman (prinsipal) bagi tahun 2020 berjumlah RM83.68 juta.

9.1.4. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah menyalurkan pinjaman baharu sejumlah RM1.29 juta kepada Majlis Perbandaran Manjung dan RM0.76 juta kepada Majlis Daerah Gerik untuk membiayai pembelian kenderaan Majlis. Kerajaan negeri juga membuat bayaran balik secara ansuran sejumlah RM2.79 juta bagi lima pinjaman Projek Bekalan Air yang terlebih bayar kepada LAP. Sejumlah RM1.54 juta daripada jumlah bayaran balik tersebut merupakan bayaran balik bagi tiga projek yang masih aktif. Manakala baki sejumlah RM1.25 juta adalah bayaran balik bagi dua projek yang telah dihapus kira oleh Kerajaan Persekutuan. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 51**.

JADUAL 51
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2020

BIL.	AGENSI NEGERI	BAKI PINJAMAN PADA 01.01.2020 (RM Juta)	PELARASAN SEMULA BAKI (BAYARAN BALIK PINJAMAN TERLEBIH BAYAR) (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BAHARU (RM Juta)	PENYELESAIAN PINJAMAN (PRINSIPAL) (RM Juta)	BAKI PINJAMAN PADA 31.12.2020 (RM Juta)
PINJAMAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	38.37	0.00	0.00	1.86	36.51
2.	Majlis Daerah Perak Tengah	4.12	0.00	0.00	0.23	3.89
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	0.76	0.00	0.00	0.37	0.39
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	1.51	0.00	0.00	0.70	0.81
5.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	0.95	0.00	0.00	0.13	0.82

BIL.	AGENSI NEGERI	BAKI PINJAMAN PADA 01.01.2020 (RM Juta)	PELARASAN SEMULA BAKI (BAYARAN BALIK PINJAMAN TERLEBIH BAYAR) (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BAHARU (RM Juta)	PENYELESAIAN PINJAMAN (PRINSIPAL) (RM Juta)	BAKI PINJAMAN PADA 31.12.2020 (RM Juta)
PINJAMAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
6.	Majlis Perbandaran Taiping	0.98	0.00	0.00	0.23	0.75
7.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.61	0.00	0.00	0.07	0.54
8.	Majlis Perbandaran Manjung	2.37	0.00	1.29	0.66	3.00
9.	Majlis Daerah Gerik	0.00	0.00	0.76	0.00	0.76
JUMLAH		49.67	0.00	2.05	4.25	47.47
PINJAMAN KEPADA BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Yayasan Perak	17.33	0.00	0.00	3.14	14.19
JUMLAH		17.33	0.00	0.00	3.14	14.19
PINJAMAN PELBAGAI						
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	15.01	0.00	0.00	1.04	13.97
2.	Universiti Sultan Azlan Shah	20.00	0.00	0.00	0.00	20.00
JUMLAH		35.01	0.00	0.00	1.04	33.97
PINJAMAN KEPADA LEMBAGA AIR PERAK						
1.	Lembaga Air Perak	171.02	1.54	0.00	75.25	97.31
JUMLAH		171.02	1.54	0.00	75.25*	97.31
JUMLAH KESELURUHAN		273.03	1.54	2.05	83.68	192.94

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

Nota: (*) Jumlah penyelesaian pinjaman melalui pindahan baki pinjaman ke PAAB

9.1.5. Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut

- Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut (prinsipal dan faedah) daripada agensi negeri pada 1 Januari 2020 berjumlah RM12.74 juta. Tunggakan ini terdiri daripada tunggakan bayaran balik pinjaman bagi satu PBT iaitu Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) berjumlah RM444,584.01 dan satu badan berkanun negeri, iaitu LAP berjumlah RM12.30 juta.
- Mengikut Jadual Bayaran Balik Pinjaman dan Jadual Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman sehingga 31 Disember 2020, anuiti tahun 2020 yang sepatutnya dibayar adalah RM16.38 juta. Ini menjadikan bayaran balik pinjaman yang perlu dijelaskan oleh agensi negeri pada tahun 2020 berjumlah RM29.12 juta. Namun Kerajaan negeri hanya menerima bayaran balik pinjaman daripada agensi negeri sebanyak RM10.14 juta, menjadikan tunggakan pada 31 Disember 2020 berjumlah RM18.98 juta. Dalam masa yang sama, Kerajaan negeri juga telah membuat pindahan baki pinjaman kepada PAAB bagi empat Projek Bekalan Air Luar Bandar berjumlah RM75.25 juta.

- c. Pada 31 Disember 2020, tiga agensi negeri masih mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM18.98 juta, iaitu MDTM (RM196,001.16), MAIPk (RM333,979.59) dan LAP (RM18.45 juta).
- d. Perkara ini disebabkan pihak MDTM hanya membayar faedah pinjaman sejumlah RM16,156.84 daripada jumlah bayaran patut dijelaskan iaitu RM212,158 bagi pinjaman bernombor MDTM200004. Manakala bagi tunggakan oleh MAIPk, Kerajaan negeri tidak menerima bayaran anuiti bagi pinjaman bernombor MAIP100003 berjumlah RM333,979.59. Selain itu, tiada bayaran balik anuiti tahun 2018 hingga 2020 bagi sepuluh Projek Bekalan Air oleh LAP yang berjumlah RM18.45 juta. Ini adalah berdasarkan keputusan Kerajaan negeri melalui Mesyuarat Berhubung Royalti Air kepada Kerajaan Negeri Perak dan Isu-isu Berkaitan pada 19 November 2018. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman agensi negeri pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 52**.

JADUAL 52

KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2020

BIL.	AGENCI NEGERI	TUNGGAKAN PADA 01.01.2020 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2020 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN TAHUN 2020 (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN TAHUN 2020 (RM Juta)	TUNGGAKAN PADA 31.12.2020 (RM Juta)
PINJAMAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	0.00	2.57	2.57	2.57	0.00
2.	Majlis Daerah Perak Tengah	0.00	0.39	0.39	0.39	0.00
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	0.00	0.40	0.40	0.40	0.00
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	0.44	0.48	0.92	0.72	0.20
5.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	0.00	0.15	0.15	0.15	0.00
6.	Majlis Perbandaran Taiping	0.00	0.27	0.27	0.27	0.00
7.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.00	0.09	0.09	0.09	0.00
8.	Majlis Perbandaran Manjung	0.00	0.71	0.71	0.71	0.00
JUMLAH		0.44	5.06	5.50	5.30	0.20
PINJAMAN KEPADA BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Yayasan Perak	0.00	3.24	3.24	3.24	0.00
JUMLAH		0.00	3.24	3.24	3.24	0.00
PINJAMAN PELBAGAI						
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	0.00	1.93	1.93	1.60	0.33
JUMLAH		0.00	1.93	1.93	1.60	0.33
PINJAMAN KEPADA LEMBAGA AIR PERAK						
1.	Lembaga Air Perak	12.30	6.15	18.45*	75.25**	18.45
JUMLAH		12.30	6.15	18.45	75.25**	18.45
JUMLAH KESELURUHAN		12.74	16.38	29.12	85.39	18.98

Sumber: Jadual Bayaran Balik Pinjaman Tahun 2020 dan Jadual Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Tahun 2020

Nota: (*) - Termasuk tunggakan pinjaman tahun 2018 dan 2019 berjumlah RM12.30 juta

(**) - Pelarasan baki pinjaman ke Pengurusan Aset Air Berhad bagi empat Projek Bekalan Air Luar Bandar berjumlah RM75.25 juta

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 20 April 2021

Tunggakan bayaran balik pinjaman oleh LAP telah ditangguhkan pembayaran mulai tahun 2018 disebabkan terdapat lebih bayaran pinjaman oleh LAP kepada Kerajaan negeri berjumlah RM47.41 juta. Jumlah ini melibatkan projek bekalan air yang telah dipindahkan ke PAAB sejumlah RM21.95 juta dan projek bekalan air yang belum dipindahkan ke PAAB sejumlah RM25.46 juta yang masih dalam proses bayaran balik oleh Kerajaan negeri kepada LAP. Ini bertujuan untuk mengekalkan baki pinjaman antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri dan LAP sehingga pinjaman tersebut selesai dipindahkan secara berperingkat kepada PAAB.

- e. Analisis Audit mendapati sebanyak 12 daripada 33 pinjaman atau 36.4% mempunyai tunggakan bayaran balik bagi tempoh satu hingga tiga tahun melibatkan 12 ansuran tertunggak. **Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2020 meningkat sebanyak RM6.24 juta atau 49% menjadi RM18.98 juta berbanding RM12.74 juta pada tahun 2019.**
- f. Analisis perbandingan baki tunggakan bayaran balik pinjaman agensi negeri bagi tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan baki tunggakan bayaran balik pinjaman daripada RM15.57 juta pada tahun 2016 menjadi RM19.78 juta pada tahun 2017. Bagaimanapun baki tunggakan telah menurun pada tahun 2018 kepada RM0.92 juta. Baki tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat semula pada tahun 2019 menjadi RM12.74 juta. Pada tahun 2020, terdapat peningkatan sebanyak RM6.24 juta ke atas baki tunggakan bayaran balik pinjaman menjadikan tunggakan bayaran balik berjumlah RM18.98 juta. Baki tunggakan bayaran balik pinjaman agensi negeri yang terendah bagi tempoh tersebut adalah pada tahun 2018. Kedudukan baki tunggakan bayaran balik pinjaman agensi negeri bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 53**.

JADUAL 53
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	AGENSI NEGERI	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
PINJAMAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
1.	Majlis Daerah Tanjong Malim	0.34	0.62	0.62	0.44	0.20
2.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	0.96	0.76	0.30	0.00	0.00
3.	Majlis Perbandaran Manjung	0.00	0.53	0.00	0.00	0.00
JUMLAH		1.30	1.91	0.92	0.44	0.20

BIL.	AGENSİ NEGERİ	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
PINJAMAN KEPADA BADAN BERKANUN NEGERİ						
1.	Yayasan Perak	13.74	17.87	0.00	0.00	0.00
2.	Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan	0.53	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH		14.27	17.87	0.00	0.00	0.00
PINJAMAN PELBAGAI						
3.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	0.00	0.00	0.00	0.00	0.33
JUMLAH		0.00	0.00	0.00	0.00	0.33
PINJAMAN KEPADA LEMBAGA AIR PERAK						
1.	Lembaga Air Perak	0.00	0.00	0.00	12.30	18.45
JUMLAH		0.00	0.00	0.00	12.30	18.45
JUMLAH KESELURUHAN		15.57	19.78	0.92	12.74	18.98

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

9.2. Penyata Akaun Memorandum Aset – Pelaburan

9.2.1. Pelaburan Kerajaan negeri dari Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri terdiri daripada pelaburan melalui Pengurus Dana Pelaburan dan pegangan Saham Syarikat. Pada tahun 2020, sejumlah RM70 juta dilaburkan melalui Pengurus Dana Pelaburan. Kerajaan negeri juga memiliki saham dalam empat syarikat berjumlah RM10.79 juta dan membuat pelaburan simpanan tetap bersama dua institusi kewangan berjumlah RM11 juta.

9.2.2. Pada akhir tahun 2020, **kedudukan pelaburan Kerajaan negeri menunjukkan peningkatan sebanyak RM11 juta atau 13.6% kepada RM91.79 juta berbanding RM80.79 juta pada tahun 2019**. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penambahan pelaburan simpanan tetap bersama Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad sejumlah RM9 juta dan Amanah Raya Berhad sejumlah RM2 juta pada tahun 2020. Ini menjadikan nilai buku simpanan tetap meningkat kepada RM11 juta berbanding tahun 2019. Kedudukan baki pelaburan pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 54**.

JADUAL 54
BAKİ PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
PENGURUS DANA PELABURAN					
1.	Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.	25.00	25.00	0.00	0.0
2.	Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	0.00	0.0
3.	RHB Islamic International Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	0.00	0.0
4.	CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	0.00	0.0
JUMLAH		70.00	70.00	0.00	0.0

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
SAHAM SYARIKAT					
1.	Gas Malaysia Berhad	0.44	0.44	0.00	0.0
2.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	9.10	9.10	0.00	0.0
3.	Telekom Malaysia Berhad	0.28	0.28	0.00	0.0
4.	Axiata Group Berhad	0.97	0.97	0.00	0.0
JUMLAH		10.79	10.79	0.00	0.0
SIMPANAN TETAP					
1.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	9.00	0.00	9.00	100.0
2.	Amanah Raya Berhad	2.00	0.00	2.00	100.0
JUMLAH		11.00	0.00	11.00	100.0
JUMLAH KESELURUHAN		91.79	80.79	11.00	13.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.2.3. Sehingga akhir tahun 2020, keuntungan pelaburan yang diterima daripada pengurus dana adalah RM4.10 juta, iaitu meningkat sebanyak RM500,000 (13.9%) berbanding RM3.60 juta pada tahun 2019. Pulangan pelaburan saham adalah RM88,554, iaitu meningkat sebanyak RM49,273 (125.4%) berbanding RM39,281 pada tahun 2019. Kerajaan negeri menerima pembayaran dividen RM40,000 daripada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) pada tahun 2020. Analisis perbandingan pulangan pelaburan saham pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 55**.

JADUAL 55
PULANGAN PELABURAN SAHAM PADA TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM)	2019 (RM)	PERUBAHAN	
				(RM)	(%)
PENGURUS DANA PELABURAN					
1.	Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.	2,000,000	1,600,000	400,000	25.0
2.	Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	700,000	600,000	100,000	16.7
3.	RHB Islamic International Asset Management Sdn. Bhd.	600,000	600,000	0	0
4.	CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	800,000	800,000	0	0
JUMLAH		4,100,000	3,600,000	500,000	13.9
SAHAM SYARIKAT					
1.	Gas Malaysia Berhad	27,100	27,600	(500)	(1.8)
2.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	40,000	0	40,000	100
3.	Telekom Malaysia Berhad	8,400	1,000	7,400	740.0
4.	Malaysia Airports Holdings Berhad	0	0	0	0.0
5.	Axiata Group Berhad	13,054	10,681	2,373	22.2
JUMLAH		88,554	39,281	49,273	125.4
JUMLAH KESELURUHAN		4,188,554	3,639,281	549,273	15.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019


9.2.4. Analisis perbandingan pulangan pelaburan bagi tempoh lima tahun menunjukkan kadar keuntungan pelaburan/dividen yang diperoleh adalah antara 3.4% hingga 4.6%. Dividen tertinggi yang diterima oleh Kerajaan negeri bagi tempoh tersebut adalah pada tahun 2020, iaitu RM4.19 juta. Kedudukan pulangan pelaburan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 56** dan **Carta 5**.

JADUAL 56
KEDUDUKAN PULANGAN PELABURAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA TAHUN 2020

TAHUN	PELABURAN				KEUNTUNGAN PELABURAN/DIVIDEN	
	PENGURUS DANA (RM Juta)	SAHAM SYARIKAT (RM Juta)	SIMPANAN TETAP (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2016	65.00	13.83	0.00	78.83	3.41	4.3
2017	70.00	11.92	0.00	81.92	2.81	3.4
2018	70.00	10.45	0.00	80.45	3.65	4.5
2019	70.00	10.79	0.00	80.79	3.64	4.5
2020	70.00	10.79	11.00	91.79	4.19	4.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

CARTA 5
KEDUDUKAN PULANGAN PELABURAN
BERBANDING PELABURAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

9.2.5. Analisis perbandingan nilai kos dan nilai pasaran pelaburan saham menunjukkan tiga daripada empat pelaburan saham mencatatkan rosot nilai antara 3.6% hingga 71.9% pada tahun 2020. Bagaimanapun, Kerajaan negeri masih menerima dividen daripada pelaburan tersebut pada tahun 2020. Kerajaan negeri mengambil tindakan untuk mengekalkan pegangan saham selagi menerima manfaat daripada pegangan saham tersebut. Kedudukan nilai kos dan nilai pasaran pelaburan saham syarikat pada 31 Disember 2020 adalah seperti dalam **Jadual 57**.

JADUAL 57
KEDUDUKAN NILAI KOS DAN NILAI PASARAN
PELABURAN SAHAM SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2020

BIL.	BUTIRAN	UNIT SAHAM	NILAI KOS (RM Juta)	NILAI PASARAN (RM Juta)	ROSOT NILAI	
					(RM Juta)	(%)
1.	Gas Malaysia Berhad	200,000	0.44	0.54	0.10	22.7
2.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	2,000,000	9.10	2.56	(6.54)	(71.9)
3.	Telekom Malaysia Berhad	50,000	0.28	0.27	(0.01)	(3.6)
4.	Axiata Group Berhad	200,831	0.97	0.75	(0.22)	(22.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

9.3. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Hutang Awam

9.3.1. Mulai tahun 2016, Kerajaan Negeri Perak tidak menerima pinjaman baharu daripada Kerajaan Persekutuan. Pada 31 Disember 2020, **baki hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak RM80.45 juta (31.4%), iaitu RM175.35 juta berbanding RM255.80 juta pada tahun 2019.** Penurunan ini disebabkan bayaran balik pinjaman yang dibuat kepada Kerajaan Persekutuan bagi tiga Projek Bekalan Air berjumlah RM3.10 juta dan Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) sejumlah RM2.10 juta. Selain itu, penurunan juga adalah disebabkan pindahan baki pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Perak bagi empat Projek Bekalan Air kepada PAAB berjumlah RM75.25 juta. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan negeri pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 58**.

JADUAL 58
KEDUDUKAN HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	BAKI PINJAMAN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Perumahan Awam	31.46	33.56	(2.10)	(6.3)
2.	Projek Bekalan Air	143.89	146.99	(3.10)	(2.1)
3.	Projek Bekalan Air Dipindahkan ke PAAB	0.00	75.25	(75.25)	(100.0)
JUMLAH		175.35	255.80	(80.45)	(31.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.3.2. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

- a. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri sepatutnya membayar ansuran bagi 19 pinjaman berjumlah RM33.71 juta. Ansuran tersebut terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa berjumlah RM10.43 juta (selepas ditolak hapus kira berjumlah RM3.76 juta) dan tunggakan tahun sebelumnya berjumlah RM23.28 juta (selepas ditolak pindahan baki pinjaman Projek Bekalan Air ke PAAB

berjumlah RM3.76 juta). Bagaimanapun, Kerajaan negeri hanya membuat bayaran balik ansuran pinjaman sebanyak RM5.20 juta (15.4%) berbanding RM33.71 juta yang sepatutnya dijelaskan pada tahun 2020. Ini menyebabkan tunggakan pada akhir tahun 2020 berjumlah RM28.51 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang awam tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 59**.

JADUAL 59
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM PADA TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	TUNGGAKAN PADA 01.01.2020 (RM Juta)	ANUITI 2020 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN TAHUN 2020 (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN TAHUN 2020 (RM Juta)	TUNGGAKAN PADA 31.12.2020 (RM Juta)
1.	Rancangan Perumahan Awam	0.00	2.10	2.10	2.10	0.00
2.	Projek Bekalan Air	23.28	8.33	31.61	3.10	28.51
JUMLAH		23.28	10.43	33.71	5.20	28.51

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

- b. Analisis Audit mendapati sebanyak 11 (57.9%) daripada 19 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik bagi tempoh dua hingga 10 tahun melibatkan 43 ansuran tertunggak. Tunggakan ini merupakan tunggakan bayaran balik bagi Projek Bekalan Air yang masih dalam proses penstrukturan semula hutang untuk dipindahkan secara berperingkat kepada PAAB.
- c. Tunggakan bayaran balik hutang awam pada akhir tahun 2020 meningkat sebanyak RM5.22 juta (22.4%) menjadi RM28.51 juta berbanding RM23.29 juta (selepas ditolak hapus kira berjumlah RM3.76 juta) pada akhir tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan jumlah tunggakan tahun 2019 dan anuiti tahun 2020 yang perlu dibayar oleh Kerajaan negeri berjumlah RM33.71 juta adalah lebih tinggi daripada bayaran balik pada tahun 2020 kepada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM5.20 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang awam tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 60**.

JADUAL 60
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM PADA TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
		BIL.	TUNGGAKAN		31.12.2020 (RM Juta)	31.12.2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		ANSURAN BIL.	TEMPOH (Tahun)
			BIL.	(%)			(RM Juta)	(%)		
1.	Rancangan Perumahan Awam	1	-	-	0.00	0.00	0.00	-	-	-
2.	Projek Bekalan Air	18	11	61.1	28.51	23.29	5.22	22.4	43	2-10
JUMLAH		19	11	57.9	28.51	23.29	5.22	22.4	43	2-10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.4 Pelbagai Liabiliti

9.4.1. Lebihan Bayaran Balik Pinjaman Lembaga Air Perak Kepada Kerajaan Negeri Perak yang Telah Dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad

- a. Mesyuarat Tunggal Akaun dan Status Pindahan Baki Pinjaman Kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah diadakan pada 7 Mei 2019 bersama pihak LAP. **Mesyuarat mengesahkan bahawa RM21.95 juta adalah lebihan bayaran daripada LAP, dan Kerajaan negeri bersetuju untuk melaksanakan pembayaran secara berperingkat bagi menyelesaikan lebihan bayaran tersebut.** Mekanisma bayaran terperinci akan dibincangkan dan ditentukan berpandukan peruntukan kewangan.
- b. Semakan Audit mendapati **Kerajaan negeri telah membuat bayaran sejumlah RM0.95 juta kepada LAP bertarikh 17 Oktober 2019 dan RM50,000 bertarikh 7 Februari 2020** sebagai sebahagian bayaran pinjaman yang terlebih bayar oleh LAP kepada Kerajaan negeri. Manakala baki lebihan bayaran berjumlah RM20.95 juta akan dibayar secara berperingkat kepada LAP selama sepuluh tahun bermula dari tahun 2021 seperti yang diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bilangan Khas 1 Tahun 2020 bertarikh 14 Disember 2020.

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 20 April 2021

Pada tahun 2021, pembayaran balik baki pinjaman sebanyak RM2.10 juta telah dibuat melalui baucar bayaran bernombor 21DABB0400269 bertarikh 10 Februari 2021. Baki pinjaman terlebih bayar terkini telah berkurang kepada RM18.86 juta.

9.4.2. Baki Pinjaman Bagi Projek Bekalan Air yang Belum Dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad

- a. Mesyuarat Teknikal Berhubung Bayaran Pendahuluan Royalti Air Kepada Kerajaan Negeri dan Proses Pemindahan Keseluruhan Pinjaman kepada PAAB pada 8 Januari 2019 menyatakan **baki lebihan bayaran LAP kepada Kerajaan negeri yang belum dijelaskan oleh Kerajaan negeri kepada**

Kerajaan Persekutuan berjumlah RM25.46 juta melibatkan lima Projek Bekalan Air.

- b. Mesyuarat tersebut juga bersetuju untuk **membuat bayaran balik pinjaman sejumlah RM5.90 juta. Baki RM19.56 juta akan dibayar secara berperingkat selama tujuh tahun, mulai dari tahun 2020 hingga 2026 dengan bayaran RM2.79 juta setahun kepada LAP.** Semakan Audit mendapati bayaran balik pinjaman Kerajaan negeri kepada LAP telah dibuat pada 30 Januari 2019 dan 7 Februari 2020 masing-masing berjumlah RM5.90 juta dan RM2.79 juta.

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 20 April 2021

Pada tahun 2021, bayaran balik baki pinjaman sebanyak RM2.79 juta telah dibuat melalui baucar bayaran bernombor 21DABB0400269 bertarikh 10 Februari 2021. Baki pinjaman terlebih bayar terkini telah berkurang kepada RM13.97 juta.

9.4.3. Pendahuluan Royalti Air Mentah daripada Lembaga Air Perak Sebelum Tahun 2018

- a. Mulai tahun 2008, LAP telah mengakaunkan lebihan pembayaran Royalti Air Mentah kepada Kerajaan negeri di bawah Pendahuluan Royalti Air. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah terkumpul pendahuluan Royalti Air Mentah kepada Kerajaan negeri berjumlah RM342.22 juta dan jumlah ini merupakan tanggungan bagi Kerajaan negeri.
- b. Berdasarkan keputusan Mesyuarat MMKN pada 8 Mei 2019, jumlah terkumpul pendahuluan Royalti Air Mentah ini akan diselesaikan dengan menaikkan kadar royalti air daripada RM0.04 per m³ kepada RM0.06 per m³ pengambilan air. Daripada kadar ini, RM0.05 setiap m³ akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Perak dan RM0.01 setiap m³ akan digunakan untuk menjelaskan pendahuluan royalti air terkumpul. Bagaimanapun, **jumlah tanggungan bagi pendahuluan royalti air terkumpul sejumlah RM342.22 juta ini tidak dinyatakan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak.**
- c. Semakan Audit terhadap Lejar Am Pendahuluan Royalti Air LAP mendapati jumlah sebenar kontra royalti air dengan prabayar royalti air mentah bagi bulan Januari

hingga Disember 2020 adalah RM5.05 juta. Ini menjadikan baki pendahuluan pada 31 Disember 2020 berjumlah RM337.17 juta. Namun sehingga tarikh akhir pengauditan pada 30 Mac 2021, pihak Audit mendapati tiada daftar atau rekod yang disenggara oleh pihak PKN berkaitan amaun tanggungan bayaran pendahuluan royalti air tersebut.

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 28 April 2021

Pejabat Kewangan Negeri mengambil maklum perkara berkaitan Pendahuluan Royalti Air Mentah daripada LAP sebelum tahun 2018. Sehubungan itu, pihak PKN telah menyediakan dan menyenggara daftar atau rekod bayaran royalti tersebut.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. AKAUN BELUM TERIMA

Peraturan mengenai Akaun Belum Terima (ABT) dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89A, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan salinannya dihantar ke Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.6 turut menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima, iaitu tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Garis Panduan dan Peraturan Penutupan Akaun Bagi Tahun Kewangan 2020 melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 2 Tahun 2020 telah menetapkan kewajipan Ketua Jabatan/PTJ untuk mengemukakan Penyata Akaun Belum Terima 2 (ABT-2) kepada PKN pada 7 Januari 2021. Analisis Audit mendapati tunggakan hasil negeri Perak telah meningkat sebanyak RM25.22 juta (24.6%) menjadi RM127.55 juta berbanding RM102.33 juta pada tahun 2019. Akaun Belum Terima pada tahun 2020 dan tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 61**.

JADUAL 61
AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	112.55	87.69	24.86	28.3
2.	Ansuran Sewa Beli Rancangan Perumahan Awam dan Program Perumahan Rakyat	4.96	4.96	0.00	0.0
3.	Lain-lain Hasil	10.04	9.68	0.36	3.7
JUMLAH		127.55	102.33	25.22	24.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

10.1.1. Analisis Audit turut mendapati Cukai Tanah mencatatkan tunggakan hasil tertinggi, iaitu sejumlah RM112.55 juta (88.2%) daripada keseluruhan baki Akaun Belum Terima pada tahun 2020 yang berjumlah RM127.55 juta. Tunggakan Cukai Tanah meningkat sebanyak RM24.86 juta (28.3%) pada tahun 2020 menjadi RM112.55 juta berbanding RM87.69 juta pada tahun 2019. Analisis seterusnya mengenai tunggakan Cukai Tanah mendapati perkara seperti berikut:

- a. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kinta Ipoh mencatatkan tunggakan cukai tanah tertinggi bagi tahun 2020 sejumlah RM58.91 juta. Tunggakan ini meningkat sebanyak RM22 juta atau 59.6% berbanding RM36.91 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan OPS VAPS (Visit Advise Pay) bagi hak milik yang mempunyai tunggakan tidak dapat dilaksanakan kerana pelaksanaan PKP. Selain itu, penambahan bilangan hak milik juga turut membawa kepada peningkatan cukai tanah berulang pada tahun 2020.
- b. PDT Manjung mencatatkan tunggakan cukai tanah kedua tertinggi bagi tahun 2020. Tunggakan ini juga mengalami peningkatan sebanyak RM1.81 juta (21.6%) kepada RM10.20 juta pada tahun 2020 berbanding RM8.39 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh kegagalan syarikat perumahan dan pemilik bangunan perniagaan serta industri membayar cukai tanah kerana perniagaan tidak dapat beroperasi ekoran penularan wabak Covid-19. Terdapat beberapa syarikat yang terjejas dan telah menyatakan ketidakupayaan untuk membayar cukai tanah kerana perniagaan tidak dapat beroperasi secara berterusan. Selain itu, proses pengeluaran Notis 6A dan 8A tertangguh kerana terdapat hak milik yang dalam proses rampasan dan salinan hak milik tersebut lewat diterima daripada pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak. Kegagalan mengesan pemilik tanah yang telah berpindah atau yang telah meninggal dunia juga menyebabkan kelewatan penyerahan Notis 6A dan 8A.
- c. PDT Kinta, Batu Gajah mencatatkan tunggakan cukai tanah ketiga tertinggi dengan peningkatan sebanyak RM2.64 juta (36.5%) kepada RM9.87 juta pada tahun 2020 berbanding RM7.23 juta pada tahun 2019. Terdapat hak milik syarikat

yang mempunyai tunggakan Cukai Tanah RM2.40 juta sedang dalam tindakan undang-undang mahkamah (kaveat). Ini menyebabkan syarikat tidak dapat menjelaskan bayaran tunggakan Cukai Tanah tersebut.

- d. Kedudukan tunggakan cukai tanah bagi PDT pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 62**.

JADUAL 62
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	PEJABAT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	PDT Kinta, Ipoh	58.91	36.91	22.00	59.6
2.	PDT Manjung	10.20	8.39	1.81	21.6
3.	PDT Kinta, Batu Gajah	9.87	7.23	2.64	36.5
4.	PDT Tanah Taiping	6.09	6.61	(0.52)	(7.9)
5.	PDT Tapah	4.37	4.49	(0.12)	(2.7)
6.	PDT Tanah Kampar	3.98	3.85	0.13	3.4
7.	PDT Muallim	3.58	3.31	0.27	8.2
8.	PDT Seri Iskandar	2.35	2.75	(0.40)	(14.5)
9.	PDT Bagan Datuk	2.33	2.55	(0.22)	(8.6)
10.	PDT Kerian	2.32	2.36	(0.04)	(1.7)
11.	PDT Sungai Siput	2.22	2.37	(0.15)	(6.3)
12.	PDT Teluk Intan	1.87	2.31	(0.44)	(19.0)
13.	PDT Kuala Kangsar	1.40	1.40	0.00	0.0
14.	PDT Kampong Gajah	0.99	0.85	0.14	16.5
15.	PDT Selama	0.82	0.85	(0.03)	(3.5)
16.	PDT Lenggong	0.49	0.55	(0.06)	(10.9)
17.	PDT Gerik	0.47	0.55	(0.08)	(14.5)
18.	PDT Pengkalan Hulu	0.29	0.36	(0.07)	(19.4)
JUMLAH		112.55	87.69	24.86	28.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

10.1.2. Tunggakan lain-lain hasil meningkat sebanyak RM0.36 juta (3.7%) pada tahun 2020 menjadi RM10.04 juta berbanding RM9.68 juta pada tahun 2019. Peningkatan tunggakan ini antaranya disebabkan oleh tiga syarikat janakuasa elektrik telah terkurang bayar sebanyak RM9.28 juta bagi tahun 2020 dan RM9.49 juta bagi tahun 2019. Kurangan ini juga telah diambil kira dalam Akaun Belum Terima pada tahun 2020 oleh PDT Manjung. Keadaan ini menyebabkan PDT Manjung mencatatkan tunggakan lain-lain hasil tertinggi bagi tahun 2020, iaitu RM9.28 juta.

10.1.3. Selain itu, peningkatan tunggakan lain-lain hasil juga disebabkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak mencatatkan peningkatan tunggakan hasil sebanyak RM0.52 juta berbanding tiada tunggakan dicatatkan dalam tahun 2019.

Semakan Audit terhadap laporan pengumuran (ageing report) Penyata Akaun Belum Terima dan Tunggakan Hasil pada 31 Disember 2020 mendapati tunggakan bertempoh sehingga satu tahun berjumlah RM261,384 manakala tunggakan bertempoh satu hingga tiga tahun berjumlah RM256,800. Semakan Audit mendapati Jabatan Perhutanan Negeri Perak mempunyai tunggakan hasil pada tahun 2019 namun tidak dinyatakan dalam Penyata Tahunan Tunggakan Hasil bagi tahun 2019 yang dikemukakan kepada Bendahari Negeri/Pejabat Kewangan Negeri.

10.1.4. Semakan Audit turut mendapati, kegagalan pihak penyewa membayar sewa berjumlah RM40,000 pada tahun 2020 kepada pihak PDT Parit Buntar turut menyumbang kepada peningkatan tunggakan lain-lain hasil.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada akhir tahun 2020 adalah stabil berdasarkan perkara seperti berikut:

11.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2019 berjumlah RM1.260 bilion meningkat sebanyak RM20.79 juta berbanding RM1.280 bilion pada tahun 2019;

11.2. kutipan hasil pada tahun 2020 menurun sebanyak RM111.36 juta atau 10.2% manakala pelaburan pada tahun 2020 kekal pada RM916.37 juta;

11.3. prestasi Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 mengalami kurangan sebanyak RM78.01 juta berbanding lebih RM5.14 juta pada tahun 2019;

11.4. baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan menurun sebanyak RM0.64 juta atau 1.3% menjadi defisit RM48.56 juta berbanding defisit RM49.20 juta pada tahun 2019;

11.5. perbelanjaan keseluruhan RMKe-11 berjumlah RM1.832 bilion atau 87.3% daripada RM2.100 bilion peruntukan yang diluluskan;

11.6. Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM80.09 juta atau 29.3% pada tahun 2020 menjadi RM192.94 juta berbanding RM273.03 juta pada tahun 2019;

11.7. Hutang Awam pada tahun 2020 menurun sebanyak RM80.45 juta atau 31.4% menjadi RM175.35 juta berbanding RM255.80 juta pada tahun 2019;

11.8. Pendahuluan Royalti Air Mentah sejumlah RM5.05 juta telah dikontra oleh pihak LAP menjadikan jumlah tanggungan royalti oleh Kerajaan negeri berkurang kepada RM337.17 juta; dan

11.9. Akaun Belum Terima pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM25.22 juta atau 24.6% menjadi RM127.55 juta berbanding RM102.33 juta pada tahun 2019.

12. SYOR AUDIT

Kerajaan negeri perlu mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang baik di samping perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Tindakan lebih berkesan hendaklah diambil untuk mengutip tunggakan cukai tanah dan tunggakan pinjaman daripada agensi negeri yang berkaitan.



BAHAGIAN III

**PENYERAHAN, PENGESAHAN,
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI**

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan penyata kewangan agensi negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 25 penyata kewangan BBN, PBT dan MAI bagi tahun berakhir 2020 telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Berdasarkan surat daripada Pejabat Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan bertarikh 3 Februari 2021, agensi perlu mengemukakan penyata kewangan tahun 2020 kepada Jabatan Audit Negara sebelum 30 April 2021.
- Sebanyak tiga agensi masih belum mengemukakan penyata kewangan, iaitu Yayasan Perak, Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.
- Setakat 31 Ogos 2021, satu Penyata Kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 iaitu Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Perak telah disahkan dan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak 24 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 2020 yang lain masih belum dapat disahkan berikutan beberapa faktor. Antaranya melibatkan penangguhan kerja-kerja pengauditan oleh Firma Audit Swasta selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan pada tahun 2021.
- Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak dua penyata kewangan tahun 2017, dua penyata kewangan tahun 2018 dan 19 penyata kewangan tahun 2019 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak pada 27 Oktober 2020, 4 Disember 2020 dan 26 Ogos 2021.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2020	Bilangan Agensi Negeri		28 Akaun Agensi	
	12	Badan Berkanun Negeri	1	Telah Disahkan
	15	Pihak Berkuasa Tempatan	24	Belum Disahkan
	1	Majlis Agama Islam	3	Belum Dikemukakan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 28 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2020 berbanding 29 penyata kewangan pada tahun 2019. Penyata kewangan bagi satu agensi negeri, iaitu Amanah Agama dan Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar tidak lagi diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Perkara ini adalah disebabkan tiada peruntukan mengenai kuasa Ketua Audit Negara untuk mengaudit penyata kewangan di dalam enakmen penubuhan agensi negeri tersebut.

2.2. Penyata Kewangan agensi negeri terdiri daripada 12 BBN, 15 PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) manakala MAI di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

2.3. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terus terhadap penyata kewangan bagi tiga BBN, satu PBT dan satu MAI manakala pengauditan terhadap 23 penyata kewangan yang lain dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.4. Pengauditan penyata kewangan tahun 2020 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan The International Standards Of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Berdasarkan surat daripada Pejabat Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan bertarikh 3 Februari 2021, agensi perlu mengemukakan penyata kewangan tahun 2020 kepada Jabatan Audit Negara sebelum 30 April 2021. Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 25 daripada 28 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 kepada Jabatan Audit Negara. Daripada 25 agensi negeri tersebut, tujuh agensi telah mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 April 2021 manakala 18 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2021. Pejabat Kewangan Negeri telah meluluskan penangguhan penghantaran penyata kewangan bagi Lembaga Muzium Negeri Perak dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak sehingga 31 Mei dan 30 Jun 2021. Penangguhan juga diberikan kepada kesemua 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga 31 Ogos 2021.

3.2. Sehingga 31 Ogos 2021, **tiga agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, iaitu Yayasan Perak; Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak; dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.** Dua daripadanya iaitu Yayasan Perak; dan Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri bagi pelanjutan tempoh penangguhan penyerahan penyata kewangan sehingga 30 Ogos 2021. Bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, kelulusan penangguhan adalah sehingga 31 Ogos 2021. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1.**

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN
DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
PENYATA KEWANGAN 2020		
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Air Perak	28.04.2021
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	28.04.2021
3.	Majlis Sukan Negeri Perak	28.04.2021
4.	Perbadanan Taman Negeri Perak	30.04.2021
5.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak	30.04.2021
6.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	30.04.2021
7.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	03.05.2021
8.	Lembaga Muzium Negeri Perak	08.06.2021
9.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	29.06.2021
10.	Yayasan Perak	Belum Terima
11.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak	Belum Terima
12.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Belum Terima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Kerian	28.06.2021
2.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	30.06.2021
3.	Majlis Daerah Tanjong Malim	30.06.2021
4.	Majlis Daerah Tapah	30.06.2021
5.	Majlis Daerah Perak Tengah	30.06.2021
6.	Majlis Daerah Selama	30.06.2021
7.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	01.07.2021
8.	Majlis Daerah Gerik	02.07.2021
9.	Majlis Daerah Kampar	02.07.2021
10.	Majlis Daerah Batu Gajah	02.07.2021
11.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	02.07.2021
12.	Majlis Perbandaran Taiping	02.07.2021
13.	Majlis Bandaraya Ipoh	06.07.2021
14.	Majlis Perbandaran Manjung	06.07.2021
15.	Majlis Daerah Lenggong	08.07.2021
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	28.04.2021

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan

agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Negeri seperti digariskan di bawah PA 3.1. Pekeliling Perbendaharaan. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 yang mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	4
2.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	2
3.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	22
JUMLAH		28

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus (those charged with governance). KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Ketua Audit Negara.

5.1.3. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter (OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer).

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2021, hanya satu penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah disahkan, iaitu Majlis Sukan Negeri Perak yang diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Lima penyata kewangan iaitu Lembaga Air Perak, Perbadanan Taman Negeri Perak, Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak, Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak dan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak sedang dalam proses persijilan. Satu penyata kewangan iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak baru dimulakan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara kerana penamatan perjanjian pelantikan FAS yang berkuat kuasa pada 7 Julai 2021. Penamatan perjanjian adalah disebabkan FAS tersebut telah ditutup secara rasmi pada 23 November 2020 dan pengauditan terhadap penyata kewangan agensi tidak dapat dilaksanakan.

5.4. Dua agensi yang diaudit terus oleh Jabatan Audit Negara dan 16 agensi yang diaudit oleh FAS masih dalam proses pengauditan. Kelewatan adalah disebabkan penangguhan dan pelanjutan tempoh pengauditan yang diluluskan kepada FAS kesan daripada PKP yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan. Hal ini kerana perkhidmatan pengauditan FAS tidak disenaraikan dalam kategori perkhidmatan perlu. Ketua Audit Negara pada 5 Julai 2021 bersetuju meluluskan lanjutan masa kepada FAS tertakluk kepada proses persijilan perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada 30 Oktober 2021. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2016 sehingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BILANGAN SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI
BAGI TAHUN 2016 SEHINGGA 2020 MENGIKUT JENIS PENDAPAT AUDIT

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata)				
		2016	2017	2018	2019	2020
1.	Pendapat Tanpa Teguran	29	29	27	4	1
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan EOM	0	0	1	10	0
3.	Pendapat Berteguran/Pendapat Berteguran dengan perenggan EOM/Pendapat Berteguran dengan perenggan Hal-Hal Lain	0	1	2	15	0
JUMLAH		29	30	30	29	1

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016 hingga 2020

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2019

5.5.1. LKAN Tahun 2019 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2019 yang dibentangkan di Parlimen pada 5 November 2020 dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 26 Ogos 2021 tidak melaporkan status bagi 29 Penyata Kewangan Agensi Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Ini disebabkan laporan tersebut hanya melaporkan penyata kewangan yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 31 Ogos 2020.

5.5.2. Sehingga 31 Ogos 2021, kesemua 29 penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah selesai diaudit dan telah disahkan. Jenis Sijil Audit yang dikeluarkan terhadap 29 penyata kewangan tersebut terdiri daripada empat Pendapat Tanpa Teguran, sepuluh Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan EOM, tujuh Pendapat Berteguran, tujuh Pendapat Berteguran dengan perenggan EOM dan satu Pendapat Berteguran dengan perenggan Hal-Hal Lain. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP PENYATA KEWANGAN
AGensi NEGERI TAHUN 2019 YANG DILAPORKAN DALAM LKAN 2020

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI
PENDAPAT TANPA TEGURAN			
1.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	18.05.2020	09.09.2020
2.	Majlis Sukan Negeri Perak	27.07.2020	28.10.2020
3.	Yayasan Perak	30.07.2020	03.11.2020
4.	Majlis Bandaraya Ipoh	29.05.2020	22.09.2020
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN PERENGKAN EOM			
1.	Lembaga Air Perak	20.05.2020	14.09.2020
2.	Perbadanan Taman Negeri Perak	28.07.2020	04.11.2020
3.	Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak	28.08.2020	15.12.2020
4.	Majlis Daerah Kerian	22.05.2020	01.09.2020
5.	Majlis Daerah Tanjong Malim	28.05.2020	18.09.2020
6.	Majlis Perbandaran Manjung	29.05.2020	04.09.2020
7.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	29.05.2020	11.09.2020
8.	Majlis Daerah Kampar	29.05.2020	03.09.2020
9.	Majlis Daerah Tapah	29.05.2020	02.09.2020
10.	Majlis Daerah Selama	29.05.2020	02.09.2020
PENDAPAT BERTEGURAN			
1.	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	28.05.2020	05.10.2020
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	21.05.2020	08.09.2020
3.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak	28.05.2020	17.09.2020
4.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	28.05.2020	17.09.2020
5.	Lembaga Muzium Negeri Perak	03.06.2020	30.09.2020
6.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	16.07.2020	23.10.2020
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	31.12.2020	25.05.2021
PENDAPAT BERTEGURAN DENGAN PERENGKAN EOM			
1.	Majlis Daerah Gerik	28.05.2020	15.09.2020
2.	Majlis Perbandaran Taiping	29.05.2020	10.09.2020
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	29.05.2020	22.09.2020
4.	Majlis Daerah Batu Gajah	29.05.2020	11.09.2020
5.	Majlis Daerah Perak Tengah	29.05.2020	19.08.2020
6.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	29.05.2020	09.09.2020
7.	Majlis Daerah Lenggong	01.06.2020	17.09.2020
PENDAPAT BERTEGURAN DENGAN PERENGKAN HAL-HAL LAIN			
1.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	29.05.2020	14.09.2020

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019

5.5.3. Asas kepada pendapat berteguran bagi 15 penyata kewangan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 BAGI PENDAPAT
BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN EOM ATAU HAL-HAL LAIN

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN EOM/HAL-HAL LAIN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	Pelarasan susut nilai terkumpul berjumlah RM0.90 juta yang terdiri daripada susut nilai terkumpul aset bernilai rendah sejumlah RM0.85 juta dan susut nilai terkumpul aset tak ketara sejumlah RM46,494 telah dikelaskan sebagai pendapatan. Pelarasan kos aset bernilai rendah berjumlah RM0.90 juta pula telah dikelaskan sebagai belanja di dalam penyata kewangan. Pengelasan ini tidak mengikut piawaian yang ditetapkan dan ia memberi kesan yang ketara ke atas penyata kewangan.
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak	Pinjaman tertunggak melebihi sepuluh tahun sejumlah RM5.55 juta mewakili 24%, dan pinjaman tertunggak melebihi satu hingga sepuluh tahun sejumlah RM7.09 juta mewakili 30.6% daripada jumlah keseluruhan pinjaman tertunggak. Bagaimanapun, tiada peruntukan rosot nilai direkodkan sebagaimana ditetapkan dalam dasar-dasar perakaunan penting di Nota 3 perenggan (c).
3.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	Pinjaman tertunggak melebihi sepuluh tahun sejumlah RM1.61 juta mewakili 36.5%, dan melebihi satu hingga sepuluh tahun sejumlah RM1.36 juta mewakili 30.9% daripada jumlah keseluruhan pinjaman tertunggak. Bagaimanapun, tiada peruntukan rosot nilai direkodkan sebagaimana ditetapkan di dalam dasar-dasar perakaunan penting di Nota 3 perenggan (c).
4.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	a. Tiga Buah Kenderaan Tidak Diakaunkan Menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan Terkurang Nyata Sejumlah RM89,900 Permohonan pertukaran hak milik bagi tiga buah kenderaan dengan kos asal sejumlah RM264,088 telah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 11 November 2019. Bagaimanapun, kenderaan tersebut tidak diakaunkan dalam penyata kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Berdasarkan penilaian oleh pihak Liberty Insurance Berhad, nilai semasa bagi tiga buah kenderaan tersebut adalah sejumlah RM89,900. Perkara ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan serta Pendapatan dari Sumbangan Kerajaan Negeri terkurang nyata sejumlah RM89,900. b. Belanja Terakru Tahun 2019 Tidak Diakaunkan Menyebabkan Belanja Terkurang Nyata Sejumlah RM45,917 Sejumlah RM45,917 telah dikreditkan ke akaun pemiutang untuk tujuan pelarasan belanja terakru bagi tahun 2019. Pelarasan ini hanya direkodkan ke dalam akaun pemiutang yang menyebabkan belanja terkurang nyata sejumlah RM45,917. c. Pendapatan Faedah Tidak Diakaunkan Menyebabkan Pendapatan Terkurang Nyata Sejumlah RM42,309 Faedah simpanan tetap sebenar yang diterima oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak untuk simpanan tetap CIMB Islamic Bank Berhad adalah sejumlah RM46,131. Bagaimanapun, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak hanya mengakaunkan sejumlah RM3,822 sebagai pendapatan faedah. Perkara ini menyebabkan pendapatan faedah simpanan tetap terkurang nyata sejumlah RM42,309. <u>Hal-Hal Lain:</u> a. Perintah Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) 2016, Pihak Berkuasa Negeri menetapkan 1 Oktober 2016 sebagai tarikh peletakhakan bagi maksud Seksyen 4 Enakmen LPHP. Pada tarikh tersebut semua harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Bahagian Perumahan Awam (BPA), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Unit Perumahan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak hendaklah dipindahkan dan terletak hak pada LPHP tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan. Bagaimanapun, aset yang diguna oleh LPHP masih belum ditukar hak milik daripada BPA, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. LPHP hendaklah membuat proses pertukaran hak milik aset bagi menggambarkan kedudukan aset yang sebenar. b. Manfaat kakitangan yang tidak direkodkan dalam Penyata Kewangan LPHP melibatkan ketidakpatuhan terhadap Seksyen 28, MPERS dan tidak selaras dengan polisi 2(g)(iv) dalam Penyata Kewangan LPHP bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Isu ini juga

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN EOM/HAL-HAL LAIN
		telah dibangkitkan dalam Laporan Pemerhatian Audit Pengauditan Penyata Kewangan LPHP bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan masih belum diambil tindakan oleh pihak pengurusan LPHP. c. Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan di mana lejar am dan imbalan duga LPHP telah dilaras secara manual. Perkara ini boleh menjejaskan angka-angka yang dilaporkan dalam penyata kewangan. LPHP disaran untuk menambah baik sistem perakaunan sedia ada bagi melaporkan angka yang benar dan saksama dalam penyata kewangan.
5.	Lembaga Muzium Negeri Perak	a. Barang-barang Purba dan Koleksi Pameran Terkurang Nyata Sejumlah RM43,089 Senarai daftar barang-barang purba dan koleksi pameran Lembaga Muzium Negeri Perak berbeza dengan amaun di penyata kewangan sejumlah RM43,089. Ini menyebabkan barang-barang purba dan koleksi pameran terkurang nyata sejumlah RM43,089. b. Langsir dan Karpet Dipermodalkan Sejumlah RM39,698 Langsir dan Karpet berjumlah RM39,698 telah dipermodalkan sebagai aset alih Lembaga Muzium Negeri Perak. Ini menyebabkan kos langsir dan karpet yang diakaunkan sebagai hartanah, loji dan peralatan telah terlebih nyata sejumlah RM39,698.
6.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	a. Hartanah, Loji dan Peralatan – RM330.04 Juta Perenggan 34 MFRS 116 : <i>Property, Plant and Equipment</i> menetapkan penilaian Hartanah Loji dan Peralatan dilakukan setiap tiga atau lima tahun sekali. Berdasarkan perenggan 3.4 polisi perakaunan penyata kewangan SSI, penilaian ke atas tanah pajakan dan tanah milik kekal dilakukan dalam tempoh lima tahun sekali. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, nilai bawaan semasa tanah pajakan dan milik kekal telah melebihi tempoh lima tahun dan tidak dibuat penilaian semula sejumlah RM106.67 juta. Selain itu, terdapat juga nilai bawaan semasa tanah pajakan dan milik kekal yang masih belum dibuat penilaian sejak tanah diperoleh sejumlah RM3.72 juta. b. Pelaburan Dalam Anak Syarikat – RM21.78 Juta Berdasarkan perenggan 8 MFRS 136 : <i>Impairments of Assets</i> menetapkan peruntukan rosot nilai perlu dibuat sekiranya nilai dibawa pelaburan adalah melebihi nilai diperoleh. Pada tahun berakhir 31 Disember 2019, tiada peruntukan rosot nilai dibuat bagi pelaburan dalam syarikat subsidiari menyebabkan pelaburan dalam syarikat subsidiari terlebih nyata dan perbelanjaan peruntukan rosot nilai terkurang nyata sejumlah RM0.90 juta. c. Penghutang – RM1.78 Juta Berdasarkan perenggan 3.17 (iv) polisi perakaunan penyata kewangan SSI, peruntukan rosot nilai akan dibuat terhadap penghutang yang mengalami kesukaran kewangan dan tiada prospek yang realistik untuk pemulihan atau amaun tertunggak melebihi satu tahun yang mana berlaku dahulu. Sejumlah RM0.64 juta merupakan penghutang niaga yang telah tertunggak melebihi satu tahun dan tiada peruntukan rosot nilai dibuat selaras polisi perakaunan ditetapkan. d. Reimburse Kos Operasi Kompleks Menembak – RM255,419 Sejumlah RM255,419 merupakan bayaran balik daripada Pejabat Kewangan Negeri yang diterima bagi perbelanjaan di Kompleks Menembak Chepor. Amaun ini direkodkan sebagai pendapatan tahun semasa dan tidak direkodkan sebagai pendahuluan dalam Aset Semasa semasa bayaran dibuat sebaliknya diiktiraf sebagai belanja. Ini menyebabkan pendapatan terlebih nyata sejumlah RM255,419.
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	a. Kos Hotel Bajet, Bandar Meru Raya Terlebih Catat Sejumlah RM8.10 Juta Termasuk dalam pelaburan hartanah pada 31 Disember 2019 adalah kos Hotel Bajet, Bandar Meru Raya berjumlah RM8.10 juta. Bagaimanapun, perjanjian jual beli Hotel Bajet, Bandar Meru Raya antara Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan PCB Development Sdn. Bhd. masih belum disempurnakan dan hak milik hotel belum dipindahkan kepada PKNP menyebabkan pelaburan hartanah telah terlebih catat sejumlah RM8.10 juta. Jumlah yang sama telah dikontrakkan dengan hutang PCB Development Sdn. Bhd. kepada PKNP menyebabkan hutang PCB Development Sdn. Bhd. kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak terkurang nyata sejumlah RM8.10 juta. b. Kos Projek Bulatan 18 Ekar, Bandar Meru Raya Terkurang Catat Sejumlah RM6 Juta dan Tidak Merekodkan Belanja Susut Nilai Termasuk dalam pelaburan hartanah pada 31 Disember 2019 adalah kos Projek Bulatan 18 Ekar, Bandar Meru Raya berjumlah RM13.16 juta. Berdasarkan kontrak,

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGKAN EOM/HAL-HAL LAIN
		kos sebenar Projek Bulatan 18 ekar, Bandar Meru Raya adalah berjumlah RM19.16 juta. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak telah terkurang catat kos Projek Bulatan 18 ekar, Bandar Meru Raya sejumlah RM6.00 juta menyebabkan pelaburan hartanah telah terkurang nyata sebanyak amaun tersebut. Selain itu, PKNP tidak merekodkan belanja susut nilai bagi kos Projek Bulatan 18 Ekar, Bandar Meru Raya sejak tahun 2018. c. Tidak Merekodkan Elaun Rosot Nilai ke atas Resort Teluk Dalam, Pulau Pangkor Sejumlah RM9.51 Juta Berdasarkan Perengkan 8, MFRS 136 : <i>Impairment of Assets</i>, elaun rosot nilai perlu direkod sekiranya amaun dibawa (carrying amount) pelaburan adalah melebihi amaun boleh pulih (recoverable amount). Pada 31 Disember 2019, PKNP tidak merekodkan elaun rosot nilai bagi bangunan Resort Teluk Dalam, Pulau Pangkor yang terbiar dan rosak sejak tahun 2014 dengan potensi rosot nilai berdasarkan nilai buku bersih sejumlah RM9.51 juta.
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
8.	Majlis Daerah Gerik	a. Pengiktirafan Aset Infrastruktur Tidak Diakaunkan Dengan Tepat Sejumlah RM41.33 Juta Berdasarkan Imbangan Duga Majlis Daerah Gerik, baki aset infrastruktur sejumlah RM41.33 juta direkodkan sebagai Pemberian Kerajaan Dipermodalkan Aset Infrastruktur. Amaun ini merupakan amaun pengiktirafan aset infrastruktur tahun 2018 yang sepatut diiktiraf secara retrospektif ke akaun Kumpulan Wang Terkumpul Majlis Daerah Gerik. b. Amaun Pemberian Kerajaan Dipermodalkan Tidak Dibuat Pengelasan ke Kumpulan Wang Terkumpul Sejumlah RM42.51 Juta Berdasarkan Imbangan Duga Majlis Daerah Gerik, terdapat sejumlah RM42.51 juta direkodkan sebagai Pemberian Kerajaan Dipermodalkan. Amaun ini merupakan amaun pengiktirafan aset-aset yang diterima daripada kerajaan negeri sebelum pemakaian piawaian MPSAS yang sepatut diiktiraf secara retrospektif ke akaun Kumpulan Wang Terkumpul Majlis Daerah Gerik. Emphasis of Matter: a. Aset Dalam Pembinaan Tidak Dipermodalkan Sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan Mengikut Tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja Amaun yang diiktiraf sebagai Aset Dalam Pembinaan merupakan projek Memasang Dua Tiang Lampu Limpah Di Padang Bola Sepak Majlis Daerah Gerik. Amaun ini tidak dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan Majlis Daerah Gerik walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja projek telah dikeluarkan pada 11 Februari 2019. b. Aset Hartanah Pelaburan Gerai Tidak Dibuat Pengelasan ke Hartanah, Loji dan Peralatan Pembinaan gerai oleh Majlis Daerah Gerik dalam melaksanakan perkhidmatan sosial kepada orang awam perlu diakaunkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Gerik. Berdasarkan MPSAS 16, Hartanah Pelaburan merupakan aset yang dipegang untuk tujuan pelaburan dan peningkatan modal kepada sesebuah entiti. c. Perbelanjaan Operasi yang Dibiayai Melalui Peruntukan Geran Kerajaan dan Akaun Amanah Awam Tidak Direalisasikan Sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Belanja MPSAS 23 menetapkan geran yang telah memenuhi syarat hendaklah direalisasi sebagai urus niaga bukan pertukaran. Geran dan Akaun Amanah Awam yang telah memenuhi syarat tidak direalisasi sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Daerah Gerik. Majlis Daerah Gerik juga tidak mengiktiraf belanja operasi yang dibiayai melalui peruntukan geran dan akaun amanah awam semasa pembayaran dibuat sebaliknya hanya merekodkan sebagai aliran keluar Akaun Geran Tertunda dan Akaun Amanah Awam. Ketinggalan perekodan ini menyebabkan hasil dan belanja Majlis Daerah Gerik tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan.
9.	Majlis Perbandaran Taiping	a. Aset Projek Pembangunan Ecotourism Milik Jabatan Perhutanan Negeri Perak Telah Diakaunkan Menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan Terlebih Nyata Sejumlah RM1.84 Juta Sejumlah RM1.84 juta telah diakaunkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Taiping bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Amaun ini merupakan projek usaha sama Pembangunan Ecotourism di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Larut Matang, Perak di antara pihak Majlis Perbandaran Taiping dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Berdasarkan perjanjian usaha sama tersebut, Majlis Perbandaran Taiping hanya dilantik sebagai agen pelaksana untuk

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN EOM/HAL-HAL LAIN
		membangunkan projek tersebut dan projek tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak pada 30 Disember 2019. Perkara ini menyebabkan hartanah, loji dan peralatan serta hasil Majlis Perbandaran Taiping terlebih nyata sejumlah RM1.84 juta dalam penyata kewangan. Emphasis of Matter: a. Perbelanjaan Operasi yang Dibiayai Melalui Peruntukan Geran Kerajaan dan Akaun Amanah Awam Tidak Direalisasi Sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Belanja MPSAS 23 menetapkan geran yang telah memenuhi syarat hendaklah direalisasi sebagai urus niaga bukan pertukaran. Geran dan Akaun Amanah Awam yang telah memenuhi syarat tidak direalisasi sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Perbandaran Taiping. Majlis Perbandaran Taiping juga tidak mengiktiraf belanja operasi yang dibiayai melalui peruntukan geran dan akaun amanah awam semasa pembayaran dibuat sebaliknya hanya merekodkan sebagai aliran keluar Akaun Geran Tertunda dan Akaun Amanah Awam. Ketinggalan perekodan ini menyebabkan hasil dan belanja Majlis Perbandaran Taiping tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan.
10.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	a. Rumah Kelab di Padang Golf Tidak Diakaunkan Menyebabkan Aset Hartanah Pelaburan Terkurang Nyata Sejumlah RM1.65 Juta Berdasarkan Laporan Kedudukan Aset Tetap Majlis Perbandaran Teluk Intan, terdapat sebidang tanah di Mukim Sungai Durian yang diberi pemilikan sementara kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan dengan syarat nyata bagi kegunaan padang golf dan rumah kelab. Berdasarkan lawatan fizikal, terdapat sebuah rumah kelab di atas tanah tersebut. Bagaimanapun, rumah kelab tersebut tidak diakaunkan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Teluk Intan. Pada tahun 2019, rumah kelab ini telah diinsuranskan pada nilai semasa sejumlah RM1.65 juta. Perkara ini telah menyebabkan hartanah pelaburan serta hasil Majlis Perbandaran Teluk Intan telah terkurang nyata dalam penyata kewangan. Emphasis of Matter: a. Perbelanjaan Operasi yang Dibiayai Melalui Peruntukan Geran Kerajaan dan Akaun Amanah Awam Tidak Direalisasi Sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Belanja MPSAS 23 menetapkan geran yang telah memenuhi syarat hendaklah direalisasi sebagai urus niaga bukan pertukaran. Geran dan Akaun Amanah Awam yang telah memenuhi syarat tidak direalisasi sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Perbandaran Teluk Intan. Majlis Perbandaran Teluk Intan juga tidak mengiktiraf belanja operasi yang dibiayai melalui peruntukan geran dan akaun amanah awam semasa pembayaran dibuat sebaliknya hanya merekodkan sebagai aliran keluar Akaun Geran Tertunda dan Akaun Amanah Awam. Ketinggalan perekodan ini menyebabkan hasil dan belanja Majlis Perbandaran Teluk Intan tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan.
11.	Majlis Daerah Batu Gajah	a. Aset Infrastruktur Tahun 1970 Hingga 2016 Diiktiraf Dalam Tahun Semasa Menyebabkan Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran Terlebih Nyata Sejumlah RM20.70 Juta Berdasarkan Daftar Aset Infrastruktur Majlis Daerah Batu Gajah, terdapat penambahan dalam tahun semasa sejumlah RM46.00 juta. Sebanyak 55 sampel jalan bandaran yang berjumlah RM20.70 juta telah dibuat semakan ke atas tahun berdaftar di Jabatan Kejuruteraan dan wujud perbezaan pada tahun-tahun berdaftar di mana tahun bina jalan tersebut adalah dari tahun 1970 hingga 2016. Pengiktirafan ini menyebabkan hasil Majlis Daerah Batu Gajah tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan. b. Aset Infrastruktur Tahun 2018 Diiktiraf Dalam Tahun Semasa Menyebabkan Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran Terlebih Nyata Sejumlah RM2.18 Juta Penambahan aset infrastruktur bagi tahun 2018 sejumlah RM2.18 juta telah diiktiraf sebagai Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran tahun semasa dan bukan dilaras secara retrospektif ke akaun Lebihan Terkumpul Majlis Daerah Batu Gajah. Bagaimanapun, amaun aset infrastruktur yang telah diiktiraf adalah berbeza dengan tambahan dalam tahun seperti di Nota 9 yang berjumlah RM0.59 juta. Kesilapan perekodan ini menyebabkan hasil Majlis Daerah Batu Gajah tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan. c. Susut Nilai Aset Infrastruktur Tahun 2018 Diiktiraf Dalam Tahun Semasa Menyebabkan Belanja Terlebih Nyata Sejumlah RM4.20 Juta

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGGAN EOM/HAL-HAL LAIN
		Susut nilai aset infrastruktur bagi tahun 2018 sejumlah RM4.20 juta telah diiktiraf sebagai Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain tahun semasa dan bukan dilaraskan secara retrospektif ke akaun Lebihan Terkumpul Majlis Daerah Batu Gajah. Kesilapan perekodan ini menyebabkan belanja Majlis Daerah Batu Gajah tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan. Emphasis of Matter: a. Perbelanjaan Operasi yang Dibiayai Melalui Peruntukan Geran Kerajaan dan Akaun Amanah Awam Tidak Direalisasi Sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Belanja MPSAS 23 menetapkan geran yang telah memenuhi syarat hendaklah direalisasi sebagai urus niaga bukan pertukaran. Geran dan Akaun Amanah Awam yang telah memenuhi syarat tidak direalisasi sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Daerah Batu Gajah. Majlis Daerah Batu Gajah juga tidak mengiktiraf belanja operasi yang dibiayai melalui peruntukan geran dan akaun amanah awam semasa pembayaran dibuat sebaliknya hanya merekodkan sebagai aliran keluar Akaun Geran Tertunda dan Akaun Amanah Awam. Ketinggalan perekodan ini menyebabkan hasil dan belanja Majlis Daerah Batu Gajah tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan. b. Peruntukan Hutang Ragu Terhadap Penghutang Sumbangan Membantu Kadar Tidak Diiktiraf Dalam Penyata Kewangan Mesyuarat Penuh Majlis Daerah Batu Gajah Bil. 12 Tahun 2019 pada 12 Disember 2019 telah meluluskan dasar perakaunan baru di mana penghutang Sumbangan Membantu Kadar yang melebihi 10 tahun dibuat peruntukan hutang ragu. Majlis Daerah Batu Gajah tidak mengiktiraf peruntukan hutang ragu bagi penghutang Sumbangan Membantu Kadar dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.
12.	Majlis Daerah Perak Tengah	a. Tiada Pemilikan Inventori Rumah Kos Rendah Desa Seri Berjumlah RM3.43 Juta Sebanyak 129 lot Rumah Kos Rendah Desa Seri berjumlah RM3.43 juta telah diakaunkan sebagai inventori Majlis Daerah Perak Tengah. Hak milik bagi lot tersebut telah didaftarkan atas nama pembeli setelah bayaran deposit diterima. Bagaimanapun, pembeli tidak membuat bayaran ansuran sepenuhnya sehingga tamat tempoh perjanjian jual beli. Emphasis of Matter: a. Perbelanjaan Operasi yang Dibiayai Melalui Peruntukan Geran Kerajaan dan Akaun Amanah Awam Tidak Direalisasi Sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Belanja MPSAS 23 menetapkan geran yang telah memenuhi syarat hendaklah direalisasi sebagai urus niaga bukan pertukaran. Geran dan Akaun Amanah Awam yang telah memenuhi syarat tidak direalisasi sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Daerah Perak Tengah. Majlis Daerah Perak Tengah juga tidak mengiktiraf belanja operasi yang dibiayai melalui peruntukan geran dan akaun amanah awam semasa pembayaran dibuat sebaliknya hanya merekodkan sebagai aliran keluar Akaun Geran Tertunda dan Akaun Amanah Awam. Ketinggalan perekodan ini menyebabkan hasil dan belanja Majlis Daerah Perak Tengah tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan.
13.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	a. Tujuh Bidang Tanah Milik Majlis Daerah Pengkalan Hulu Tidak Diiktiraf Menyebabkan Aset Terkurang Nyata Sejumlah RM2.12 Juta Sejumlah tujuh bidang tanah milik yang diterima daripada Kerajaan Negeri dari tahun 2013 hingga 2015 tidak diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan Majlis Daerah Pengkalan Hulu walaupun bayaran cukai tanah telah dibuat dalam tahun 2019. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Taiping bertarikh 2 September 2020, nilai semasa tanah tersebut adalah sejumlah RM2.12 juta. b. Peruntukan Hutang Ragu Terlebih Nyata Sejumlah RM253,155 Pada tahun 2019, Majlis Daerah Pengkalan Hulu telah mengiktiraf tambahan amaun belanja hutang ragu sejumlah RM30,965. Pengiktirafan ini menjadikan baki peruntukan hutang ragu pada 31 Disember 2019 adalah sejumlah RM284,120. Bagaimanapun, analisis pengumuran penghutang cukai taksiran am dan penghutang sewaan Majlis Daerah Pengkalan Hulu menunjukkan baki peruntukan hutang ragu pada 31 Disember 2019 adalah sejumlah RM30,965. Kesilapan pengiktirafan ini menyebabkan peruntukan hutang ragu terlebih nyata sejumlah RM253,155.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN, BERTEGURAN DENGAN PERENGKAN EOM/HAL-HAL LAIN
		c. Pengiktirafan Aset Infrastruktur Tidak Diakaunkan Dengan Tepat Sejumlah RM4.58 Juta Berdasarkan Imbangan Duga Majlis Daerah Pengkalan Hulu, baki aset infrastruktur sejumlah RM4.58 juta masih direkodkan sebagai Pemberian Kerajaan Dipermodalkan Aset Infrastruktur. Amaun ini merupakan amaun pengiktirafan aset infrastruktur tahun 2018 yang sepatutnya diiktiraf secara retrospektif ke Akaun Kumpulan Wang Terkumpul Majlis Daerah Pengkalan Hulu. Emphasis of Matter: a. Perbelanjaan Operasi yang Dibiayai Melalui Peruntukan Geran Kerajaan dan Akaun Amanah Awam Tidak Direalisasi Sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Belanja MPSAS 23 menetapkan geran yang telah memenuhi syarat hendaklah direalisasi sebagai urus niaga bukan pertukaran. Geran dan Akaun Amanah Awam yang telah memenuhi syarat tidak direalisasi sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Daerah Pengkalan Hulu. Majlis Daerah Pengkalan Hulu juga tidak mengiktiraf belanja operasi yang dibiayai melalui peruntukan geran dan akaun amanah awam semasa pembayaran dibuat sebaliknya hanya merekodkan sebagai aliran keluar Akaun Geran Tertunda dan Akaun Amanah Awam. Ketinggalan perekodan ini menyebabkan hasil dan belanja Majlis Daerah Pengkalan Hulu tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan.
14.	Majlis Daerah Lenggong	a. Aset Dalam Pembinaan Telah Dipermodalkan Sebagai Hartanah Pelaburan Sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja Dikeluarkan Berjumlah RM367,730 Sejumlah RM367,730 merupakan penambahan dalam Hartanah Pelaburan Majlis Daerah Lenggong iaitu Gerai Perniagaan RPA Kota Tampan sejumlah RM147,730 dan kerja menaik taraf Dewan Merdeka Lenggong sejumlah RM220,000. Bagaimanapun, Sijil Perakuan Siap Kerja bagi Gerai Perniagaan RPA Kota Tampan telah dikeluarkan pada 27 Januari 2020 manakala Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap bagi kerja menaik taraf Dewan Merdeka Lenggong telah dikeluarkan pada 26 Januari 2020. Pengiktirafan ini menyebabkan Hartanah Pelaburan dan Aset Dalam Pembinaan Majlis tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan. Emphasis of Matter: a. Perbelanjaan Operasi yang Dibiayai Melalui Peruntukan Geran Kerajaan dan Akaun Amanah Awam Tidak Direalisasi Sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Belanja MPSAS 23 menetapkan geran yang telah memenuhi syarat hendaklah direalisasi sebagai urus niaga bukan pertukaran. Geran dan Akaun Amanah Awam yang telah memenuhi syarat tidak direalisasi sebagai Urus Niaga Bukan Pertukaran Majlis Daerah Lenggong. Majlis Daerah Lenggong juga tidak mengiktiraf belanja operasi yang dibiayai melalui peruntukan geran dan akaun amanah awam semasa pembayaran dibuat sebaliknya hanya merekodkan sebagai aliran keluar Akaun Geran Tertunda dan Akaun Amanah Awam. Ketinggalan perekodan ini menyebabkan hasil dan belanja Majlis Daerah Lenggong tidak dilaporkan dengan benar dan saksama dalam penyata kewangan.
MAJLIS AGAMA ISLAM		
15.	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	a. Dana Zakat dan Kumpulan Wang Amanah Diakaunkan Sebagai Ekuiti Sejumlah RM151.64 Juta Nota 17 kepada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan terdiri daripada dana Zakat sejumlah RM143.23 juta dan Wang Amanah sejumlah RM13.76 juta yang diiktiraf sebagai Ekuiti. Wang Amanah adalah terdiri daripada 25 Akaun amanah termasuk 16 Akaun Amanah berjumlah RM8.41 juta yang merupakan sumber luar yang tidak diiktiraf sebagai Liabiliti. Ini menyebabkan Kumpulan Wang Baitulmal Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan di Ekuiti telah terlebih nyata dan Liabiliti telah berkurang nyata sejumlah RM151.64 juta bagi Dana Zakat dan 16 Akaun Amanah.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Agensi Negeri Tahun 2019

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak lapan penyata kewangan BBN perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Dua penyata kewangan tahun 2017, dua penyata kewangan tahun 2018 dan 19 penyata kewangan tahun 2019 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak. **Satu penyata kewangan tahun 2017 yang masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah Perbadanan Taman Negeri Perak. Dua penyata kewangan tahun 2018 yang masih belum dibentangkan adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak; dan Perbadanan Taman Negeri Perak. Empat penyata kewangan tahun 2019 yang masih belum dibentangkan pula adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak; Lembaga Muzium Negeri Perak; Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak; serta Perbadanan Taman Negeri Perak.** Penyata kewangan yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIBENTANGKAN
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2021

DAFTAR DEWAN UNDANGAN NEGERI SETERAJU SI 0803 2021		
BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DUN
PENYATA KEWANGAN 2017		
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	04.12.2020
2.	Lembaga Air Perak	26.08.2021
PENYATA KEWANGAN 2018		
1.	Yayasan Perak	27.10.2020
2.	Lembaga Air Perak	26.08.2021
PENYATA KEWANGAN 2019		
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	04.12.2020
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	26.08.2021
3.	Yayasan Perak	
4.	Lembaga Air Perak	
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	26.08.2021
2.	Mailis Perbandaran Taiping	

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DUN
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	26.08.2021
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	
5.	Majlis Perbandaran Manjung	
6.	Majlis Daerah Perak Tengah	
7.	Majlis Daerah Batu Gajah	
8.	Majlis Daerah Kampar	
9.	Majlis Daerah Kerian	
10.	Majlis Daerah Tanjong Malim	
11.	Majlis Daerah Tapah	
12.	Majlis Daerah Selama	
13.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	
14.	Majlis Daerah Gerik	
15.	Majlis Daerah Lenggong	

Sumber: Dokumen Dewan Negeri pada 4 Disember 2020 dan 26 Ogos 2021

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti. Pada tahun 2021, negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Keadaan ini telah menjejaskan proses pengesahan penyata kewangan tahun 2020 bagi agensi negeri berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Agensi negeri juga telah diluluskan pelanjutan tempoh oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit sehingga 31 Ogos 2021. Setakat 31 Ogos 2021, hanya satu penyata kewangan agensi telah disahkan daripada 25 penyata kewangan yang telah diterima daripada agensi manakala tiga penyata kewangan lagi masih belum diterima. Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini.

8. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, 29 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah disahkan. Sebanyak empat penyata kewangan agensi tahun 2019 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, sepuluh Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan EOM, tujuh Pendapat Berteguran, tujuh Pendapat Berteguran dengan perenggan EOM dan satu Pendapat Berteguran dengan perenggan Hal-Hal Lain. Bagi penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, setakat 31 Ogos 2021, hanya satu penyata kewangan telah disahkan, iaitu bagi Majlis Sukan Negeri Perak yang diberikan Sijil Audit dengan Pendapat

Tanpa Teguran. Sebanyak 24 penyata kewangan tahun 2020 masih belum dimuktamadkan dan tiga penyata kewangan masih belum dikemukakan oleh agensi.

9. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Pejabat Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

9.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan;

9.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan

9.3. pemantauan yang berterusan dan efektif di semua peringkat dapat memastikan penyediaan penyata kewangan agensi negeri tepat dan saksama.



BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap kementerian, jabatan dan agensi.
- Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap tiga subjek pengauditan melibatkan jabatan/agensi seperti berikut:
 - Perolehan Sebut Harga di Jabatan Pengairan dan Saliran Hilir Perak;
 - Penggunaan Dana Program Sayangi Rumahku Tahun 2020 Yayasan Perak; dan
 - Agihan Zakat Kepada Asnaf oleh Majlis Agama Islam dan `Adat Melayu Perak

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Apa yang ditemui Audit?

- **Perolehan Sebut Harga di Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hilir Perak**
 - pemilihan syarikat yang diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga menyebabkan kerugian sejumlah RM37,490; dan
 - bayaran sejumlah RM77,957 berdasarkan dokumen yang tidak tepat.
- **Penggunaan Dana Program Sayangi Rumahku di Yayasan Perak**
 - perbezaan amaun antara inden kerja dengan senarai kuantiti menyebabkan lebih bayaran sejumlah RM12,269;
 - lebih bayaran sejumlah RM30,093 bagi kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor;

- bayaran sejumlah RM11,950 bagi kerja baik pulih yang tidak dilaksanakan;
 - lebihan bayaran sejumlah RM15,566 bagi kerja yang tidak mengikut spesifikasi; dan
 - caj ganti rugi tertentu tidak dikenakan sejumlah RM6,215 terhadap kontraktor bagi kerja bina baru rumah.
- **Agihan Zakat Kepada Asnaf oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**
 - agihan zakat sejumlah RM77,850 tidak dapat disahkan diterima oleh asnaf;
 - penerima bantuan sugu hati raya sejumlah RM24,600 tidak dapat disahkan;
 - penerima bantuan sugu hati raya terkurang bayar sejumlah RM3,450; dan
 - agihan zakat berjumlah RM14,300 kepada asnaf yang telah meninggal dunia.

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENGENALAN

1.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

1.2. Pada tahun 2021, sebanyak tiga pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap satu jabatan dan dua agensi negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2020

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Perolehan Sebut Harga	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hilir Perak
2.	Penggunaan Dana Program Sayangi Rumahku	Yayasan Perak
3.	Agihan Zakat Kepada Asnaf	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENGAUDITAN PEMATUHAN

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH HILIR PERAK

- **PEROLEHAN SEBUT HARGA**

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH HILIR PERAK

1. PEROLEHAN SEBUT HARGA

FAKTA UTAMA

PEROLEHAN SEBUT HARGA JANUARI – DISEMBER 2020

Sebut Harga

58 Sebut Harga Tahun 2020
berjumlah RM5.34 Juta

Sampel Audit:
28 Sebut Harga berjumlah
RM4.08 Juta

**Jabatan Pengairan
dan Saliran Daerah
Hilir Perak**

Menyediakan perkhidmatan kepakaran kejuruteraan dan
pengurusan sumber air di daerah Hilir Perak

**Undang-Undang
Berkuat Kuasa**

Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling
JPS dan undang-undang berkaitan

Pegawai Pengawal

Jurutera Daerah

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Hilir Perak bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kepakaran kejuruteraan dan pengurusan sumber air merangkumi lembangan sungai, zon pantai serta pengurusan banjir dan kemarau secara bersepadu di daerah Hilir Perak. Perkhidmatan tersebut bertujuan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan memastikan sekuriti air dan kelestarian alam sekitar.

1.2. Pada tahun 2020, sebanyak 58 perolehan sebut harga bernilai RM5.34 juta dilaksanakan di JPS Hilir Perak. Perolehan sebut harga di JPS Hilir Perak diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) peringkat JPS Negeri Perak. JPS Hilir Perak hanya bertanggungjawab dalam proses pembukaan hingga penilaian sebut harga sahaja.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada perolehan sebut harga dan pembayaran dilaksanakan dengan teratur mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ditumpukan kepada perolehan sebut harga di JPS Hilir Perak bagi bulan Januari hingga Disember 2020 meliputi tatacara perolehan dan prosedur pembayaran.

3.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 28 sampel (48.3%) daripada 58 sebut harga tahun 2020. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SAMPEL SEBUT HARGA BERBANDING POPULASI

POPULASI SEBUT HARGA		SAMPEL SEBUT HARGA		PERATUS PERSAMPELAN (%)
BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	
58	5.34	28	4.08	48.3

Sumber: Daftar Perolehan JPS Negeri Perak

3.3. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan dengan perolehan dan pembayaran sebut harga. Selain itu, temu bual dengan pegawai berkaitan turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada semakan yang telah dijalankan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2020 hingga Februari 2021. Maklum balas oleh JPS Hilir Perak telah diterima pada 25 Jun dan 15 Julai 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 8 Julai 2021. Penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan 4.1. dan 4.2. berikut:

4.1. Pemilihan Syarikat yang Diperakukan oleh JKSH Menyebabkan Kerugian Sejumlah RM37,490

4.1.1. Surat Pekeliling JPS Bilangan 7 Tahun 2017 berkaitan garis panduan perolehan kerja bernilai sehingga RM500,000 menetapkan perkara berikut:

- i. Para 13.1 menjelaskan sebut harga yang diterima hendaklah dikaji dan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (JPSH) sebelum syor dibuat kepada JKSH. Sebut harga yang paling menguntungkan Kerajaan hendaklah disyorkan dengan mengambil kira dari segi harga, menepati penentuan dan boleh menyiapkan kerja dalam jangka waktu yang dikehendaki.

- ii. Para 13.7 menetapkan penilaian dan perakuan adalah tertakluk kepada kaedah penilaian harga secara *cut-off*. Penilaian hendaklah dibuat sekurang-kurangnya ke atas lima penyebut harga yang menawarkan harga dalam lingkungan (-)10% hingga (+)5% daripada *adjusted mean* kerja pembina. Sekiranya terdapat lebih daripada satu penyebut harga yang lulus semua peringkat penilaian, keutamaan pengesyoran untuk diperakukan kepada JKSH adalah kepada penyebutharga yang menawarkan harga yang munasabah.
- iii. Para 13.9 menetapkan penilaian sebut harga perlu menghasilkan sekurang-kurangnya tiga penyebut harga yang layak untuk disyorkan bagi pertimbangan JKSH.
- iv. Para 13.12 menetapkan urus setia adalah bertanggungjawab untuk mengatur mesyuarat dan memastikan dokumen Laporan Penilaian Sebut Harga adalah mencukupi bagi tujuan dibentangkan dalam mesyuarat JKSH.
- v. Para 15.4 menetapkan JKSH hendaklah menimbang sebut harga dan memilih sebut harga yang paling menguntungkan Kerajaan.
- vi. Para 15.7 menetapkan semua keputusan JKSH hendaklah dicatatkan dalam minit dan ditandatangani oleh pengerusi dan ahli JKSH. Asas-asas pemilihan dan penolakan sebut harga hendaklah dicatatkan dengan jelas.

4.1.2. Semakan Audit mendapati 13 syarikat yang disyorkan oleh JPSH tidak dipilih oleh JKSH. Semakan selanjutnya mendapati **harga tawaran bagi 13 syarikat yang disyorkan oleh JPSH adalah kurang sejumlah RM37,490 berbanding syarikat yang diluluskan oleh JKSH.** Pengesyoran oleh JPSH adalah berdasarkan harga layak, harga terendah dan prestasi baik syarikat berkaitan. **Pihak Audit mendapati JKSH tidak menyatakan asas penolakan syarikat yang disyorkan JPSH seperti yang ditetapkan oleh peraturan.** Asas pemilihan JKSH adalah berdasarkan syarikat menawarkan harga yang munasabah.

4.1.3. **Pemilihan syarikat yang diluluskan oleh JKSH berbeza dengan syarikat yang disyorkan oleh JPSH** antaranya **disebabkan JPSH hanya mengesyorkan satu penyebut harga sahaja berbanding sekurang-kurangnya tiga penyebut harga** seperti yang ditetapkan dalam peraturan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati semasa penilaian secara *cut-off* JPSH telah menyenarai pendek enam hingga 10 penyebut harga yang layak dan

senarai pendek penilaian tersebut dikemukakan di mesyuarat JKSH. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEPUTUSAN JAWATANKUASA SEBUT HARGA
BERBANDING SYOR JAWATANKUASA PENILAIAN SEBUT HARGA

BIL.	NOMBOR SEBUT HARGA	BIL. SEBUT HARGA	SEBUT HARGA						PENGURANGAN HARGA TAWARAN SYARIKAT YANG DISYORKAN DENGAN SYARIKAT YANG DILULUSKAN (RM) (c)=(a)-(b)
			JAWATANKUASA PENILAIAN SEBUT HARGA (KAEDAH PENILAIAN <i>CUT-OFF</i>)				JAWATANKUASA SEBUT HARGA		
			BIL. SEBUT HARGA DISENARAI PENDEK SECARA <i>CUT-OFF</i>	SYARIKAT DISYORKAN	HARGA TAWARAN SYARIKAT YANG DISYORKAN (RM) (a)	SEBAB DISYORKAN	SYARIKAT YANG DILULUSKAN	HARGA TAWARAN SYARIKAT YANG DIPILIH (RM) (b)	
1.	JPS/HP/SP/N/62/2020	59	10	IP0528257-A	145,400	Harga layak dan prestasi baik	IP0181269-P	160,500	15,100
2.	JPS/HP/SG/N/40/2020	6	6	IP0194170-M	483,945	Mempunyai prestasi baik dan menawarkan harga terendah	IP0116785-K	496,265	12,320
3.	JPS/HP/P/N/33/2020	73	10	IP0527343-X	113,300	Harga layak dan prestasi baik	IP0192988-W	116,920	3,620
4.	JPS/HP/P/N/38/2020	96	10	IP0069743-K	78,002		IP0152432-V	79,001	999
5.	JPS/HP/P/N/28/2020	33	10	IP0181104-K	49,003		IP0131060-W	49,994	991
6.	JPS/HP/P/N/31/2020	33	10	IP0211115-H	49,004		IP0157715-A	49,992	988
7.	JPS/HP/SP/N/13/2020	34	10	IP0122239-H	63,004		IP0158474-D	63,746	742
8.	JPS/HP/SG/P/88/2020	101	10	IP0152432-V	186,000		IP0176577-X	186,660	660
9.	JPS/HP/SP/N/35/2020	83	10	IP0191227-K	42,002		IP0059127-T	42,535	533
10.	JPS/HP/SP/N/07/2020	44	10	IP0122239-H	37,004		001172678-K	37,520	516
11.	JPS/HP/SP/N/14/2020	34	10	IP0135373-D	60,003		IP0173224-H	60,488	485
12.	JPS/HP/SP/N/16/2020	35	10	IP0144166-U	40,008		AC0012476-P	40,329	321
13.	JPS/HP/P/N/36/2020	94	10	IP0157715-A	164,005		IP0532863-H	164,220	215
JUMLAH					1,510,680			1,548,170	37,490

Sumber: Arahan Pembayaran Pembangunan dan Fail Projek Sebut Harga JPS Daerah Hilir Perak Tahun 2020

4.1.4. Semakan Audit juga mendapati **10 daripada 13** minit mesyuarat **JKSH yang disediakan oleh urus setia tersalah catat nama penyebut harga yang disyorkan oleh JPSH**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SYARIKAT YANG DISYORKAN OLEH JPISH BERBEZA DALAM MINIT MESYUARAT JKSH

BIL.	NOMBOR SEBUT HARGA	SYARIKAT YANG DISYORKAN JPISH DALAM KERTAS PERAKUAN	AMAUN (RM)	SYARIKAT YANG DISYORKAN JPISH YANG DICATATKAN DALAM MINIT MESYUARAT JKSH	AMAUN (RM)
1.	JPS/HP/P/N/35/2020	IP0191227-K	42,002	IP0059127-T	42,535
2.	JPS/HP/SG/N/40/2020	IP0194170-M	483,945	IP0116785-K	496,265
3.	JPS/HP/P/N/28/2020	IP0181104-K	49,003	IP0131060-W	49,994
4.	JPS/HP/P/N/33/2020	IP0527343-X	113,300	IP0192988-W	116,920
5.	JPS/HP/P/N/36/2020	IP0157715-A	164,005	IP0532863-H	164,220
6.	JPS/HP/SP/N/14/2020	IP0135373-D	60,003	IP0173224-H	60,488
7.	JPS/HP/SP/N/13/2020	IP0122239-H	63,004	IP0158474-D	63,746
8.	JPS/HP/SP/N/07/2020	IP0122239-H	37,004	001172678-K	37,520
9.	JPS/HP/P/N/31/2020	IP0211115-H	49,004	IP0157715-A	49,992
10.	JPS/HP/SP/N/16/2020	IP0144166-U	40,008	AC0012476-P	40,329
JUMLAH			1,101,278		1,122,009

Sumber: Arahan Pembayaran Pembangunan dan Fail Projek Sebut Harga JPS Daerah Hilir Perak Tahun 2020

Maklum Balas JPS Hilir Perak yang Diterima pada 25 Jun, 15 Julai dan 18 November 2021

Pihak JPS memaklumkan penilaian oleh JKSH telah dibuat terhadap 10 kontraktor yang telah disenarai pendek melalui proses penilaian secara *cut-off* (-10% hingga 5% daripada harga purata kontrak). Namun, perkara ini tidak diminitkan dan tidak jelas dinyatakan di Laporan Penilaian Sebut Harga JPISH.

Penambahbaikan akan dibuat terhadap borang pengesyoran mengikut pekeliling JPS iaitu mempunyai sekurang-kurangnya tiga penyebut harga dan diselaraskan di semua daerah.

Pihak JPS juga memaklumkan bahawa mesyuarat JKSH membincangkan dengan lebih terperinci dan pelbagai faktor luaran berkenaan pemberian tawaran sebut harga kepada kontraktor. Faktor-faktor yang diambil kira di dalam pemilihan JKSH adalah seperti berikut:

- Memberi peluang kepada syarikat yang belum pernah mendapat kerja dan pengalaman kerja yang dimiliki oleh syarikat berkenaan.
- Prestasi kerja syarikat berkaitan. Mesyuarat JKSH juga membincangkan dengan lebih terperinci dan pelbagai faktor luaran berkenaan pemberian tawaran sebut harga kepada kontraktor.

- c. Kontrak yang pernah diberi kepada kontraktor dan kemampuan kontraktor bagi menjalankan kerja sebut harga, reputasi serta komunikasi pihak kontraktor dengan orang awam dan pihak berkuasa.
- d. Faktor keadilan dan kemanusiaan juga perlu dipertimbangkan bagi membantu komuniti dan rakyat.

JKSH membuat keputusan berlandaskan garis panduan sistem *cut-off*. Tiada syarikat yang ditawarkan kerja berada di luar lingkungan *cut-off*. Keputusan menawarkan kerja kepada syarikat adalah mengikut budi bicara JKSH bagi mengelakkan salah guna kuasa di peringkat daerah.

Berdasarkan kesemua faktor tersebut, hanya perkataan munasabah digunakan. Munasabah bermaksud harga berada di dalam lingkungan *cut-off* dan juga harga berkenaan kurang dari anggaran jabatan. Ini tidak merugikan Kerajaan kerana harga berkenaan kurang dari anggaran jabatan dan kerja siap dengan memuaskan, menepati spesifikasi, mencapai objektif dan memberi manfaat kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, keputusan JKSH yang dibuat masih tertakluk kepada kontraktor yang telah disenarai pendek dalam julat *cut-off*.

Bagi penyediaan minit Mesyuarat JKSH, pihak JPS mengakui keputusan yang diminitkan telah tersalah catat oleh pihak urus setia menyebabkan berlakunya perbezaan di antara Syor Kertas Perakuan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan perakuan dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga.

Pernyataan Audit | Syarikat yang diluluskan oleh JKSH berbeza daripada yang disyorkan oleh JPSH menyebabkan kerugian berjumlah RM37,490.

4.2. Bayaran Sejumlah RM77,957 Berdasarkan Dokumen Yang Tidak Tepat

4.2.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 102 (a)(iv) menetapkan Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa untuk memperakukan baucar bayaran bertanggungjawab untuk menentukan setiap butiran yang dinyatakan adalah betul dan tepat. Pegawai yang memperakui arahan pembayaran adalah bertanggungjawab untuk memastikan penghitungan dan pengiraan adalah betul.

4.2.2. Semakan Audit terhadap arahan pembayaran berjumlah RM141,040 bagi **Kerja Membina Jambatan (MTB) di Parit 17A serta Kerja-kerja Berkaitan Bagi Mengawal Banjir Mukim Sungai Manik, Daerah Hilir Perak** mendapati perbezaan sejumlah RM77,957 di antara harga kontrak kerja dan senarai kuantiti. Ini disebabkan pengiraan yang tidak tepat bagi tujuh item dalam Senarai Kuantiti yang dikepilkan di arahan pembayaran. Berdasarkan pengiraan Audit, nilai item di Senarai Kuantiti sebenar hanya berjumlah RM63,082 bukan RM141,040. Pihak JPS memaklumkan terdapat senarai kuantiti *rationalized* disediakan berjumlah RM141,040 tetapi bayaran dibuat berdasarkan Senarai Kuantiti asal yang tidak tepat. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PERBEZAAN AMAUN BAYARAN DENGAN PENGIRAAN AUDIT DI SENARAI KUANTITI

BIL.	ARAHAN PEMBAYARAN			SENARAI KUANTITI		
	NOMBOR/ TARIKH	PERIHAL	AMAUN (RM)	AMAUN (RM)	PENGIRAAN AUDIT* (RM)	PERBEZAAN (RM)
1.	20IFBB0400 757/ 17.06.2020	Kerja Membina Jambatan (MTB) di Parit 17A serta Kerja-Kerja Berkaitan Bagi Mengawal Banjir Mukim Sungai Manik, Daerah Hilir Perak. (JPS/HP/TB/N/39/ 2020)	141,040	141,040	63,083	77,957

Sumber: Arahan Pembayaran Pembangunan dan Fail Projek Sebut Harga JPS Daerah Hilir Perak Tahun 2020

Nota (*) – Pengiraan Audit adalah berdasarkan setiap butiran Unit, Kuantiti dan Kadar Harga di Senarai Kuantiti

Maklum Balas JPS Hilir Perak yang Diterima pada 25 Jun dan 15 Julai 2021

Pihak JPS memaklumkan ketika penyediaan arahan pembayaran, Senarai Kuantiti (BQ) yang dilampirkan bersekali adalah BQ asal dan bukan BQ yang telah *rationalized*. Ini berlaku kerana terdapat beberapa fail yang diselenggarakan dan telah berlaku kesilapan ketika pemilihan dokumen sokongan sebagai lampiran bagi arahan pembayaran.

Pernyataan | Perbezaan harga kontrak dengan senarai kuantiti menyebabkan Audit | pembayaran yang tidak tepat sejumlah RM77,957.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan, dirumuskan perolehan sebut harga di JPS Daerah Hilir Perak pada tahun 2020 dalam aspek perolehan dan pembayaran adalah kurang teratur. Terdapat kelemahan dalam aspek perakuan oleh JPSH, pemilihan penyebut harga oleh JKSH berbeza daripada perakuan JPSH tanpa menyatakan asas penolakan dan bayaran berdasarkan dokumen yang tidak tepat.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan JPS mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- 6.1. memastikan peraturan terhadap tatacara perolehan sebut harga dipatuhi sepenuhnya bagi memastikan ketelusan dalam proses perolehan; dan
- 6.2. memastikan pengiraan dalam senarai kuantiti adalah tepat dan betul bagi mengelakkan kesilapan bayaran kepada kontraktor dan kerugian kepada Kerajaan.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

YAYASAN PERAK

- **PENGGUNAAN DANA PROGRAM SAYANGI RUMAHKU**

FAKTA UTAMA

PENGGUNAAN DANA PROGRAM SAYANGI RUMAHKU JANUARI – DISEMBER 2020		
Baik Pulih Rumah	Bina Baru Rumah	Program Sayangi Rumahku
130 Unit Rumah RM1.41 Juta	26 Unit Rumah RM1.16 Juta	<u>Sampel Audit:</u> Baik Pulih: 52 Unit Rumah RM0.66 Juta Bina Baru: 12 Unit Rumah RM0.53 Juta
Program Sayangi Rumahku	Program bantuan tanpa bayaran balik bagi membaik pulih atau membina baru rumah yang disasarkan kepada golongan miskin dan miskin tegar di negeri Perak	
Undang-Undang Berkuat Kuasa	Enakmen Yayasan Perak Bil. 2 Tahun 1979 dan undang-undang berkaitan	
Pegawai Pengawal	Pengurus Besar	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Yayasan Perak (YP) ditubuhkan melalui Enakmen Yayasan Perak Bilangan 2 Tahun 1979 untuk memaju dan memperbaiki peluang pendidikan rakyat negeri Perak dalam mana-mana institut pengajian tinggi di dalam atau luar negara. YP juga bertanggungjawab memaju dan menggalakkan pertumbuhan aktiviti perindustrian, kewangan serta komersial orang Melayu dan Bumiputera rakyat negeri Perak.

1.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) melalui Mesyuarat Bilangan 1948 bertarikh 5 September 2018 memutuskan Program Sayangi Rumahku yang pada asalnya dilaksanakan oleh Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) diserahkan kepada YP mulai tahun 2018. Program Sayangi Rumahku merupakan program bantuan tanpa bayaran balik bagi membaik pulih atau membina baru rumah yang disasarkan kepada golongan miskin dan miskin tegar di negeri Perak. Program bantuan baik pulih rumah diberi kepada pemohon yang mempunyai rumah yang masih ekonomik untuk dibaiki. Skop bantuan hanya melibatkan komponen asas rumah seperti bumbung, dinding dan pendawaian elektrik. Program bantuan bina baru rumah pula diberi kepada pemohon yang tidak memiliki rumah atau mendiami rumah yang terlalu usang, tidak selamat untuk diduduki dan tidak ekonomik untuk dibaik pulih.

1.3. Pada tahun 2020, YP telah menerima peruntukan sejumlah RM2.59 juta dari Kerajaan Negeri Perak melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi melaksanakan Program Sayangi Rumahku. Perincian peruntukan dan perbelanjaan Program Sayangi Rumahku bagi tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM SAYANGI RUMAHKU TAHUN 2020

BIL.	JENIS BANTUAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BILANGAN PROJEK
1.	Baik Pulih Rumah	2.59	1.41	130
2.	Bina Baru Rumah		1.16	26
		2.59	2.57	156

Sumber: Laporan Peruntukan Yayasan Perak Tahun 2020

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada dana Program Sayangi Rumahku digunakan secara teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan Program Sayangi Rumahku meliputi tempoh bulan Januari hingga Disember 2020 di Bahagian Pembangunan Sosial dan Kewangan YP.

3.2. Sampel Audit meliputi 64 kerja baik pulih rumah dan bina baru rumah bagi tahun 2020 berjumlah RM1.19 juta. Sampel tersebut merangkumi 46.3% daripada jumlah perbelanjaan tahun 2020 iaitu RM2.57 juta. Sampel terdiri daripada 52 kerja baik pulih rumah berjumlah RM0.66 juta (46.8%) dan 12 kerja bina baru rumah berjumlah RM0.53 juta (45.7%). Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SAMPEL KERJA BERBANDING POPULASI

KERJA	POPULASI KERJA		SAMPEL KERJA		PERATUS SAMPEL (%)
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	
Baik Pulih Rumah	130	1.41	52	0.66	46.8
Bina Baru Rumah	26	1.16	12	0.53	45.7
JUMLAH	156	2.57	64	1.19	46.3

Sumber: Laporan Peruntukan Yayasan Perak Tahun 2020

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan dengan pengurusan dana Program Sayangi Rumahku. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai berkaitan dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada proses semakan yang telah dijalankan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Januari hingga April 2021. Maklum balas telah diterima pada 9 dan 18 Ogos 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 9 Ogos 2021. Penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.5 berikut:

4.1. Perbezaan Amaun Antara Inden Kerja Dengan Senarai Kuantiti Menyebabkan Lebihan Bayaran Sejumlah RM12,269

4.1.1. Inden Kerja YP menetapkan syarat iaitu dokumen-dokumen di bawah hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada perjanjian/dokumen sebut harga/*requisition* :

- a. Inden Kerajaan (Pelaksanaan Kerja);
- b. Syarat-Syarat Sebut Harga (Perlu disediakan/diperincikan/diperoleh) (jika ada);
- c. Spesifikasi (deskripsi kerja, i.e. dimensi, ketebalan) (jika ada);
- d. Ringkasan Sebut Harga/Senarai Kuantiti (jika ada),
- e. Lukisan (jika ada);
- f. Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor; dan
- g. Jadual Kadar Harga (jika ada).

4.1.2. Semakan Audit terhadap 25 baucar bayaran bagi kerja baik pulih rumah berjumlah RM331,500 mendapati pembayaran adalah berdasarkan Inden Kerja. Inden Kerja tersebut telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sosial. Semakan Audit seterusnya mendapati **berlaku perbezaan sejumlah RM12,269 di antara Inden Kerja dengan Senarai Kuantiti yang dikepulkan bersama baucar bayaran**. Perkara ini berlaku disebabkan Senarai Kuantiti tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada dokumen pembayaran seperti mana syarat yang ditetapkan dalam Inden Kerja. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
NILAI INDEN YANG DILULUSKAN MELEBIHI JUMLAH DI SENARAI KUANTITI

BIL.	NOMBOR BAUCAR/ INDEN KERJA	TARIKH BAUCAR/ TARIKH INDEN KERJA	NOMBOR PENDAFTARAN KONTRAKTOR	AMAUN BAUCAR/ INDEN KERJA (RM)	JUMLAH DI SENARAI KUANTITI (RM)	LEBIHAN (RM)
1.	BPS 38/90-20 BPS000238	02.09.2020 / 14.05.2020	0120200213-PK042582	15,000	14,222	778
2.	BPS 78/6-20 BPS000272	29.06.2020 / 03.06.2020	0120200108-PK039880	15,000	14,222	778
3.	BPS 77/6-20 BPS000270	29.06.2020 / 03.06.2020	0120200108-PK039880	15,000	14,222	778
4.	BPS 01/9-20 BPS000269	01.09.2020 / 03.06.2020	0121960513-PK001306	10,000	9,485	515
5.	BPS 08/9-20 BPS000263	01.09.2020 / 14.05.2020	0120041012-PK099191	8,000	7,374	626
6.	BPS 13/9-20 BPS000255	01.09.2020 / 14.05.2020	0120041012-PK099191	5,500	5,202	298
7.	BPS 21/9-20 BPS000242	01.09.2020 / 14.05.2020	0120031111-PK090234	7,000	6,438	562
8.	BPS 30/11-20 BPS000266	13.11.2020 / 20.05.2020	0120130516-PK150302	15,000	14,222	778
9.	BPS 27/12-20 BPS000265	10.12.2020 / 20.05.2020	0120041012-PK099191	15,000	14,268	732
10.	BPS 07/9-20 BPS000267	01.09.2020 / 20.05.2020	0120200213-PK042582	15,000	14,222	778
11.	BPS 22/10-20 BPS000330	06.10.2020 / 30.07.2020	0120030903-PK088144	14,000	13,952	48
12.	BPS 61/9-20 BPS000276	04.09.2020 / 03.06.2020	0120040303-PK093197	15,000	14,222	778
13.	BPS 03/9-20 BPS000232	01.09.2020 / 14.05.2020	0120050808-PK105793	15,000	14,222	778
14.	BPS 36/11-20 BPS000298	23.11.2020 / 15.06.2020	0120020413-PK070072	13,500	13,343	157
15.	BPS 08/6-20 BPS000226	10.06.2020 / 24.04.2020	0120040629-PK096472	13,500	12,976	524
16.	BPS 29/11-20 BPS000233	13.11.2020 / 14.05.2020	0120130516-PK150302	15,000	14,222	778
17.	BPS 31/11-20 BPS000234	13.11.2020 / 14.05.2020	0120130516-PK150302	15,000	14,222	778
18.	BPS 31/7-20 BPS000236	14.07.2020 / 14.05.2020	0120040830-PK098192	15,000	14,222	778
19.	BPS 09/9-20 BPS000262	01.09.2020 / 14.05.2020	0120041012-PK099191	15,000	14,850	150
20.	BPS 44/6-20 BPS000229	15.06.2020 / 24.04.2020	0120031104-PK089888	15,000	14,899	101
21.	BPS 33/7-20 BPS000225	14.07.2020 / 24.04.2020	01202000208-PK042195	15,000	14,904	96
22.	BPS 34/7-20 BPS000224	14.07.2020 / 24.04.2020	01202000208-PK042195	15,000	14,936	64
23.	BPS 07/6-20 BPS000227	10.06.2020 / 24.04.2020	0120040629-PK096472	15,000	14,689	311
24.	BPS 43/6-20 BPS000228	15.06.2020 / 24.04.2020	0120031104-PK089888	15,000	14,786	214
25.	BPS 06/9-20 BPS000268	01.09.2020 / 20.05.2020	0120200213-PK042582	5,000	4,909	91
JUMLAH				331,500	319,231	12,269

Sumber: Fail Individu Baik Pulih Rumah YP

Maklum Balas YP yang Diterima pada 9 dan 18 Ogos serta 18 November 2021

YP akur akan khilaf dalam perkara ini dan tindakan pembetulan telah mula dilaksanakan mulai bulan November 2020. Majoriti projek yang dilaksanakan pada tahun 2020 adalah projek akibat kecemasan dan bencana. Kakitangan Bahagian Pembangunan Sosial YP yang dilantik pada awal tahun 2019 adalah berlatar belakang kerja di sektor swasta dan tiada pengalaman berkaitan perolehan projek dari dana Kerajaan. Selain itu, YP juga tiada pengalaman dalam dokumentasi projek pembinaan rumah. Pihak YP telah mengeluarkan surat kepada kontraktor yang terlibat bagi menyelesaikan isu lebihan bayaran pada 11 Ogos dan 17 November 2021.

Pernyataan Audit | **Bayaran berdasarkan Inden Kerja tanpa merujuk Senarai Kuantiti menyebabkan lebihan bayaran kepada kontraktor sejumlah RM12,269.**

4.2. Lebihan Bayaran Sejumlah RM30,093 bagi Kerja yang Tidak Dilaksanakan Oleh Kontraktor

4.2.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 99(e)(i) menetapkan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi satu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna.

4.2.2. Semakan Audit terhadap 12 baucar bayaran kerja baik pulih rumah sejumlah RM160,000 mendapati **bayaran telah dibuat sepenuhnya walaupun kerja berjumlah RM30,093 tidak dilaksanakan oleh kontraktor**. Bayaran dibuat berdasarkan dokumen Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan. Lawatan Audit pada 9 hingga 23 April 2021 mendapati kerja yang ditetapkan dalam Senarai Kuantiti tidak dilaksanakan sepenuhnya. Kerja yang tidak dilaksanakan adalah pemasangan siling *plasterglass*, pendawaian elektrik dan penggantian papan tindih kasih serta kerja meroboh dinding, mengikat bata, *plaster* dan mengecat. Pihak Audit juga dimaklumkan oleh pemilik rumah bahawa tiada penggantian pendawaian elektrik dilaksanakan oleh kontraktor. Seterusnya pihak Audit mendapati tiada pelarasan harga dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 5**.

JADUAL 4
PERIHAL KERJA BAIK PULIH YANG TIDAK DILAKSANAKAN OLEH PIHAK KONTRAKTOR

BIL.	NO. FAIL PEMOHON	NO. / TARIKH BAUCAR	AMAUN BAUCAR (RM)	AMAUN PERAKUAN SIAP KERJA (RM)	SENARAI KUANTITI			
					JUMLAH KESELURUHAN (RM)	PERIHAL KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN BERDASARKAN LAWATAN FIZIKAL AUDIT	AMAUN (RM)	
1.	YP.150.5.1/ 275	BPS 18/10-20 06.10.2020	20,000	20,000	19,896	Pemasangan siling <i>plasterglass</i>	1,500	
						Pendawaian elektrik	2,500	
						JUMLAH	4,000	
2.	YP.150.5.1/ 225	BPS 38/90-20 02.09.2020	15,000	15,000	14,222	Pendawaian elektrik	2,500	
						Penggantian papan tindih kasih (13.5 m ²)	637	
						JUMLAH	3,137	
3.	YP.150.5.1/ 268	BPS 78/6-20 29.06.2020	15,000	15,000	14,222	Pendawaian elektrik	2,500	
						JUMLAH	2,500	
4.	YP.150.5.1/ 266	BPS 77/6-20 29.06.2020	15,000	15,000	14,222	Pendawaian elektrik	2,500	
						Penggantian papan tindih kasih (13.5 m ²)	637	
						JUMLAH	3,137	
5.	YP.150.5.1/ 252	BPS 08/9-20 01.09.2020	8,000	8,000	7,374	Pemasangan siling <i>plasterglass</i>	1,500	
						Pendawaian elektrik	1,500	
						JUMLAH	3,000	
6.	YP.150.5.1/ 229	BPS 21/9-20 01.09.2020	7,000	7,000	6,438	Pendawaian elektrik	2,500	
						JUMLAH	2,500	
7.	YP.150.5.1/ 244	BPS 13/9-20 01.09.2020	5,500	5,500	5,202	Pemasangan siling <i>plasterglass</i>	500	
						Pendawaian elektrik	500	
						JUMLAH	1,000	
8.	YP.150.5.1/ 220	BPS 29/11-20 13.11.2020	15,000	15,000	14,222	Pendawaian elektrik	2,500	
						Penggantian papan tindih kasih (13.5m ²)	637	
						JUMLAH	3,137	
9.	YP.150.5.1/ 213	BPS 43/6-20 15.06.2020	15,000	15,000	14,786	Pemasangan siling <i>plasterglass</i>	1,228	
						JUMLAH	1,228	
10.	YP.150.5.1/ 218	BPS 38/11-20 23.11.2020	14,500	14,500	14,500	Kerja meroboh dinding, mengikat bata, <i>plaster</i> dan mengecat	817	
						JUMLAH	817	
11.	YP.150.5.1/ 272	BPS 61/9-20 04.09.2020	15,000	15,000	14,222	Pendawaian elektrik	2,500	
						JUMLAH	2,500	
12.	YP.150.5.1/ 263	BPS 07/9-20 01.09.2020	15,000	15,000	14,222	Penggantian papan tindih kasih (13.5m ²)	637	
						Pendawaian elektrik	2,500	
						JUMLAH	3,137	
JUMLAH								30,093

Sumber: Fail Individu Baik Pulih Rumah YP

GAMBAR 1



YP.150.5.1/213
Kg Sg. Tukang Sidin, Chikus
Tiada Pembaikan Siling *Plasterglass*
(BPS 43/6-20)
(9.4.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



YP.150.5.1/213
Kg Sg. Tukang Sidin, Chikus
Tiada Pembaikan Siling *Plasterglass*
(BPS 43/6-20)
(9.4.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



YP.150.5.1/275
Kg Baru Buntong, Ipoh
Tiada Pembaikan Siling *Plasterglass*
(BPS 18/10-20)
(13.4.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



YP.150.5.1/252
RPT Chepor, Chemor
Tiada Pembaikan Siling *Plasterglass*
(BPS 09/9-20)
(21.4.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



YP.150.5.1/244
Kg Seri Kelebang Tambahan 2, Chepor
Tiada Pembaikan Siling *Plasterglass*
(BPS 13/9-20)
(23.4.2021)

Maklum Balas YP yang Diterima pada 9 dan 18 Ogos dan 18 November 2021

YP akur akan khilaf dalam perkara ini dan tindakan pembetulan telah mula dilaksanakan mulai November 2020. Pihak YP memaklumkan pegawai teknikal akan membuat anggaran nilai kerosakan secara umum di Senarai Kuantiti setelah mengambil kira andaian kerosakan komponen rumah yang kemungkinan berlaku bagi permohonan

kecemasan. Penilaian sebenar terhadap komponen rumah pemohon yang rosak hanya dibuat sewaktu lawatan tapak dijalankan.

Pihak Pengurusan YP mengambil maklum dan akan memastikan kesilapan ini tidak berulang pada masa akan datang. Pihak YP telah mengeluarkan surat kepada kontraktor yang terlibat bagi menyelesaikan isu lebihan bayaran pada 11 Ogos dan 17 November 2021.

Pernyataan Audit | Bayaran bagi kerja yang tidak dilaksanakan sejumlah RM30,093 menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

4.3. Bayaran Sejumlah RM11,950 bagi Kerja Baik Pulih yang Tidak Dilaksanakan

4.3.1. Senarai Kuantiti (JKR 53) kerja baik pulih rumah Plot 5, Jalan Tali Api, Kg. Tengku Hussein Baru, Ipoh Perak adalah meliputi kerja-kerja membaik pulih bumbung rumah, siling, pintu dan pendawaian elektrik dengan kos sejumlah RM15,000. Spesifikasi kerja membaik pulih bumbung rumah adalah membuka bumbung lama dan digantikan bumbung dek logam berombak serta penggantian siling dengan kos sejumlah RM11,950.

4.3.2. Berdasarkan PK 4.7, Arahan Perubahan Kerja (APK) hendaklah dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa (PP) sekiranya terdapat perubahan terhadap spesifikasi kerja.

4.3.3. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bernombor BPS 70/9-20 bertarikh 30 September 2020 mendapati pembayaran sejumlah RM15,000 telah dibuat bagi kerja baik pulih rumah mengikut Senarai Kuantiti. **Semakan silang dengan Laporan Bergambar Pengesahan Siap Projek YP bertarikh 20 Julai 2020 mendapati kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor adalah penggantian dinding dan tingkap rumah.** Lawatan fizikal Audit pada 13 April 2021 ke kediaman berkaitan juga mendapati **kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah baik pulih dinding dan tingkap rumah bukan kerja baik pulih bumbung rumah dan penggantian siling.** Berdasarkan temu bual Audit bersama Pelukis Pelan, pihak Pengurusan Bahagian Pembangunan Sosial YP telah mengarahkan kontraktor menukar skop kerja kerana bumbung rumah telah dibaik pulih oleh agensi lain. Pihak Audit mendapati

tiada APK dikeluarkan terhadap perubahan skop kerja tersebut. Butiran adalah seperti dalam **Gambar 6**.



GAMBAR 6

No. Fail Pemohon YP.150.5.1/196
Kg. Tengku Hussein Baru, Ipoh
- Kerja Baik Pulih Dinding Rumah Dilaksanakan
Berbanding Kerja Pembaikan Bumbung dalam
Senarai Kuantiti
(BPS 70/9-20)
(13.4.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas YP yang Diterima pada 9 dan 18 Ogos serta 18 November 2021

YP memaklumkan selepas kelulusan MJKPS Bil.3/2020 pada 2 Mac 2020 dan lawatan tapak oleh pegawai teknikal YP bersama kontraktor mendapati bahagian bumbung yang rosak telah dibaiki sendiri oleh tuan rumah. YP akur dengan kesilapan dan akan memastikan perkara ini tidak akan berulang. Semakan telah dibuat oleh YP dan mendapati tiada APK dikeluarkan bagi penggantian kerja baik pulih bumbung kepada pembinaan dinding. Pihak YP telah mengeluarkan surat kepada kontraktor terlibat bagi menyelesaikan isu lebihan bayaran pada 11 Ogos dan 17 November 2021.

Pernyataan Audit | Bayaran bagi kerja yang tiada dalam Senarai Kuantiti dan tanpa kelulusan perubahan skop kerja menyebabkan kewajaran harga yang dibayar tidak dapat disahkan.

4.4. Lebihan Bayaran Sejumlah RM15,566 Bagi Kerja yang Tidak Mengikut Spesifikasi

4.4.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 102(a) menetapkan Pegawai Pengawal atau wakilnya yang memperakui baucar bayaran bertanggungjawab untuk memperakui setiap butir dalam baucar bayaran adalah tepat dan betul serta kerja telah dilaksanakan dengan sempurna. Seterusnya harga yang dikenakan adalah mengikut kontrak atau skala yang diluluskan, atau patut dan munasabah mengikut kadar tempatan semasa.

4.4.2. Syarat-Syarat Inden Kerja YP antaranya menghendaki pematuhan terhadap spesifikasi atau deskripsi kerja.

4.4.3. Semakan Audit terhadap lapan baucar bayaran berjumlah RM124,000 mendapati bayaran telah dibuat bagi kerja baik pulih bumbung lapan buah rumah. Lawatan fizikal Audit pada 9 hingga 23 April 2021 mendapati **pembaikan bumbung rumah berkaitan tidak mengikut spesifikasi seperti ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Kontraktor tidak menggantikan bumbung besi bergalvani mengikut ukuran yang telah ditetapkan dalam Senarai Kuantiti. Perkara ini menyebabkan lebih bayaran kepada kontraktor sejumlah RM15,566.** Tiada pelarasan harga dilaksanakan bagi kerja yang tidak mengikut spesifikasi. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
BAIK PULIH BUMBUNG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

BIL.	NO. FAIL PEMOHON	BEKALAN DAN PEMASANGAN BESI BERGALVANI			KADAR HARGA (m ²) (RM)	HARGA MENGIKUT SENARAI KUANTITI (RM)	HARGA PATUT BAYAR MENGIKUT KIRAAN AUDIT (RM)	AMAUN LEBIHAN BAYARAN (RM)
		UKURAN DI SENARAI KUANTITI (m ²) (A)	PENGUKURAN AUDIT (m ²) (B)	PERBEZAAN UKURAN (m ²) (C=A-B)				
1.	YP.150.5.1/218	130.00	57.65	72.35	65.20	8,476	3,759	4,717
2.	YP.150.5.1/217	130.00	63.80	66.20	65.20	8,476	4,160	4,316
3.	YP.150.5.1/268	119.63	63.14	56.49	33.50	4,007	2,115	1,892
4.	YP.150.5.1/266	119.63	70.22	49.41	33.50	4,007	2,352	1,655
5.	YP.150.5.1/275	159.50	154.72	4.78	33.50	5,343	5,183	160
6.	YP.150.5.1/260	126.23	122.98	3.25	33.50	4,228	4,119	109
7.	YP.150.5.1/263	119.63	117.37	2.26	33.50	4,007	3,931	76
8.	YP.150.5.1/220	119.63	40.80	78.83	33.50	4,007	1,366	2,641
JUMLAH								15,566

Sumber: Senarai Kuantiti (JKR 53) dan Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara pada 9 hingga 23 April 2021

Maklum Balas YP yang Diterima pada 9 dan 18 Ogos serta 18 November 2021

YP akur akan kesilapan berkenaan pembayaran kerja baik pulih rumah yang tidak mengikut spesifikasi. Tindakan pembetulan telah mula dibuat dan akan memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi. Lebih bayaran akan dibincangkan bersama pihak kontraktor bagi tindakan selanjutnya. Pihak YP telah mengeluarkan surat kepada kontraktor terlibat bagi menyelesaikan isu lebih bayaran pada 11 Ogos dan 17 November 2021.

Pernyataan | **Pembayaran terhadap kerja-kerja yang tidak mengikut Audit spesifikasi sejumlah RM15,566 menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.**

4.5. Caj Ganti Rugi Tertentu Sejumlah RM6,215 Tidak Dikenakan Terhadap Kontraktor Bagi Kerja Bina Baru Rumah

4.5.1. Para 12 Dokumen Syarat-Syarat Inden Pelaksanaan Kerja menetapkan jika kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh sepatut siap, kontraktor hendaklah dengan serta merta membayar kepada YP ganti rugi tertentu yang dikira secara harian dengan kadar 10% setahun daripada harga kontrak.

4.5.2. Para 20 Dokumen Syarat-Syarat Inden Pelaksanaan Kerja pula menetapkan apabila didapati kemajuan kerja tidak dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan, kontraktor hendaklah dengan serta merta mendapatkan kebenaran bertulis untuk lanjutan masa. Pegawai Inden mempunyai budi bicara untuk memberi lanjutan masa secara bertulis.

4.5.3. Semakan Audit mendapati empat kerja bina baru rumah telah lewat siap antara 78 hingga 142 hari. Bagaimanapun, tiada caj ganti rugi tertentu dikenakan kepada kontraktor. Pihak Audit mendapati tiada Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan atas kelewatan penyiapan kerja tersebut. Pihak Audit juga mendapati tiada Perakuan Lanjutan Masa (EOT) diluluskan. Berdasarkan perkiraan Audit, **caj ganti rugi tertentu yang tidak dikenakan terhadap kontraktor berjumlah RM6,215**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
CAJ GANTI RUGI TERTENTU TIDAK DIKENAKAN
TERHADAP KONTRAKTOR YANG LEWAT MENYIAPKAN KERJA BINA RUMAH

BIL.	NOMBOR PENDAFTARAN KONTRAKTOR	NO. FAIL	TARIKH SIAP SEPATUTNYA	TARIKH SIAP SEBENAR	KELEWATAN* (Hari)	JUMLAH GANTI RUGI YANG LAYAK DITUNTUT (RM)
1.	0120030916-PK088537	YP.150.5.1/167	15.4.2020	22.09.2020	142	1,751
2.	0120030916-PK088537	YP.150.5.1/168	15.4.2020	22.09.2020	142	1,751
3.	0121000210-PK055164	YP.150.5.1/169	15.4.2020	22.09.2020	142	1,751
4.	0120030512-PK083731	YP.150.5.1/187	17.8.2020	03.11.2020	78	962
JUMLAH						6,215

Sumber : Fail Individu Bina Baru Rumah Yayasan Perak

* Nota : Bilangan hari adalah setelah mengambil kira pengecualian LAD semasa Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 iaitu dari 18 Mac sehingga 12 Mei 2020 seperti dinyatakan di Lampiran A, PK 2.4, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

Maklum Balas YP yang Diterima pada 9 dan 18 Ogos 2021

YP memaklumkan kelewatan berlaku adalah disebabkan lawatan pengesahan siap kerja yang lewat dijalankan akibat daripada kekurangan tenaga kerja teknikal serta faktor luaran yang sepatutnya boleh dikeluarkan EOT kepada kontraktor. Pihak YP ambil maklum dan akan membuat pengambilan tenaga kerja teknikal tambahan bagi menangani perkara ini.

Pernyataan Audit | **Ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana caj ganti rugi tertentu sejumlah RM6,215 tidak dikenakan.**

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, dapat dirumuskan bahawa penggunaan dana Program Sayangi Rumahku adalah tidak teratur. Berlaku kelemahan seperti pembayaran tidak teratur dan caj ganti rugi tertentu tidak dikenakan terhadap projek yang lewat disiapkan.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan YP mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- 6.1. memastikan bayaran dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan;
- 6.2. memastikan caj ganti rugi dikenakan terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan kerja dalam masa yang telah ditetapkan; dan
- 6.3. meningkatkan kompetensi pegawai dalam pengurusan kewangan dan pengurusan projek melalui program latihan secara berterusan.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

- AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

3. AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF

FAKTA UTAMA

AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF JANUARI – DISEMBER 2020		
GOLONGAN ASNAF	EMPAT PEJABAT PENTADBIRAN MAIPK	RM19.75 JUTA
Fakir, Miskin, Fisabilillah dan Muallaf	MAIPK Ibu Pejabat, MAIPK Daerah iaitu Batu Gajah, Teluk Intan dan Seri Iskandar	• <u>Sampel Audit:</u> 148 baucar agihan zakat
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	Mengurus kutipan dan agihan zakat serta mentadbir harta baitulmal dan wakaf bagi tujuan membangun sosioekonomi dan menangani kemaslahatan ummah.	
Undang-Undang Berkuat Kuasa	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004	
Pegawai Pengawal	Ketua Pegawai Eksekutif	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah ditubuhkan pada 23 Oktober 1949. MAIPK diperbadankan secara rasmi sebagai sebuah badan berkanun Kerajaan melalui peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Bilangan 2 Tahun 1992 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Fungsi utama MAIPK antaranya mengurus kutipan dan agihan zakat serta mentadbir harta baitulmal dan wakaf bagi tujuan membangun sosioekonomi dan menangani kemaslahatan ummah.

1.2. Kutipan zakat merangkumi zakat fitrah, harta, perniagaan dan tanaman. Pada tahun 2020, kutipan zakat berjumlah RM194.85 juta berbanding RM207.19 juta pada tahun 2019. Pengagihan zakat diberi kepada lapan golongan Asnaf yang layak dan memenuhi syarat umum dan khusus. Secara puratanya, setiap Asnaf layak mendapat 1/8 atau 12.5% zakat berbanding jumlah kutipan zakat tahunan. Pada tahun 2020, jumlah agihan zakat adalah RM190.23 juta atau 97.6% berbanding kutipan berjumlah RM194.85 juta. Perbandingan jumlah kutipan dan perbelanjaan agihan zakat oleh MAIPK pada tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
JUMLAH KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT MAIPk

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Kutipan	194.85	207.19
Agihan Zakat	190.23	196.83
Peratus Agihan Zakat (%)	97.6	95.0

Sumber: Penyata Kewangan MAIPk (Belum Beraudit)
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

1.3. Kutipan zakat diuruskan oleh Bahagian Kewangan MAIPk Ibu Pejabat dan MAIPk Daerah. Agihan zakat diuruskan oleh Bahagian Agihan Zakat, Bahagian Pemasaran MAIPk Ibu Pejabat dan MAIPk Daerah. MAIPk mempunyai 18 pejabat daerah antaranya adalah MAIPk Batu Gajah, Seri Iskandar dan Teluk Intan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan untuk menentukan sama ada pengagihan zakat kepada asnaf dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan agihan zakat ditumpukan kepada empat daripada lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, fisabilillah dan mualaf berjumlah RM157.82 juta bagi tahun 2020. Sampel Audit meliputi RM19.75 juta (12.5%) daripada RM157.82 juta melibatkan 148 baucar. Agihan zakat kepada asnaf mengikut skim yang telah ditetapkan antaranya seperti Bantuan Kewangan Bulanan, Promosi dan Dakwah Zakat serta Bantuan Modal. Butiran sampel Audit adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SAMPEL AUDIT

ASNAF	SKIM AGIHAN ZAKAT	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)
Fakir dan Miskin	Bantuan Kewangan Bulanan	58	16,594,800
	Bantuan Modal	23	104,981
Fisabilillah	Promosi dan Dakwah Zakat	14	560,900
	Bantuan Surau	5	48,000
	Bantuan Bencana	9	642,500
	Bayaran Perundingan dan Profesional	7	205,743
	Peruntukan Program Pendidikan JAIPk	7	311,835
	Sumbangan dan Tajaan Kepada Organisasi Islam	15	167,000
	Program Pemurnian Akhlak	5	81,540
Mualaf	Bayaran Sagu Hati Raya	5	1,033,600
JUMLAH		148	19,750,899

Sumber: Baucar Agihan Zakat MAIPk Tahun 2020

3.2. Pengauditan melibatkan MAIPk Ibu Pejabat dan tiga MAIPk daerah iaitu MAIPk Batu Gajah, Teluk Intan dan Seri Iskandar.

3.3. Pengauditan berpandukan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP), Garis Panduan Umum Pengagihan Zakat, Arahan Pentadbiran Dalaman, peraturan kewangan, minit mesyuarat serta rekod dan dokumen yang berkaitan dengan permohonan dan kelulusan agihan zakat. Selain itu, lawatan Audit di lokasi penerima zakat dilaksanakan untuk memastikan agihan zakat diterima oleh asnaf berkaitan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan November 2020 hingga Mac 2021. Maklum balas oleh MAIPk telah diterima pada 27 Ogos 2021, 9 September 2021 dan 18 November 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 30 Ogos 2021. Penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.4 berikut:

4.1. Agihan Zakat Sejumlah RM77,850 Tidak Dapat Disahkan Diterima Oleh Asnaf

4.1.1. Garis Panduan Umum Agihan Zakat menetapkan kaedah pembayaran zakat kepada penerima adalah secara tunai atau dikreditkan ke akaun Bank Simpanan Nasional penerima bantuan.

4.1.2. Garis Panduan Umum Agihan Zakat juga menetapkan hanya penerima bantuan dalam keadaan bodoh, masalah mental atau tidak dapat menguruskan kehidupannya perlu melantik seorang wakil bagi menguruskan bantuannya.

4.1.3. Perenggan 3, Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2013 MAIPk menetapkan tatacara perakaunan pembayaran kepada penerima bayaran seperti berikut:

- a. Apabila tempoh bayaran untuk dibahagi-bahagikan adalah diperlukan, cek Akaun Pelbagai dengan sejumlah amaun berkaitan akan dikeluarkan dan ditunaikan. Tarikh penunaian cek daripada Akaun Pelbagai hendaklah diambil kira sebagai tempoh mula 21 hari proses wang untuk dibahagi-bahagikan dibuat. Dalam tempoh tersebut, sekiranya cek yang telah ditunaikan tidak dapat disampaikan kepada penerima yang berhak, kesemua atau baki yang tidak dapat disampaikan hendaklah disimpan selamat mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

- b. Mana-mana baki tunai yang tidak dapat dibahagi-bahagikan selepas tempoh 21 hari daripada tarikh cek Akaun Pelbagai ditunaikan maka tindakan untuk mengakaunkan semula kepada Akaun Pelbagai hendaklah diambil dan dikekalkan simpanannya selama tiga bulan.
- c. Tunai yang didepositkan ke dalam Akaun Pelbagai sekiranya masih tidak dapat disampaikan kepada yang berhak menerimanya maka kesemua atau baki tidak dapat disampaikan itu hendaklah dimasukkan semula ke Akaun Bank MAIPk Ibu Pejabat untuk dilaraskan sebagai Kredit Perbelanjaan atau tindakan lain mengikut peraturan kewangan atau pentadbiran yang berkuat kuasa.

4.1.4. Semakan Audit mendapati enam baucar berjumlah RM258,450 pada tahun 2020 di dua MAIPk daerah, iaitu Seri Iskandar dan Teluk Intan telah ditunaikan daripada Akaun Pelbagai untuk dibahagi-bahagikan kepada asnaf. Semakan Audit terhadap baucar tersebut mendapati perkara berikut:

- a. Sejumlah RM125,450 telah diagihkan secara tunai atau melalui akaun bank kepada asnaf dan wakil asnaf. Pihak Audit mendapati sejumlah RM89,950 telah diagihkan kepada asnaf dan sejumlah RM35,100 kepada wakil asnaf tersebut, yang keseluruhannya berjumlah RM125,050. **Seterusnya pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki sejumlah RM400 telah diagihkan kepada asnaf.** Butiran adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
AGIHAN ZAKAT YANG DITUNAIKAN DARIPADA AKAUN PELBAGAI

CEK AKAUN PELBAGAI YANG DITUNAIKAN		AGIHAN ZAKAT SECARA TUNAI (RM) (a)	WANG YANG DIAGIHKAN		BEZA (RM) (d)=(a)-(b)-(c)
NOMBOR/ TARIKH	AMAUN (RM)		ASNAF AMAUN (RM)/ BIL. (b)	WAKIL AMAUN (RM)/ BIL. (c)	
MAIPk Seri Iskandar					
567256/ 17.03.2020	55,650	30,050	26,450 (82 orang)	3,150 (10 orang)	450
567270/ 29.04.2020	35,200	13,150	9,250 (29 orang)	3,950 (12 orang)	(50)
JUMLAH	90,850	43,200	35,700	7,100	400
MAIPk Teluk Intan					
838859/ 11.03.2020	55,400	14,250	11,000 (36 orang)	3,250 (10 orang)	-
838862 - 838867/ 20.04.2020	37,400	12,700	9,850 (32 orang)	2,850 (9 orang)	-
838914 - 838919/ 15.05.2020	37,400	19,100	9,900 (32 orang)	9,200 (30 orang)	-
839028/ 19.06.2020	37,400	36,200	23,500 (74 orang)	12,700 (40 orang)	-
JUMLAH	167,600	82,250	54,250	28,000	-
JUMLAH BESAR	-	-	89,950	35,100	400
JUMLAH KESELURUHAN	258,450	125,450	125,050		400

Sumber: Baucar, Sub Baucar, Daftar Cek

- b. **Sejumlah RM129,150 tunai pula telah dimasukkan ke akaun peribadi pegawai MAIPk sebelum diagihkan kepada asnaf.** Semakan Audit terhadap penyata bank peribadi seorang pegawai MAIPk Seri Iskandar dan resit pindahan wang daripada lima akaun peribadi pegawai MAIPk Teluk Intan yang dikepilkan pada baucar mendapati sejumlah RM86,800 telah diagihkan kepada asnaf dan sejumlah RM39,700 kepada wakil asnaf, yang keseluruhannya berjumlah RM126,500. **Seterusnya pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki sejumlah RM2,650 telah diagihkan kepada asnaf.** Butiran adalah seperti dalam **Jadual 4.**

JADUAL 4
AGIHAN ZAKAT DIMASUKKAN KE AKAUN PERIBADI PEGAWAI
MAIPK SEBELUM DIBAYAR KEPADA ASNAF

CEK AKAUN PELBAGAI YANG DITUNAIKAN		WANG YANG DIMASUKKAN KE DALAM AKAUN PERIBADI PEGAWAI MAIPK		WANG DARIPADA AKAUN PERIBADI PEGAWAI MAIPK YANG DIPINDAHKAN KE AKAUN ASNAF/WAKIL (RM) (b)		BEZA (RM) (c)=(a)-(b)
NOMBOR/ TARIKH	AMAUN (RM)	TARIKH	AMAUN (RM) (a)	ASNAF AMAUN (RM)/ BIL.	WAKIL AMAUN (RM)/ BIL.	
MAIPk Seri Iskandar						
567256/ 17.03.2020	55,650	27.03.2020	5,000	15,300 (48 orang)	7,100 (23 orang)	2,600
		31.03.2020	5,000			
		02.04.2020	5,000			
		13.04.2020	5,000			
		27.04.2020	5,000			
JUMLAH			25,000			
567270/ 29.04.2020	35,200	02.05.2020	5,000	10,950 (34 orang)	9,000 (28 orang)	50
		03.05.2020	5,000			
		04.05.2020	5,000			
		05.05.2020	5,000			
JUMLAH			20,000			
JUMLAH	90,850		45,000	26,250	16,100	2,650
MAIPk Teluk Intan						
838859/ 11.03.2020	55,400	Tiada maklumat amaun sebenar yang dikreditkan ke dalam akaun peribadi lima pegawai MAIPk		31,400 (98 orang)	8.850 (27 orang)	-
838862 - 838867/ 20.04.2020	37,400			15,850 (49 orang)	8,850 (28 orang)	
838914 - 838919/ 15.05.2020	37,400			12,700 (39 orang)	5,600 (17 orang)	
839028/ 19.06.2020	37,400			600 (2 orang)	300 (1 orang)	
JUMLAH	167,600	84,150*		60,550	23,600	-
JUMLAH KESELURUHAN	258,450	129,150		86,800	39,700	2,650

Sumber: Baucar, Sub Baucar, Daftar Cek, Penyata Bank Akaun Peribadi Pegawai MAIPk, Slip Deposit Tunai dan Resit Bank
Nota: (*) – Pihak Audit mengambil kira wang daripada akaun peribadi pegawai MAIPk Teluk Intan yang dipindahkan ke akaun asnaf/wakil bersamaan wang yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi lima pegawai tersebut.

- c. Baki tunai sejumlah RM3,850 telah dikreditkan semula kepada Akaun Bank MAIPK Ibu Pejabat kerana tidak dapat diagihkan.
- d. Keseluruhan yang diserahkan kepada wakil asnaf ialah RM74,800, iaitu RM35,100 diagihkan secara tunai atau dimasukkan ke akaun bank wakil asnaf, dan sejumlah RM39,700 telah dipindahkan daripada akaun peribadi pegawai MAIPK ke akaun wakil asnaf. Pihak Audit dimaklumkan wang zakat dimasukkan ke dalam akaun wakil asnaf kerana asnaf tidak mempunyai akaun bank. Wakil asnaf ialah pasangan (suami atau isteri), anak atau adik-beradik kepada asnaf. **Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sejumlah RM74,800 zakat yang diagihkan kepada wakil tersebut telah diterima oleh asnaf yang diluluskan.** Hal ini disebabkan perkara seperti berikut:
 - (i) tiada kelulusan bertulis dikeluarkan untuk mengagihkan zakat kepada wakil; dan
 - (ii) semakan Audit terhadap sub baucar agihan tunai kepada wakil asnaf mendapati pengesahan penerimaan tunai adalah melalui tandatangan atau cap jari wakil sahaja. Agihan zakat ke akaun bank wakil asnaf pula hanya berdasarkan nombor akaun penerima atau catatan *paid* BSN yang ditulis dengan tangan.
- e. Pihak MAIPK Daerah Seri Iskandar dan Teluk Intan memaklumkan bahawa tunai daripada Akaun Pelbagai dimasukkan ke dalam akaun peribadi pegawai semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19. **Pihak Audit mendapati tiada kelulusan bertulis bagi pegawai MAIPK memasukkan wang agihan zakat ke akaun peribadi.**

Maklum Balas MAIPK yang Diterima pada 27 Ogos, 9 September dan 18 November 2021

MAIPK memaklumkan kaedah ini diguna pakai hanya kepada penerima Bantuan Kewangan Bulanan yang sukar hadir ke pejabat di samping kaunter perkhidmatan tidak dibuka bagi urusan agihan bantuan kewangan secara tunai. Bagi maksud menyampaikan bantuan kepada golongan sasaran, maka Pentadbiran MAIPK Daerah mengambil pendekatan membuat cek bantuan secara tunai dan kemudian dikreditkan ke akaun peribadi Pegawai MAIPK Daerah dan Pegawai MAIPK Daerah akan memindahkan wang bantuan ke akaun penerima bantuan. Kaedah ini merupakan alternatif dalam usaha

mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pencegahan penularan COVID-19 dalam kalangan Pegawai dan juga penerima bantuan yang terlibat.

Pihak MAIPk turut memaklumkan tindakan tersebut adalah luar dari kebiasaan amalan proses kerja agihan yang dilakukan oleh MAIPk demi memastikan kelangsungan bantuan kewangan diterima oleh asnaf semasa situasi PKP yang menghadkan pergerakan. Unit Audit Dalam telah diarahkan membuat siasatan ke atas isu ini mulai 6 September 2021.

Perbincangan pihak pengurusan MAIPk pada 30 September 2021 memperakui bahawa terdapat perbincangan secara lisan dan *whatsapp* pada 19 Mac 2020 mengenai kaedah bayaran secara *banking transaction* kepada asnaf atau waris terdekat yang dibenarkan oleh asnaf. Kaedah ini dipersetujui kerana situasi bencana Covid-19 bermula Mac 2020 mengakibatkan penutupan kaunter pejabat MAIPk dan tiada pergerakan fizikal (*total lockdown*) selaras pematuan arahan pelaksanaan PKP.

Sebagai langkah penambahbaikan Memo Arahan Pelaksanaan Bayaran Bantuan Kewangan MAIPk bertarikh 6 Oktober 2021 telah dikeluarkan bagi membenarkan pegawai bertanggungjawab menyalurkan bayaran bantuan kewangan melalui *banking transaction* atau menggunakan Mesin Deposit Tunai (CDM) sebagai platform bagi memenuhi keperluan asnaf bersifat kesegeraan dan memudahkan. Pelaksanaan bayaran selanjutnya menerusi Pindahan Dana Elektronik (EFT) yang akan diuruskan oleh Bahagian Kewangan MAIPk.

Semua pekhidmat MAIPk diingatkan untuk tidak menggunakan akaun peribadi bagi tujuan agihan bantuan kewangan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 96 (b).

Pernyataan Audit | Akaun Pelbagai yang ditunaikan dan dimasukkan ke dalam akaun peribadi pegawai MAIPk adalah tidak bertepatan dengan peraturan MAIPk. Sejumlah RM77,850 wang zakat yang diberi kepada wakil asnaf tidak dapat disahkan diterima oleh asnaf.

4.2. Penerima Bantuan Sagu Hati Raya Sejumlah RM24,600 Tidak Dapat Disahkan

4.2.1. Arahan Perbendaharaan 102 (a) menetapkan tandatangan seseorang Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa adalah memperakui tentang betulnya setiap butir dalam baucar itu.

4.2.2. Semakan Audit dilaksanakan terhadap baucar berjumlah RM866,200 kepada persatuan mubaligh untuk bayaran sagu hati raya bagi 4,331 Orang Asli dan saudara kita di daerah Kuala Kangsar, Gerik dan Ipoh.

4.2.3. **Semakan Audit seterusnya mendapati maklumat bagi 123 penerima yang telah menerima bantuan sejumlah RM24,600 tidak dapat disahkan.** Ini disebabkan wujud perbezaan antara nama dan jantina berdasarkan nombor kad pengenalan yang dinyatakan dalam akuan penerimaan bayaran bagi 112 penerima yang menerima bantuan sejumlah RM22,400. Selain itu, 11 penerima telah menerima bantuan sejumlah RM2,200 walaupun tiada nombor kad pengenalan direkodkan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
MAKLUMAT PENERIMA BANTUAN
TIDAK DAPAT DISAHKAN MENGIKUT DAERAH

DAERAH	NOMBOR BAUCAR/ TARIKH BAUCAR DILULUSKAN	PENERIMA BAUCAR	PERIHAL BAUCAR	AMAUN BAUCAR (RM)	MAKLUMAT TIDAK DAPAT DISAHKAN	
					BIL. PENERIMA	AMAUN (RM)
Kuala Kangsar	A006364/2020/ 18.05.2020	Persatuan Pendakwah Orang Asli Islam Kuala Kangsar	Tuntutan bayaran bantuan sagu hati raya Orang Asli Islam Kuala Kangsar	430,600	69	13,800
Ipoh	A006356/2020/ 18.05.2020	Surau@Pusat Dakwah Masyarakat Orang Asli Zon Kinta	Tuntutan bayaran bantuan sagu hati raya Orang Asli dan saudara kita bagi daerah Ipoh tahun 2020	165,600	23	4,600
Gerik	A006388/2020/ 21.05.2020	MUBARAK Gerik	Tuntutan bayaran bantuan sagu hati raya Orang Asli dan saudara kita bagi daerah Ipoh tahun 2020	270,000	31	6,200
JUMLAH				866,200	123	24,600

Sumber: Baucar Bantuan Sagu Hati Raya 2020

Maklum Balas MAIPk yang Diterima pada 27 Ogos dan 9 September 2021

Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) telah membuat semakan dan mengenal pasti kesilapan yang berlaku adalah seperti berikut:

- Kesilapan ejaan nama dan nombor kad pengenalan pada dokumen sokongan baucar.
- Terdapat penerima yang tidak dapat dihubungi untuk mengesahkan maklumat penerima dan tidak dapat mengemukakan dokumen.
- Terdapat kesilapan teknikal ketika membuat senarai nama penerima.

- d. Tidak mendapat maklumat tepat daripada penerima bantuan.
- e. Bagi tiga orang penerima yang tidak dapat disahkan, bayaran telah dikembalikan kerana dua penerima didapati bertindih dan satu penerima telah meninggal dunia.

Pernyataan Audit | **Bantuan sagu hati raya yang tidak teratur menyebabkan kesahihan penerimaan bayaran oleh mualaf Orang Asli tidak dapat disahkan.**

4.3. Penerima Bantuan Sagu Hati Raya Terkurang Bayar Sejumlah RM3,450

4.3.1. Waran Peruntukan bertarikh 15 Januari 2020 yang dikeluarkan oleh MAIPk kepada Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) menetapkan bayaran sagu hati raya sebanyak RM200 kepada setiap keluarga mualaf Orang Asli. Kaedah agihan yang ditetapkan ialah baucar bayaran dikeluarkan oleh JAIPk kepada mubaligh yang terdiri daripada persatuan pendakwah atau surau/pusat dakwah masyarakat. Mubaligh seterusnya akan mengagihkan bayaran sagu hati tersebut kepada penerima yang layak.

4.3.2. Semakan Audit dilaksanakan terhadap baucar berjumlah RM435,600 kepada persatuan mubaligh untuk bayaran sagu hati raya bagi 2,178 Orang Asli dan saudara kita di daerah Gerik dan Ipoh.

4.3.3. Semakan Audit seterusnya terhadap senarai penerima sagu hati raya mendapati sejumlah **RM432,150 telah diagihkan kepada penerima berbanding amaun di baucar iaitu RM435,600. Sejumlah RM3,450 tidak diagihkan kepada penerima sagu hati raya. Perkara ini berlaku disebabkan sebanyak 23 penerima hanya menerima bantuan sejumlah RM50 berbanding kadar RM200 yang ditetapkan.** Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
BANTUAN SAGU HATI RAYA BERBEZA DARIPADA KADAR YANG DILULUSKAN

NOMBOR BAUCAR/ TARIKH BAUCAR DILULUSKAN	AMAUN BAUCAR (RM)	MAKLUMAT SEPERTI BAUCAR			MAKLUMAT SEPERTI AKUAN PENERIMAAN			BEZA (RM) (c) =(a)-(b)
		BIL. PENERIMA	KADAR SEORANG (RM)	JUMLAH (RM) (a)	BIL. PENERIMA	KADAR SEORANG (RM)	JUMLAH (RM) (b)	
IPOH								
A006356/2020/ 18.05.2020	165,600	828	200	165,600	810	200	162,000	-
					18	50	900	-
					JUMLAH		162,900	2,700
GERIK								
A006388/2020/ 21.05.2020	270,000	1,350	200	270,000	1,345	200	269,000	-
					5	50	250	-
					JUMLAH		269,250	750
JUMLAH BESAR	435,600	2,178	-	435,600	2,178	-	432,150	3,450

Sumber: Baucar Bantuan Sagu Hati Raya 2020

Maklum Balas MAIPk yang Diterima pada 27 Ogos dan 9 September 2021

- JAIPk menjelaskan sejumlah RM2,700 sagu hati raya kepada Orang Asli yang terkurang bayar kepada 18 penerima di daerah Ipoh diserahkan semula oleh mubaligh kepada MAIPk. Bagi daerah Gerik pula, baki bayaran tidak dibayar sejumlah RM750 juga telah dipulangkan oleh mubaligh kepada MAIPk.
- Bagi mengatasi masalah penyaluran wang sagu hati kepada penerima Orang Asli dan lain-lain aktiviti, JAIPk telah mengambil tindakan tidak lagi melaksanakan bayaran secara tunai. Selain itu JAIPk juga telah mengambil tindakan menyediakan SOP bagi program dan aktiviti.
- MAIPk telah mengambil tindakan mengemukakan surat kepada Pengarah JAIPk menyatakan sebarang cadangan pindaan kadar bantuan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Baitulmal MAIPk kerana melibatkan ketetapan dasar.

Pernyataan Audit | Kelemahan proses bayaran bantuan sagu hati raya menyebabkan terdapat mualaf Orang Asli yang menerima sagu hati pada kadar lebih rendah daripada kadar yang ditetapkan.

4.4. Agihan Zakat Sejumlah RM14,300 Kepada Asnaf yang Telah Meninggal Dunia

4.4.1. Garis Panduan Umum Agihan Zakat MAIPk menetapkan setiap proses penyambungan semula atau penamatan bantuan hendaklah dibentangkan dan diperakui oleh mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal.

4.4.2. Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Daerah (JKBD) bagi bulan Januari hingga Disember 2020 daerah Ipoh, Batu Gajah dan Teluk Intan membentangkan perkara berkaitan penamatan agihan zakat kepada asnaf. Penamatan adalah disebabkan asnaf meninggal dunia, melebihi had kifayah dan tiada akuan setuju terima zakat daripada asnaf.

4.4.3. Semakan Audit mendapati **sejumlah RM14,300 zakat telah dibayar kepada enam asnaf antara tempoh enam hingga lapan bulan selepas meninggal dunia**. Perkara tersebut berlaku disebabkan senarai asnaf lewat dibentang dan diperakui dalam mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal. Selain itu, penamatan bayaran lewat dibuat walaupun kelulusan Jawatankuasa Baitulmal telah diperoleh. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BAYARAN KEPADA ASNAF MENINGGAL DUNIA

BAYARAN KEPADA ASNAH MENINGGAL DUNIA							
BIL.	NOMBOR KAD PENGENALAN	TARIKH MENINGGAL DUNIA	TARIKH MESYUARAT JKBD	BAYARAN SEHINGGA	LEBIHAN BAYARAN		
					BIL BULAN	KADAR SEBULAN (RM)	JUMLAH (RM)
MAIPk Ipoh							
1.	620109085931	04.03.2020	24.06.2020	November 2020	8	300	2,400
2.	380602085273	26.03.2020	23.12.2020	November 2020	8	400	3,200
3.	510624715347	21.05.2020	24.06.2020	Disember 2020	7	300	2,100
4.	440711085127	22.06.2020	24.06.2020	Disember 2020	6	300	1,800
JUMLAH							9,500
MAIPk Batu Gajah							
1.	211122085103	29.01.2020	23.12.2020	September 2020	8	300	2,400
JUMLAH							2,400
MAIPk Teluk Intan							
1.	480504085737	24.02.2020	30.09.2020	Oktober 2020	8	300	2,400
JUMLAH							2,400
JUMLAH KESELURUHAN							14,300

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Daerah Tahun 2020 dan Sub-Baucar Agihan Kewangan Bulanan

Maklum Balas MAIPk yang Diterima pada 27 Ogos, 9 September dan 18 November 2021

MAIPk memaklumkan bayaran bantuan kepada penerima yang meninggal dunia di MAIPk Ipoh adalah disebabkan kelewatan makluman pihak waris kepada Bahagian Agihan Zakat.

MAIPk mengambil perhatian serius berkenaan perkara ini untuk penamatan dengan kadar segera melalui langkah penambahbaikan seperti berikut:

- a. Membuat semakan berkala secara rasmi atau carian dalam Daftar Kematian Jabatan Pendaftaran Negara.
- b. Mewujudkan borang khas antara asnaf dan waris untuk mengemukakan maklumat sekiranya berlaku kematian dan perpindahan.

Garis Panduan Umum Agihan Zakat menetapkan proses semakan semula bagi tujuan penyambungan dibuat sekali pada setiap hujung tahun bagi mengenal pasti status semasa penerima sama ada masih hidup atau meninggal dunia, tempat tinggal semasa dan pendapatan terkini isi rumah.

Sekiranya asnaf penerima bantuan meninggal dunia dan pihak MAIPk masih membuat bayaran, jika didapati wang tersebut diambil oleh waris yang bukan dalam kategori asnaf, maka pihak MAIPk akan menuntut kembali wang tersebut.

Pihak pengurusan telah menghantar surat kepada Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Perak bertarikh 9 September 2021 memohon semakan maklumat penerima skim bantuan kewangan bulanan asnaf fakir, miskin dan muaf MAIPk.

Pernyataan Audit | Kelemahan dalam proses penamatan agihan zakat kepada asnaf yang meninggal dunia menyebabkan lebih bayaran berjumlah RM14,300.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, dapat dirumuskan bahawa masih terdapat kelemahan dalam agihan zakat pada tahun 2020. Kelemahan ini menyebabkan berlakunya isu seperti agihan kepada penerima tidak dapat disahkan,

bantuan sagu hati raya terkurang bayar dan zakat masih dibayar kepada asnaf yang telah meninggal dunia.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan agihan zakat kepada asnaf mematuhi peraturan dan garis panduan, adalah disyorkan tindakan penambahbaikan dilaksanakan seperti berikut:

- 6.1. memastikan kaedah pembayaran agihan zakat mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan;
- 6.2. memastikan bantuan sagu hati raya melalui persatuan/mubaligh adalah mengikut kadar yang ditetapkan; dan
- 6.3. memastikan bayaran kepada penerima zakat yang telah meninggal dunia ditamatkan dengan kadar segera.



BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2), Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2018 Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 27 Oktober 2020. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Perak Tahun 2019 pula telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 26 Ogos 2021.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Persidangan terakhir Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak adalah Bil. 5 tahun 2020 pada 18 Ogos 2020. Tiada mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak diadakan bagi tempoh bulan September 2020 sehingga Ogos 2021. Keadaan ini adalah disebabkan berlakunya pertukaran kerajaan di negeri Perak daripada Pakatan Harapan kepada Perikatan Nasional, selain pelaksanaan PKP di seluruh negara yang turut menjadi faktor kekangan.



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2020 adalah baik. Penyerahan penyata kewangan agensi negeri juga baik kerana telah dapat dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Akta Audit 1957 dan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM1.260 bilion masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi kewangan jabatan/agensi negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
22 November 2021**



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Perak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Perak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Perak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Perak.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Perak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Kerajaan Negeri Perak hendaklah menyediakan Arahan Amanah bagi Akaun Amanah Kerajaan Kira-kira Perjalanan Woksyop yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Arahan Amanah ini bertujuan sebagai garis panduan dalam mengendalikan dan menguruskan sesuatu Akaun Amanah. Penyediaan Arahan Amanah hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 OGOS 2021



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Perak.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2020.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2020.



DATO' ZULAZLAN BIN ABU HASSAN
Pegawai Kewangan Negeri Perak

15 Februari 2021



MEGAT AMIRUL ZAINI JAMALULLAIL BIN MEGAT JAMALUDDIN
Bendahari Negeri Perak

15 Februari 2021

Lampiran III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2020

		<u>2020</u>	<u>2019</u>
	<u>Nota</u>	RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	343,179,560.51	363,969,976.57
